



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGAL PERTAMA  
MESYUARAT PERTAMA**

## K A N D U N G A N

### **PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**

- Mengalu-alukan Ahli-ahli Baru (Halaman 1)
- Mengangkat Sumpah di Luar Dewan (Halaman 1)
- Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong (Halaman 2)
- Perutusan Daripada Dewan Rakyat (Halaman 2)

### **URUSAN MESYUARAT**

(Halaman 2)

### **JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 3)

### **USUL-USUL:**

- Jalan-jalan Masuk ke Parlimen (Halaman 23)
- Menjunjung Kasih Titah Ucapan  
Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong  
- *YB Senator Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop* (Halaman 23)

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Doris Sophia ak Brodi
3. “ Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar (Dilantik)
4. “ Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan (Perlis)
5. “ Dato' Sri Abdul Wahid bin Omar – *Senator - Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
6. “ Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop (Johor)
7. “ Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md Hanipah – *Senator - Tim. Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan*
8. “ Dr. Ariffin bin S.M. Omar (Pulau Pinang)
9. “ Tuan Baharudin bin Abu Bakar (Dilantik)
10. “ Dato' Boon Som a/l Inong (Dilantik)
11. “ Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah (Selangor)
12. “ Puan Chew Lee Giok (Dilantik)
13. “ Tuan Chiew Lian Keng (Dilantik)
14. “ Datuk Chin Su Phin (Dilantik)
15. “ Datuk Chiu Tiang Chai (Dilantik)
16. “ Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg (Sarawak)
17. “ Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah (Dilantik)
18. “ Dato' Sri Iris Jala @ Idris Jala (Dilantik) – *Senator - Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
19. “ Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman (Dilantik)
20. “ Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh (Dilantik)
21. “ Dato' Dr. Johari bin Mat (Kelantan)
22. “ Datuk Haji Kadzim Haji M. Yahya (Sabah)
23. “ Puan Hajah Khairiah binti Mohamed (Kelantan)
24. “ Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon (Dilantik) – *Senator*
25. “ Tuan Lihan Jok (Sarawak)
26. “ Dato' Lim Nget Yoon (Pahang)
27. “ Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan – *Senator - Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan*
28. “ Dr. Lucas bin Umbul (Sabah)
29. “ Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit (Dilantik)
30. “ Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Dilantik) – *Senator*
31. “ Dato' Maznah binti Mazlan (Dilantik) – *Senator*
32. “ Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad (Perlis)
33. ” Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin (Kedah)
34. “ Dato' Muhammad Olian bin Abdullah (Dilantik)
35. “ Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai (Dilantik)
36. “ Datuk Hajah Noriah binti Mahat (Dilantik)

37. Yang Berhormat Puan Norliza binti Abdul Rahim (Dilantik)
38. “ Datuk Pau Chiong Ung (Dilantik)
39. “ Datuk Paul Low Seng Kuan – *Senator - Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
40. “ Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah (Dilantik)
41. “ Puan Hajah Rohani binti Abdullah (Terengganu)
42. “ Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman (Pahang)
43. “ Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal (Dilantik)
44. “ Datuk Haji Saat bin Haji Abu (Melaka)
45. “ Tuan Saiful Izham bin Ramli (Kedah)
46. “ Datuk Subramaniam a/l Veruthasalam (Dilantik)
47. ” Dato’ Syed Ibrahim bin Kader (Dilantik)
48. “ Dr. Syed Husin Ali (Selangor)
49. “ Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud (Pulau Pinang)
50. “ Tuan Waytha Moorthy Ponnusamy – *Senator - Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
51. ” Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus (Dilantik)
52. “ To’ Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin (Terengganu)

**Ketua Pentadbir Parlimen**

Dato' Lamien bin Sawiyo

**Setiausaha Dewan Negara**

Datuk Zamani bin Haji Sulaiman

**Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**

Encik Che Seman bin Pa Chik

**PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (*HANSARD*)**

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Siti Norhazarina binti Ali

Mulyati binti Kamarudin

Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli

Sherliza Maya binti Talkah

Mohd Salleh bin Ak Atoh

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Azmir bin Mohd Salleh

Nur Nazihah binti Mohd. Nazir

Noraidah binti Manaf

Mohd. Fairus bin Mohd. Padzil

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Nor Kamsiah binti Asmad

Siti Zubaidah binti Karim

Aifarina binti Azaman

Noorfazilah binti Talib

Farah Asyraf binti Khairul Anuar

Julia binti Mohd. Johari

Syahila binti Ab Mohd Khalid

Siti Norlina binti Ahmad

Hazwani Zarifah binti Anas

Siti Aishah Md Nasir



**MALAYSIA  
DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGKAL PERTAMA  
MESYUARAT PERTAMA**

Isnin, 22 Julai 2013

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**

**MENGALU-ALUKAN AHLI-AHLI BARU**

**Tuan Yang di-Pertua:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut peruntukan Peraturan Majlis Mesyuarat 4(3), saya dengan ini memberitahu Majlis ini iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat yang berikut telah mengangkat sumpah semasa di luar Majlis Mesyuarat Dewan mengikut Jadual Keenam dalam Perlembagaan Persekutuan pada tarikh yang dinyatakan seperti berikut:

**MENGANGKAT SUMPAH DI LUAR DEWAN**

**Pada 12 Mac 2013:**

1. Yang Berhormat Senator Datuk Doris Sophia ak Brodi

**Pada 26 April 2013:**

1. Yang Berhormat Senator Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang

**Pada 21 Mei 2013:**

1. Yang Berhormat Senator Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md Hanipah
2. Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan
3. Yang Berhormat Senator Datuk Paul Low Seng Kuan

**Pada 5 Jun 2013:**

1. Yang Berhormat Senator Dato' Sri Abdul Wahid bin Omar
2. Yang Berhormat Senator Tuan Waytha Moorthy Ponnusamy

**Pada 19 Julai 2013:**

1. Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah binti Mahat
2. Yang Berhormat Senator Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg

### TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan sukacitanya saya memaklumkan kepada Majlis ini iaitu pada tanggal 25 Jun 2013, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan menyampaikan Titah Ucapan Diraja dalam Parlimen. Saya telah menerima salinan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda itu dan seterusnya sekarang saya mengarahkan supaya salinan Titah Ucapan itu dibentangkan di atas meja Mesyuarat dan seterusnya dicetak dalam Penyata Rasmi.

*[Teks Titah Ucapan Diraja adalah seperti di Lampiran]*

### PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara ini mempersetujui rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Saya menjemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

*[Setiausaha membacakan Perutusan]*

“18 Julai 2013

### Perutusan Daripada Dewan Rakyat kepada Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan rang undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2012) 2013.

Yang ikhlas,

t.t

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT”

### URUSAN MESYUARAT

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya rang undang-undang yang tersebut di dalam perutusan itu dibaca bagi kali yang kedua dan ketiganya di Mesyuarat ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.



### JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebelum Ahli Yang Berhormat kita mulakan pada soalan pertama, izinkan saya terlebih dahulu menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormat dalam ucapan lisan ataupun pertanyaan lisan ini, saya berharap Yang Berhormat semua mengikut peraturan-peraturan mesyuarat dan juga jangan lari daripada Perlembagaan Persekutuan untuk mengelakkan supaya Dewan yang mulia ini dapat menjalankan tanggungjawab dengan penuh tertib, lancar dan berkesan.

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya sebelum mengemukakan soalan untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua di atas pelantikan semula beliau sebagai Senator dan sekali gus sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara.

1. **Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop** minta Perdana Menteri menyatakan, adakah Kementerian berpandangan cadangan yang dilemparkan oleh sesetengah pihak agar institusi Dewan Negara dimansuhkan sebagai suatu bentuk provokasi dan mencabar prinsip demokrasi berperlembagaan negara sekali gus tidak menghormati institusi beraja di bawah naungan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Puan Hajah Nancy binti Shukri]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya pun hendak mengucapkan tahniah kepada semua yang baru dilantik sebagai Senator.

*Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Yang Berhormat Senator di atas soalan yang pertama.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua sebagaimana yang dimaklumi, Parlimen Malaysia ini mengamalkan sistem dwi-Dewan ataupun *bicameral system*, dengan izin. Sistem ini juga turut diamalkan di negara-negara lain seperti India, UK, Thailand, Australia dan Kanada. Parlimen Malaysia terdiri daripada Yang di-Pertuan Agong, Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

Dewan Rakyat terdiri daripada ahli-ahli yang dipilih oleh rakyat sepenuhnya melalui sistem pilihan raya. Ahli Dewan Negara pula dilantik melalui dua kaedah iaitu melalui pemilihan ataupun *indirect election*, dengan izin, oleh dewan undangan negeri-negeri dan pelantikan oleh Yang di-Pertuan Agong.

#### ■1010

Ahli-ahli Dewan Negara yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong mewakili pelbagai profesion seperti perdagangan, perindustrian, pertanian, aktiviti kebudayaan dan perkhidmatan sosial dan ras minoriti seperti Orang Asli sesuai dengan latar belakang Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum dan budaya.

Seterusnya, mengenai soalan tadi sama ada ianya satu provokasi. Kerajaan tidak menganggap cadangan yang dilemparkan sebagai provokasi. Ini kerana sebagai sebuah kerajaan yang mengamalkan prinsip demokrasi, kita sentiasa melihat cadangan sebagai satu peluang bagi melihat keterbukaan dan kesediaan kerajaan untuk membuat pindaan kepada Perlembagaan. Pada masa ini, kerajaan perlu mempertimbangkan sedalam-dalamnya cadangan seperti itu. Maka dengan itu kita belum mempunyai kesediaan untuk melakukan pindaan-pindaan terhadap perlembagaan.

Jadi kerajaan- dalam hal ini kerana setiap individu yang dilantik sebagai Ahli Dewan Negara adalah terdiri daripada individu-individu yang mewakili setiap negeri tanpa mengira negeri tersebut, sama ada ditadbir oleh sebelah sini ataupun di sebelah sana. Jadi kita memang mengamalkan prinsip demokrasi. Selain daripada itu juga Tuan Yang di-Pertua, Artikel 45, Fasal 2, Perlembagaan Persekutuan juga memperuntukkan bagi lantikan Ahli Dewan Negara di kalangan individu yang mewakili profesion dan juga berkepentingan tertentu di dalam masyarakat. Maka dengan itu kita menganggap kita telah mengamalkan prinsip demokrasi. Jadi itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan dipersilakan.

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah memberi penerangan yang jelas berhubung status dan kepentingan fungsi serta peranan sebenar Dewan Negara sebagaimana yang kekal termaktub di dalam perlembagaan. Soalan tambahan saya, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri melihat cadangan Yang Berhormat Bukit Gelugor itu sebagai satu cubaan untuk menghapuskan kuasa Dewan Negara yang mempunyai kuasa veto untuk menolak rang undang-undang bagi meminda Perlembagaan Persekutuan yang diperuntukkan di bawah Artikel 68(5), Perlembagaan Persekutuan? Mohon pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya seperti yang saya jawab tadi, kita tidak melihat ianya sebagai satu cabaran, satu provokasi. Ini kerana saya percaya apa yang dilakukan oleh Yang Berhormat Bukit Gelugor itu, beliau telah melihat kepada apa yang berlaku sejarah Malaysia dahulu memang pernah dicadangkan di bawah Suruhanjaya Reid dahulu agar adanya *indirect election*, adanya *direct election* lebih kepada *indirect election* dalam Dewan Negara ataupun dalam *Senate* ini. Akan tetapi, ianya telah ditolak kalau tidak silap pada ada dua dari kalangan Ahli dari Suruhanjaya Reid iaitu Sir William McKell dan Mr. Justice Abdul Hamid yang menolak cadangan tersebut.

Saya juga percaya Tuan Yang di-Pertua, kalaulah berlaku perkara seperti itu dimansuhkan Dewan Negara ini atau dilakukan pilihan raya misalnya, maka prinsip demokrasi itu tidak wujud lagi. Kenapa saya berkata demikian kerana dalam Artikel 45, Fasal 2 kalau tidak silap di sini, dalam peruntukan perlembagaan kita ia memberi peluang kepada mereka yang mempunyai kepentingan. Individu yang mempunyai kepentingan untuk diwakili di dalam *Senate* ini dalam Dewan Negara. Begitu juga mereka yang mempunyai individu yang mewakili profesion tertentu juga diwakili dalam Dewan Negara.

Jadi kalau kita lihat kepada Dewan Rakyat, kalau semuanya dipilih maka besar kemungkinan individu yang mempunyai kepentingan tertentu tidak dapat diwakili. Jadi maka itulah kita tidak dapat menimbang cadangan seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Bukit Gelugor. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dipersilakan Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengemukakan soalan tambahan dengan menyatakan bahawa semangat daripada soalan yang dikemukakan oleh Tuan Haji Ahamat ini ialah ada kena mengena dengan tujuan isu ini ditimbulkan oleh individu yang berkenaan dan cara ia mengemukakannya. Apakah tujuannya sekadar untuk memperleceh Dewan Negara ini atau untuk memastikan bahawa untuk memperkukuhkan, untuk memperkasakan Dewan Negara ini? Ternyata sekarang, tujuannya ialah semangat, cara, nada dan tempat saranan itu dikeluarkan ialah semata-mata untuk memperleceh Dewan Negara.

Kita sebagai Yang Berhormat tadi menyebut, ini adalah satu proses demokrasi. Kita bersyukur bahawa selama 50 tahun negara merdeka, demokrasi yang kita amalkan dari sehari ke sehari bertambah matang melalui pengalaman-pengalaman yang kita lalui. Oleh sebab itu bila ada soalan-soalan yang sengaja memperleceh dan memperlekeh Dewan Negara seperti ini, inilah yang menjadi kegusaran, yang menjadi keprihatinan Yang Berhormat Tuan Haji Ahamat tadi. Oleh sebab saya timbulkan tujuan ia dikemukakan, cara ia dikemukakan semata-mata memang rasanya hendak memperlekeh Dewan Negara dan ini rasanya adalah untuk menghina kita, menghina perlembagaan.

Semangat itulah saya rasa soalan itu harus dilihat dan sebab itulah saya minta supaya Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menjawabnya. Terima kasih.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan itu. Memang saya bersetuju apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu sebab itu kita perlu mempertahankan perlembagaan kita. Malah saya ingin merujuk kepada buku yang ditulis oleh Tun Mohd Suffian pada satu masa dahulu iaitu '*An Introduction to the Constitution of Malaysia*' dengan izin, yang mengatakan, "*Originally the Senate was meant to act as a check on the Dewan Rakyat and also to represent the interest of the various state*". Jadi dari situ kita dengan izin dari situ kita mengetahui bahawa memang diwujudkan Dewan Negara untuk melihatkan kepada apa yang dilakukan di dalam Dewan Rakyat.

Jadi Dewan Negara menjadi *check and balance* sehingga mereka pernah melakukan di mana mereka boleh membantu kita untuk melahirkan satu undang-undang yang boleh diperhalusi lagi melalui apa yang dilakukan menerusi peranan yang dimainkan oleh Dewan Negara. Jadi memang kita bersetuju bahawa kalau kita tahu, kita rasakan tujuan itu memang mempunyai ada yang tersirat dan tersurat di dalam hati individu yang mencadangkan supaya ianya dimansuhkan kerana hendak melihat kepada kelemahan Kerajaan Malaysia ini. Jadi kita tidak mahu meminda perlembagaan atas desakan orang-orang yang tertentu hanya untuk kepentingan mereka pada jangka masa yang pendek.

Tuan Yang di-Pertua, kita perlu memikirkan bahawa kita sama ada siapa-siapa yang menjadi ketua negara kita adalah berpandukan kepada Perlembagaan ini. Maka perlulah Perlembagaan ini diperketat agar ianya bagi membolehkan negara kita ditadbir dengan aman dan damai melalui perlembagaan. Maka sebab itulah kita perlu mempunyai peranan Dewan Rakyat yang terdiri daripada mereka yang dipilih, yang mungkin tidak mewakili mereka yang berkepentingan dan Dewan Negara yang mempunyai kepentingan untuk membantu dalam *check and balance*, dengan izin. Sekian, terima kasih.

**Beberapa Ahli:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat sudah jawab itu cukuplah dulu. Kalau Yang Berhormat, apa di dalam sahaja boleh bercakap. Cukup setakat itu.

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Boleh bagi peluang Tuan Yang di-Pertua?

**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Mohon, mohon soalan. soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dua soalan sahaja.

2. **Puan Chew Lee Giok** minta Menteri Kewangan menyatakan, berapakah jumlah wang yang telah di belanja oleh Kerajaan untuk BR1M250 dan BR1M500. Apakah rancangan BR1M untuk masa depan.

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya memohon untuk menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Chew Lee Giok mengenai Program Bantuan Rakyat 1Malaysia 2.0 (BR1M 2.0) bersekali dengan soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Haji Saad bin Haji Abu pada 22 Julai dan Yang Berhormat Senator Chin Su Phin pada 25 Julai memandangkan isu-isu yang dibangkitkan adalah sama ialah mengenai statistik kelulusan dan mekanisme pelaksanaan BR1M 2.0.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

■1020

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah meneruskan sekali lagi BR1M 2.0 pada tahun 2013 sebagai usaha untuk membantu meringankan beban rakyat Malaysia terutama keluarga yang berpendapatan rendah serta selaras dengan peralihan kepada dasar pelaksanaan subsidi bersasar, dengan izin, *targeted subsidy*. Bantuan ini diberi kepada isi rumah berpendapatan RM3,000 dan ke bawah serta diperluaskan kepada individu bujang berpendapatan RM2,000 dan ke bawah. Pemberian BR1M 2.0 diberikan kepada semua yang layak tanpa mengira kaum, agama mahupun latar belakang politik. Pelaksanaan BR1M 2.0 berjalan lancar dan usaha murni kerajaan ini telah mendapat sambutan baik daripada rakyat. Bantuan tunai RM500 bagi setiap isi rumah dan RM250 bagi individu bujang yang layak ini telah sedikit sebanyak dapat membantu meringankan beban belanja harian mereka. Pada masa yang sama pemberian bantuan ini juga dapat merencanakan aktiviti ekonomi setempat.

Terdapat tiga peringkat dalam pelaksanaan BR1M 2.0 iaitu pertama, pengedaran borang BR1M, yang kedua proses semakan dan yang ketiga pengagihan BR1M. Pengedaran borang serta pendaftaran BR1M 2.0 telah bermula 1 November 2012 sehingga 15 Mei 2013. Proses semakan permohonan dilakukan oleh pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM). Kesemua maklumat dalam borang BR1M 2.0 telah didaftarkan ke dalam sistem BR1M 2.0 yang berpangkalan di LHDN bagi menjalani proses semakan dan verifikasi. Proses pengesahan dilaksanakan secara menyeluruh dengan semakan bersama data daripada pelbagai agensi.

Antaranya, Jabatan Pendaftaran Negara, Lembaga Hasil Dalam Negeri, Jabatan Pengangkutan Jalan, Jabatan Perkhidmatan Awam dan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Ini adalah bagi memastikan maklumat yang dikemukakan oleh pemohon adalah benar. Seterusnya, kes penipuan maklumat dapat diminimumkan.

Keputusan berjaya atau tidak berjaya telah diedarkan melalui surat dan e-mel bermula 15 Januari dan pemberian pada 1 Februari 2013. Bagi memudahkan pemohon untuk menyemak status mereka, perkhidmatan talian bebas tol BR1M 2.0 telah diwujudkan, mempunyai bilangan operator sehingga 30 talian. Di samping itu kerajaan juga menyediakan e-mel khas brim2@treasury.gov.my bagi memudahkan pemohon untuk menyemak status permohonan mereka.

Secara keseluruhan, penerima BR1M 2.0 adalah seramai 6.8 juta penerima atau 88.1 peratus daripada jumlah permohonan dengan peruntukan sebanyak RM2.9 bilion. Penerima yang berjaya merangkumi 4.8 juta isi rumah dan 2 juta penerima bujang. Terima kasih.

**Puan Chew Lee Giok:** Terima kasih Timbalan Menteri. Berapakah bilangan yang mendapatkan BR1M 1.0 tetapi tidak mendapat BR1M 2.0? Terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Penerima BR1M 1.0 ialah 4.4 juta tetapi dalam BR1M 2.0 kita ada tambahan sebanyak 1,695,323. Dengan lain perkataan, BR1M 2.0 lebih ramai kerana kita ada kategori bujang dan angkanya lebih 1,695,323.

**Dr. Syed Husin Ali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Baru-baru ini seorang mantan Perdana Menteri telah menyatakan bahawa BR1M ini tidak mempunyai kesan yang positif sangat terhadap memberikan kemenangan lebih besar kepada Barisan Nasional dalam pilihan raya yang lalu. Ini adalah berkaitan asal usul BR1M itu sebenarnya bermula sebelum pilihan raya mungkin dengan tujuan tertentu. Bolehkah Menteri memberikan sedikit penerangan dan pendapat tentang pendapat mantan Perdana Menteri itu? Terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** BR1M ini tujuannya adalah untuk memberikan bantuan kepada rakyat. Kita memberikan bantuan kepada rakyat ini tidak kira sama ada pilihan raya ataupun tidak pilihan raya. Antara bantuan yang kita berikan ialah untuk anak-anak sekolah sebanyak RM100 tanpa mengira pendapatan ibu dan bapanya dan itu jumlahnya lebih kurang lima juta anak-anak yang sekolah. Satu lagi yang kita berikan ialah bantuan subsidi seperti subsidi gula, tepung dan juga subsidi RON95, minyak masak, gas memasak. Itu adalah yang kita berikan hari-hari termasuk beras hancur 15. Itu adalah bantuan kerajaan kepada rakyat pada setiap hari. Jumlah segala subsidi ini RM33,000 juta setahun. Begitu banyak sekali.

Bantuan BR1M ini kalau kita lihat yang paling tinggi mendapat ialah Selangor, dan Barisan Nasional kalah di Selangor. Kedua Johor, Sarawak, keempat Sabah dan kelima Kedah. Jadi, saya tidak pasti korelasi antara bantuan BR1M dengan sama ada mereka menyokong ataupun tidak. Apa yang penting kita nak membantu rakyat. Sesuai dengan slogan Kerajaan Barisan Nasional, '*Rakyat Didahulukan*'. Terima kasih.

**3. Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman** minta Perdana Menteri menyatakan, langkah-langkah kerajaan dalam memperkasakan keharmonian kaum dan perpaduan kebangsaan, dan sejauh manakah usaha menggalakkan kesederhanaan di kalangan rakyat berbilang kaum ke arah penyatuan nasional.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, memupuk perpaduan wajib dijadikan agenda semua pihak. Kerajaan sedar dalam memperkasakan keharmonian kaum, usaha yang berterusan amat diperlukan. Kompleksiti landskap demografi rakyat Malaysia dengan izin, *demand greater sustainable efforts from the government*.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sepanjang bulan Januari hingga Jun tahun ini, lebih kerana sebanyak 110,000 aktiviti program penggalakan perpaduan telah dilaksanakan oleh Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional di semua peringkat yang melibatkan seramai tiga juta orang di seluruh Malaysia. Di antara strategi dan pendekatan yang telah dilakukan ialah pertama, meningkatkan bilangan penubuhan mekanisme perpaduan setiap tahun. Contohnya ialah kita mempunyai 6,330 buah kawasan Rukun Tetangga pada 30 Jun 2013. Manakala Skim Rondaan Sukarela pula ialah sebanyak 3,783,

dan Tabika Perpaduan pula ialah berjumlah 1,781. Kelab Rukun Negara ialah 5,587 dan ini dilaksanakan di peringkat sekolah. Kita juga mempunyai 135 Sekretariat Rukun Negara di peringkat IPTA dan IPTS manakala JPNIN mempunyai yang terlatih 874 *mediator*.

Keduanya, memperkukuhkan jaringan dan kerjasama pelbagai agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Berikutnya, menetapkan pelbagai teras di dalam melaksanakan program dan aktiviti yang boleh meningkatkan interaksi perhubungan dan persefahaman di kalangan semua lapisan masyarakat. Pihak Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional juga dalam usaha merangka *the way forward*. Beberapa program telah dan akan diperkasakan lagi.

Pertama ialah mempelbagaikan pelaksanaan program dan aktiviti perpaduan seperti Program Sayang Komuniti, program demi perpaduan dan keharmonian di kalangan masyarakat. Kedua, memberi kesedaran kepada masyarakat supaya saling hormat-menghormati kepelbagaian budaya kaum-kaum di negara ini. Berikutnya melatih lebih ramai mediator komuniti, kemudian membuat penilaian tentang keberkesanan program dan aktiviti dan membuat pengubahsuaian di mana yang perlu.

#### ■1030

Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha menggalakkan masyarakat pelbagai kaum supaya bersikap sederhana ke arah penyatuan nasional iaitu diterapkan melalui program dan aktiviti kelab Rukun Tetangga dan sekretariat Rukun Negara yang menekankan pengamalan nilai-nilai *wasatiyyah* berasaskan prinsip-prinsip Rukun Negara. Prinsip kepercayaan kepada Tuhan, kedaulatan undang-undang, kesopanan dan kesusilaan umpamanya mempunyai nilai-nilai murni yang amat kukuh di dalam usaha menerapkan kesederhanaan. Oleh itu program memberi kefahaman dan mendalami Rukun Negara itu amat penting dan perlu dipertingkatkan lagi.

JPNIN juga mengadakan *public engagement* dengan pelbagai kumpulan masyarakat yang bertujuan untuk mendapatkan pandangan dan input yang konstruktif dalam penubuhan Majlis Konsultasi Perpaduan Nasional. Beberapa *public engagement* telah dijalankan dan ini bertujuan untuk menubuhkan dan mewujudkan semula, Majlis Konsultasi Perpaduan Nasional. Ini akan dikemukakan kepada pihak Kabinet dalam masa yang terdekat untuk mendapat kelulusan seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai rumusannya untuk menyatupadukan masyarakat dan menerapkan sifat kesederhanaan di dalam sesebuah negara, masyarakat majmuk memerlukan kesedaran, keikhlasan, kejujuran, persefahaman dan kerjasama yang amat tinggi dari semua pihak. Jika terdapat mana-mana pihak mahupun kumpulan yang masih tidak mempunyai ciri-ciri tersebut maka selagi itulah kesederhanaan, keharmonian yang diusahakan itu akan terhalang. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan Yang Berhormat Roslin.

**Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Menteri yang menjawab. Di mana kita lihat bahawa kebelakangan ini jelas polarisasi kaum yang begitu menebal yang boleh menjejaskan keharmonian dan perpaduan kaum. Begitu juga dengan sikap kesederhanaan atau *wasatiyyah* yang terus diambil mudah antara lainnya berpunca kerana kedangkalan dari segi sejarah.

Soalan tambahan saya, apakah langkah kerajaan bagi melahirkan rakyat yang bukan sahaja celik kepada sejarah negara tetapi juga memahaminya dan menghargainya sehingga dapat melahirkan rakyat yang cintakan negara. Adakah kerajaan juga bercadang untuk menambah lagi atau bercadang untuk menghidupkan kembali semangat Rukun Negara menyeluruh bagi semua lapisan rakyat bermula dari sekolah rendah, menengah dan IPT dan juga serta apakah model perpaduan nasional yang ingin dibangunkan dan digemblengkan? Sekian, terima kasih.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya sebentar tadi saya sudah menghuraikan langkah-langkah yang sedang dan akan di perkasakan lagi oleh kerajaan untuk menangani, mengurangkan masalah polarisasi kaum ini. Satu contoh yang ketara ialah pihak kerajaan telah mengadakan beberapa konsultasi untuk mendapatkan pandangan semua pihak bertujuan untuk mewujudkan majlis *consultation* ini. Selepas itu nanti, pendapat yang kami dapat daripada semua pihak itu akan diguna untuk membuat satu pelan tindakan, pelan tindakan yang lebih jelas lagi untuk mengurangkan

polarisasi kaum ini. Tidak dapat dinafikan kalau kita tidak bertindak untuk mengurangkan perkara ini, maka kita takut satu hari nanti ia tidak dapat dikawal.

Keduanya berkaitan dengan rukun tetangga saya sebut tadi, itu pun dalam jawapan saya sebenarnya. Saya sudah hurai tetapi sekarang pendekatan kita itu ialah untuk memperkuatkan lagi. Kita akan bawa konsep ini ke sekolah-sekolah, sekarang ini pun kita sedang menjalankan itu, akan tetapi kami berpendapat itu belum cukup. Kita akan menanamkan semangat, semangat apa sebenarnya Rukun Tetangga ini supaya mereka memahami apa dia dan kemudian mungkin membesar sebagai rakyat yang mempunyai sikap yang sederhana.

Selain daripada itu, daripada IPT semua ini pun kita telah menjalankan kesemua ini, tetapi apa penting bagi kita memuaskan ialah untuk memperkuatkan lagi, menghalusi lagi kita punya cara untuk menanam semangat Rukun Tetangga kepada murid-murid kita. Bukannya dalam berita tetapi yang paling baik itu ialah kita bermula dari anak-anak kita. Sekian.

**Tuan Yang d-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Dr Johari.

**Dato' Dr. Johari bin Mat [Kelantan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya telah mendengar jawapan tadi dan saya ingin bertanya kepada Menteri berhubung dengan - tadi dia beritahu tentang aktiviti dan saya ingin tahu konsep kesederhanaan yang telah direncanakan oleh pihak kementerian untuk membentuk masyarakat yang bagus dan saya ingin tahu juga tahap mana kedudukan kesederhanaan yang telah dicapai setakat ini? Terima kasih.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup:** Tuan yang di-Pertua, seperti mana kita sedia maklum konsep kesederhanaan ini yang berpaksikan daripada konsep *wasatiyyah* sederhana, *take the middle part* baru disokong oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Jadi daripada itu, adalah perlu bagi kita untuk mewujudkan majlis konsultasi ini. Selepas ini oleh sebab kita mahu meminta pandangan daripada semua pihak seperti saya katakan tadi itu, kita akan mewujudkan satu pelan tindakan yang paling baik apa cara kita untuk menanam dalam semangat rakyat kita berkaitan dengan konsep *wasatiyyah* ini. Jadi itulah serba sedikit.

**4. Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan, adakah benar syarikat-syarikat milik Malaysia terlibat dalam kebakaran terbuka di Indonesia semasa krisis jerebu baru-baru ini dan sekiranya ya, namakan syarikat-syarikat tersebut dan juga tindakan yang diambil terhadap mereka.

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Dr. James Dawos Mamit]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dengan izin saya pohon untuk menjawab pertanyaan daripada Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah bersekali pertanyaan-pertanyaan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dr. Ariffin bin S.M. Omar pada 22 Julai, Yang Berhormat Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai dan Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan pada 23 Julai, Yang Berhormat Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon pada 24 Julai, Yang Berhormat Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin pada 25 Julai, Yang Berhormat Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman, Yang Berhormat Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamad dan Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar pada 29 Julai. Yang Berhormat Datuk Muhammad Olian bin Abdullah dan Yang Berhormat Puan Norliza binti Abdul Rahim pada 31 Julai, Yang Berhormat Datuk Jaspal Singh pada 1 Ogos mengenai kejadian jerebu yang melanda negara baru-baru ini. Saya mohon izin.

**Tuan Yang d-Pertua:** Silakan Yang Berhormat, penatkah?

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, pertamanya saya ingin mentakrifkan jerebu kerana kita dalam Dewan ini mesti mahu tahu juga apa sebenarnya jerebu dan macam manakah ia berlaku.

#### ■1040

Rakyat di negara ini juga perlu tahu tentang jerebu. Jerebu adalah asap tebal terhasil daripada pembakaran terbuka. Asap tebal ini mengandungi partikel-partikel atau zarah-zarah halus yang tidak nampak oleh mata kasar, terampai di atmosfera dalam kepekatan yang tinggi. Kejadian jerebu mengurangkan jarak ketampakan. Jerebu

mengandung lebih daripada 1,400 bahan-bahan kimia dan ada di antara bahan-bahan kimia ini boleh menyebabkan penyakit kanser.

Ini adalah amaran saya sebab saya pernah terkena. Dalam kehairahan saya membuat kajian dan minat dalam jerebu ini pada tahun 1997/1998 di Sarawak, dengan pakar-pakar dari Kanada, kami buat kajian jerebu. Pada masa itulah saya tidak menggunakan topeng muka dan oleh itu memang pernafasan jerebu yang masuk. Maka, saya kena NPC iaitu *nasopharyngeal cancer* tetapi sudah diubati dan sekarang sememangnya sudah baik.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, jerebu yang melanda Semenanjung Malaysia adalah jerebu merentasi sempadan berpunca daripada Sumatera, Indonesia. Ia berlaku akibat kebakaran hutan di tanah gambut yang berleluasa dan tidak terkawal di Sumatera, Indonesia terutamanya semasa musim panas dan kering yang berpanjangan. Musim panas dan kering yang dihadapi di rantau ini biasanya antara bulan Jun hingga bulan September yang mana ketika arah angin adalah angin monsun barat daya.

Angin barat daya yang bertiup dari kawasan-kawasan titik panas di Sumatera Tengah, Indonesia menghala ke arah Semenanjung Malaysia telah membawa asap tebal iaitu jerebu ke kawasan Pantai Barat Semenanjung Malaysia termasuklah ke beberapa kawasan di Pantai Timur Semenanjung seperti yang dialami semasa episod jerebu pada 15 Jun hingga 26 Jun tahun 2013 yang lalu. Namun jerebu masih lagi melanda Semenanjung Malaysia sekarang.

Untuk makluman semua, pada pukul 9 pagi hari ini, IPU iaitu indeks pencemaran udara di Bukit Rambai Melaka adalah 122, di Kota Melaka 112 dan di Banting 105. Ini di tahap tidak sihat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat. Boleh atau tidak Yang Berhormat jawab soalan itu sahaja? *Direct to the point* dan jangan buang masa. Silakan.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Ini *straight to the point* Tuan Yang di-Pertua sebab 12 orang Ahli Senator yang bertanya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, betul.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Saya menjawab pertanyaan mereka *straight to the point* atas pertanyaan itu, boleh ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, silakan. Jangan panjang sangat.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Terdapat pelbagai faktor yang menyumbang kepada berlakunya kejadian jerebu ini. Antaranya tindakan penguatkuasaan undang-undang yang kurang berkesan oleh Kerajaan Indonesia dalam mengawal aktiviti pembakaran terbuka dalam kalangan rakyatnya yang masih mengamalkan tradisi tebas dan bakar untuk meluaskan hutan di tanah gambut untuk tujuan pertanian.

Faktor ini ditambah pula dengan keadaan sempadan geografi yang begitu luas bagi setiap wilayah di Indonesia yang menyukarkan lagi aktiviti pembakaran terbuka dibendung. Oleh yang demikian, jelas bahawa pemantauan, kawalan dan tindakan undang-undang terhadap masalah-masalah yang melakukan aktiviti pembakaran terbuka adalah sepenuhnya di bawah tanggungjawab Kerajaan Indonesia.

Bagi menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat Dato' Jaspal Singh yang meminta saya secara khususnya menyatakan kandungan perjanjian ASEAN mengenai pencemaran jerebu merentas sempadan. Ia merupakan perjanjian serantau pertama di dunia yang mengikut dari segi undang-undang. Sekumpulan negara-negara bersempadan menangani masalah jerebu merentasi sempadan akibat kebakaran hutan dan tanah gambut. Perjanjian ini antara lain menetapkan obligasi negara-negara anggota untuk mengambil langkah daripada aspek undang-undang dan pentadbiran serta lain-lain tindakan untuk memenuhi tanggungjawab setiap negara ahli seperti yang termaktub dalam perjanjian tersebut. Antara tanggungjawab yang penting adalah seperti berikut:

- (i) bekerjasama dalam membangunkan dan melaksanakan langkah-langkah pemantauan awal jerebu;
- (ii) mencegah kebakaran tanah dan hutan serta jerebu;
- (iii) melaksanakan prosedur tindakan balas kecemasan bersama;

- (iv) bekerjasama menubuhkan dana jerebu ASEAN; dan,
- (v) melaksanakan kerjasama teknikal serta penyelidikan saintifik terhadap masalah jerebu merentasi sempadan.

Pelaksanaan sepenuhnya kepada perjanjian ini adalah perlu bagi memastikan bahawa tidak berlaku lagi krisis jerebu di rantau ini. Walau bagaimanapun, negara Indonesia yang merupakan punca utama jerebu merentasi sempadan masih belum meratifikasikan perjanjian ini yang telah berkuat kuasa pada bulan November 2003. Jadi ini adalah tanggungjawab Indonesia sekarang.

Gesaan Malaysia terhadap Indonesia melalui platform perundingan dan kerjasama setia kawan ASEAN adalah antara usaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar bagi mempertingkatkan langkah-langkah pencegahan jerebu merentasi sempadan melalui platform perundingan dan kerjasama setia kawan ASEAN di peringkat bilateral dan serantau. Kerajaan Malaysia melalui platform Mesyuarat Jawatankuasa Peringkat Menteri Negara Sub-Rantau ASEAN mengenai pencemaran jerebu merentasi sempadan yang terdiri daripada lima buah negara ahli iaitu Brunei, Indonesia, Malaysia, Singapura dan Thailand akan terus menggesa Kerajaan Indonesia untuk Meratifikasikan Perjanjian ASEAN Mengenai Pencemaran Jerebu Merentasi Sempadan.

Selain itu, Kerajaan Malaysia juga akan terus menggesa Kerajaan Indonesia untuk mempertingkatkan keberkesanan tindakan di peringkat tempatnya iaitu pelan tindakan Indonesia menangani pencemaran jerebu merentasi sempadan. Mesyuarat Ke-15 Menteri-menteri Alam Sekitar, *Steering Committee* pada tahun ini telah pun diawalkan dan telah berlangsung pada 17 Julai tahun 2013 di Kuala Lumpur dan telah dihadiri oleh Menteri-Menteri Alam Sekitar dari Brunei, Indonesia, Malaysia dan Singapura, Timbalan Menteri Alam Sekitar Thailand serta Setiausaha Agung ASEAN juga menghadiri mesyuarat ini.

#### ■1050

Mesyuarat tersebut mengambil perhatian akan situasi jerebu merentasi sempadan yang berlaku pada bulan Jun tahun ini merupakan yang terburuk di rantau ini khususnya di Semenanjung Malaysia dan Singapura. Mesyuarat mengambil maklum bahawa pihak Singapura telah membangunkan sistem pemantauan jerebu serantau yang mengandungi maklumat pertindihan ataupun *overlay data*. *Overlay data* titik panas imej satelit beresolusi tinggi pada asas guna tanah dan kawasan konsesi perladangan bagi kawasan-kawasan yang mudah terbakar.

Sistem ini dibangunkan bertujuan untuk mempertingkatkan pemantauan dan pengesanan awal kejadian kebakaran tanah supaya amaran awal boleh diberitahu kepada rakyat dan sebagainya. Negara-negara ahli MSC merakamkan penghargaan terhadap usaha Indonesia juga dalam melaksanakan pelan tindakan Indonesia...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, panjang lagikah?

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Saya tengok.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bolehkah Yang Berhormat ringkaskan, ambil kira soalan-soalan itu dan ambil *pointnya* sahaja.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Saya memang meringkaskan Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cuba, cuba, cuba. Ini soalan tambahan belum lagi.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** [*Ketawa*] Soalan tambahan? Okey, biar saya lagi ringkaskan ini.

Indonesia turut juga merakamkan penghargaan di atas kerjasama dua hala antara Malaysia dan Indonesia di wilayah Riau, Sumatera. Kita sudah bekerjasama dengan Indonesia sejak tahun 2008 dan membantu Indonesia di dalam perkara ini. Oleh itu, MSC ataupun mesyuarat Menteri-Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar di rantau ASEAN telah pun membuat strategi pelbagai untuk memastikan bahawa Kerajaan Indonesia akan terus menguatkuasakan undang-undang dan pentadbiran kerajaan tersebut untuk menjaga kebakaran terbuka di Indonesia. Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar menerusi Jabatan Sumber Asli dan Alam Sekitar telah pun mewujudkan 52 stesen IPU untuk



memastikan bahawa rakyat tahu dan masyarakat tahu bilakah jerebu berlaku dan apakah tahap-tahap jerebu.

Bagi menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai penglibatan syarikat-syarikat perladangan Malaysia yang berpotensi dan beroperasi di Indonesia dalam pembakaran terbuka. Saya ingin memaklumkan bahawa setakat ini belum ada bukti dikemukakan oleh Kerajaan Indonesia dan belum ada kes pendakwaan oleh Kerajaan Indonesia terhadap syarikat-syarikat Malaysia di sana. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum juga, masalah jerebu sememangnya memberi kesan kepada sektor pendidikan di Malaysia di mana ia telah mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran serta menjejaskan kesihatan murid-murid kita.

Selain daripada itu, di bidang pertanian, jerebu juga turut memberi kesan secara langsung dan secara tidak langsung terhadap tiga subsektor utama pertanian iaitu subsektor tanaman, perikanan dan penternakan. Bagi subsektor tanaman, anggaran kerugian yang dialami oleh petani tidak dapat ditentukan kerana kesan geografi terhadap hasil pertanian negara hanya akan terjadi sekiranya jerebu berlaku untuk jangka masa panjang.

Bagi subsektor perikanan pula, jumlah kerugian yang dianggarkan adalah sebanyak RM1,285,200 bagi tempoh tiga hingga lima hari. Nilai ini adalah berdasarkan kerugian yang dijangka dihadapi oleh kira-kira 3,285 orang nelayan di negeri-negeri yang terjejas teruk akibat jerebu.

Manakala bagi subsektor ternakan, jumlah kerugian yang dianggarkan adalah sebanyak RM160,000 sehari. Nilai ini adalah berdasarkan anggaran kerugian yang dihadapi oleh kriteria 2,000 orang penternak ayam di negeri-negeri yang terjejas teruk akibat jerebu.

Universiti Kebangsaan telah menjalankan kajian mengenai kerugian ekonomi akibat fenomena jerebu yang melanda negara pada tahun 2005 hingga tahun 2009. Kajian UKM pada tahun 1997 terhadap kerugian ekonomi yang merangkumi pesakit luar, pesakit dalam dan kos rawatan persendirian adalah berjumlah RM19 juta untuk keseluruhannya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih, jawapan itu sudah begitu terperinci. Adakah hendak tambah lagi?

**Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah:** Satu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Satu sahaja, *last*. Silakan.

**Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan, memandangkan betapa seriusnya perkara ini dan impak atas rakyat. Cuma hendak tahu sama ada Yang Berhormat Menteri, semasa lawatan ke Indonesia baru-baru ini, pernah bincang keengganan atau kegagalan pihak Indonesia untuk menandatangani perjanjian ASEAN. Pernah bincang atau tidak semasa Menteri lawat ke Indonesia *ASEAN Agreement on Trans-boundary Haze Pollution*?

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Menteri memang sudah bincang semasa dia melawat ke Jakarta pada bulan lepas dan juga pada mesyuarat Menteri-menteri Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar serantau ASEAN pada 17 hari bulan ini. Pihak Indonesia bersedia untuk meratifikasikan perjanjian ini tetapi mereka mengatakan perjanjian ini harus juga dibentangkan dan mendapat kelulusan daripada Parlimen Indonesia. Mereka mengatakan hujung tahun ini apabila Parlimen Indonesia bersidang, perjanjian ini akan dibentangkan dan kelulusan boleh didapati daripada Parlimen Indonesia.

**5. Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah** minta Menteri Kewangan menyatakan, sambutan atau reaksi syarikat-syarikat milik kerajaan (GLC) terhadap arahan kementerian (seperti dijanjikan oleh Timbalan Menteri dalam sidang Dewan Negara bulan April 2012 yang lalu) agar semua GLC memberi keutamaan kepada media cetak berbahasa kebangsaan dalam mengiklankan produk-produk mereka.

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon izin untuk menjawab pertanyaan Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah pada hari ini, dan pada 23 Julai 2013, secara bersekali.

Untuk makluman Yang Berhormat, saranan kementerian supaya GLC-GLC memberi keutamaan kepada media cetak berbahasa kebangsaan dalam mengiklankan produk serta perkhidmatan syarikat masing-masing telah dibangkitkan semasa mesyuarat Jawatankuasa Putrajaya bagi Prestasi Tinggi GLC-BCG pada 3 Mei 2012. Mesyuarat tersebut telah dipengerusikan oleh Yang Berhormat Perdana Menteri dan dihadiri oleh pengerusi serta Ketua Pegawai Eksekutif syarikat-syarikat pelaburan berkaitan kerajaan GLIC dan 17 GLC terbesar di bawah program transformasi GLC. Kesemua wakil GLIC dan 17 GLC yang hadir pada mesyuarat tersebut telah mengambil maklum akan saranan yang telah dibangkitkan.

Secara keseluruhannya, jumlah perbelanjaan pengiklanan 17 GLC ini untuk media berbahasa kebangsaan pada tahun 2012 adalah pada kadar 23 peratus yang mana adalah rendah berbanding perbelanjaan untuk media bahasa Inggeris iaitu pada kadar 49.5 peratus.

#### ■1100

Jumlah perbelanjaan iklan mengikut bahasa dalam media cetak oleh syarikat di bawah kumpulan syarikat Khazanah Nasional Berhad iaitu Telekom Malaysia Berhad (TM) dan Tenaga Nasional Berhad dalam tempoh lima tahun antara tahun 2008 sehingga tahun 2012 adalah seperti berikut:

#### Telekom Malaysia

Bahasa	Perbelanjaan (RM/juta)	Peratusan (peratus)
Bahasa Malaysia	34.6	28.8
Bahasa Inggeris	50.9	42.3
Mandarin	34.5	28.7
Tamil	211,000 sahaja	0.2
<b>Jumlah</b>	120.2	

#### Tenaga Nasional Berhad

Bahasa	Perbelanjaan (RM/juta)	Peratusan (peratus)
Bahasa Malaysia	8.028	41
Bahasa Inggeris	9.221	47
Mandarin	2.022	10
Tamil	351,000	2
<b>Jumlah</b>	19.6	

Manakala jumlah perbelanjaan iklan mengikut bahasa dalam media cetak oleh Malayan Banking (Maybank) dan Petroliaam Nasional Berhad (Petronas) untuk tempoh lima tahun antara tahun 2009 hingga Jun 2013 adalah seperti berikut:

**Malayan Banking (Maybank)**

Bahasa	Perbelanjaan (RM/juta)	Peratusan ( peratus)
Bahasa Malaysia	33.82	28
Bahasa Inggeris	65.32	54
Mandarin	18.72	15
Tamil	2.95	2.4
<b>Jumlah</b>	120.81	

**PETRONAS**

Bahasa	Perbelanjaan (RM/juta)	Peratusan ( peratus)
Bahasa Malaysia	14.7	30.7
Bahasa Inggeris	22.4	46.8
Mandarin	10.5	21.9
Tamil	0.3	0.6
<b>Jumlah</b>	47.9	

Bagi memartabatkan lagi penggunaan bahasa kebangsaan dalam sektor-sektor utama negara, kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Pelaksanaan Bahasa Kebangsaan yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Menteri Pendidikan. Sebanyak enam sektor utama telah dikenal pasti termasuklah sektor kewangan dan insurans di mana Jawatankuasa Pelaksanaan Bahasa Kebangsaan, sektor kewangan dan insurans dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan.

Di antara fungsi jawatankuasa tersebut adalah untuk melaksanakan penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam sektor kewangan dan insurans dan memantau penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam sektor berkenaan serta melaporkan pencapaian penggunaan Bahasa Kebangsaan kepada jawatankuasa induk pelaksanaan Bahasa Kebangsaan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya cuba mencatat statistik yang diberikan tadi tetapi tidak sempat kerana terlalu cepat. Akan tetapi kesan yang saya dapat secara keseluruhannya ialah bahawa peruntukan yang diberikan untuk mengiklankan produk-produk GLC di media cetak bukan berbahasa Melayu adalah rendah. Umpamanya, tadi kalau tidak salah *Maybank*; Bahasa Melayu 31 peratus, di dalam bahasa Inggeris beberapa *percent*. Pokoknya tinggi.

Jadi, ini adalah satu pengakuan daripada pihak kementerian sendiri. Memang selama ini GLC memang tidak memberikan keutamaan kepada pengiklanan produk-produk mereka dalam media cetak berbahasa Melayu. Sudah diakui.

Soalan saya ialah, apa janji, apa yang telah dilaksanakan berikutan dengan janji yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri dalam sidang Dewan ini pada bulan April 2012 itu bahawa GLC-GLC itu akan dikerah, diperintahkan, diarahkan untuk mengutamakan media-media cetak berbahasa kebangsaan dalam mengiklankan produk mereka. Itu yang saya tanyakan. Apa langkah-langkah itu selain daripada hanya langkah mengadakan mesyuarat tadi. Saya akui.

Jadi, soalnya di sini bukan sahaja penggunaan bahasa kebangsaan tetapi juga pemberian nilai ekonomi kepada bahasa kebangsaan itu. Juga ini sekali gus ada kaitannya dengan perpaduan kebangsaan, penghargaan kita terhadap simbol-simbol kebangsaan. Jadi Yang Berhormat Timbalan Menteri, soalan saya ialah apakah langkah yang telah dibuat untuk melaksanakan janji yang dibuat pada bulan April 2012 itu? Terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Terima kasih atas soalan Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah. Soalan tambahan itu mengenai langkah dan nilai ekonomi dalam Bahasa Kebangsaan. Kita telah mengatakan bahawa telah diadakan jawatankuasa yang saya sebutkan tadi. Ada sedikit sebanyak kesan positif terhadap pelaksanaan dan arahan yang dikeluarkan. Sebagai contoh, Telekom Malaysia Berhad sebanyak 33 peratus daripada perbelanjaan pengiklanan Telekom Malaysia pada tahun 2012 dalam media bahasa kebangsaan berbanding hanya 29 peratus pada tahun 2011. Bererti ada peningkatan, 29 peratus tahun 2011 kepada 33 peratus, tahun 2012 dalam Bahasa Kebangsaan oleh Telekom Malaysia.

Tenaga Nasional Berhad, setelah kita mengadakan mesyuarat dan juga arahan-arahan itu, pada tahun 2012 meningkat 48 peratus perbelanjaan pengiklanan TNB dalam media berbahasa kebangsaan berbanding 39 peratus tahun sebelumnya. Jadi, kesannya kita akan lihat dalam jangka masa yang tertentu. Namun usaha-usaha akan diteruskan. Saya tidak menafikan bahawa pihak GLC nampak kelihatan lebih mengutamakan bahasa Inggeris. Kita mengharapkan dan menggesa agar mereka mengutamakan Bahasa Kebangsaan, Bahasa Malaysia, Bahasa Melayu Kerana Bahasa Melayu, Bahasa Kebangsaan juga adalah mempunyai nilai ekonomi sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Senator tadi.

**6. Datuk Chiu Tiang Chai** minta Menteri Pengangkutan menyatakan, adakah kementerian memandang serius beberapa insiden membabitkan syarikat penerbangan tempatan yang tidak memberi keutamaan kepada pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat atau *Corporate Social Responsibility* (CSR) kepada penumpang terutama ketika berada di luar negara.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, saya memohon izin untuk menjawab sekali pertanyaan Datuk Chiu Tiang Chai, pertanyaan bertarikh 22 Julai dengan pertanyaan daripada Tuan Haji Ahamat @ Ahmad bin Yusop, pertanyaan bertarikh 22 Julai kerana kedua-dua pertanyaan tersebut menyentuh mengenai perkara yang sama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kementerian memandang serius beberapa insiden membabitkan syarikat penerbangan tempatan yang tidak memberi keutamaan kepada pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat atau *Corporate Social Responsibility* (CSR) dengan izin, kepada penumpang-penumpang terutama ketika berada di luar negara.

Dalam hubungan ini, pihak kementerian sedang mengambil inisiatif dan akan mengadakan perbincangan dengan syarikat-syarikat penerbangan negara yang dijangka akan diadakan pada hujung bulan Julai 2013 ini bagi membincangkan *standard operating procedure* (SOP) CSR untuk mengelakkan insiden penumpang yang terkandas di luar negara yang tidak diberi layanan yang sewajarnya untuk diberikan bantuan pengangkutan, penginapan, makanan oleh syarikat penerbangan ini. Maka, dengan ini diharapkan agar satu SOP baru yang khusus untuk menangani segmen penumpang Malaysia yang terkandas di luar negara.

Dalam hubungan ini, Kementerian Pengangkutan sentiasa mengingatkan syarikat-syarikat penerbangan negara untuk mementingkan tanggungjawab sosial tersebut kepada para penumpangnya. Kementerian akan memastikan syarikat-syarikat penerbangan negara melaksanakan tanggungjawab sosial korporat terutamanya kepada penumpang yang terkandas di luar negara atas faktor-faktor kesihatan yang boleh membahayakan penumpang yang lain.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan, dipersilakan Datuk Chih Tiang Chai.

**Datuk Chih Tiang Chai:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan itu tadi. Saya melihat ada kalanya di sebalik layanan baik yang kerajaan berikan, syarikat penerbangan tambang murah ini terlalu banyak kerenahnya. Cuba dolak-dalik, malah hanya mementingkan keuntungan tanpa ada rasa tanggungjawab dan perasaan belas ihsan terhadap penumpang yang bermasalah.

■1110

Soalan tambahan saya ialah, adakah kementerian melihat desakan NGO-NGO agar memboikot syarikat penerbangan tersebut sebagai suatu yang relevan dan ianya bergantung kepada para penumpang tanpa ada sebarang campur tangan dari pihak kementerian. Terima kasih.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, mengenai usaha-usaha oleh pihak NGO itu adalah usaha yang tersendiri yang tidak mengaitkan kerajaan. Jadi pihak kerajaan tidak mencampuri mengenai usaha-usaha pihak NGO.

**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertanyaan tambahan saya ialah bukan sahaja penumpang yang terkandas di luar negara, bahkan berlaku penumpang yang sengaja dikandaskan oleh AirAsia. Baru-baru ini saya ke Vietnam, kebetulan bila saya hendak balik itu saya pun beg hilang tidak dapat sampai sekarang ini. Rujuk kaunter *AirAsia* dia tidak boleh hendak jawab tidak tahu apa. Okey satu kumpulan pelajar lebih kurang empat, lima orang dia orang datang ke kaunter untuk *check-in* satu jam tetapi kaunter itu sudah ditutup di Airport Ho Chi Minh. Bila kaunter itu ditutup mereka rujuk ke merata tempat kaunter *AirAsia* di Airport Ho Chi Minh tidak ada siapa yang dapat menolong yang akhirnya mereka terpaksa membeli tiket penerbangan yang ke hadapan dengan harga yang begitu mahal dan ini tidak sepatutnya berlaku. Pertanyaan saya, apakah tindakan dan kawalan yang boleh diambil oleh kerajaan untuk memastikan perkara seumpama ini tidak berlaku lagi? Terima kasih.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, mengenai maklumat yang diberikan oleh Yang Berhormat Senator ini amat memeranjatkanlah. Saya berpandangan agar pihak yang berkenaan dapat membuat laporan kepada pihak kerajaan untuk pihak kerajaan mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap syarikat penerbangan ini. Terima kasih.

7. **Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin** minta Perdana Menteri menyatakan, sudahkan Kerajaan Malaysia menerima keputusan rasmi pengurangan 20 peratus kuota haji tahun 2013 daripada Kerajaan Arab Saudi. Apakah kesan yang dihadapi kerana pengurangan ini dan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasinya.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan ini serentak dengan pertanyaan yang telah pun dibuat oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Mashitah Ibrahim pada 1 Ogos 2013 kerana menyentuh isu yang sama iaitu mengenai pengurangan kuota haji.

Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat Kerajaan Malaysia telah menerima surat rasmi daripada Kerajaan Arab Saudi mengenai keputusan pengurangan 20 peratus kuota haji musim 1434 Hijrah bersamaan 2013 Masihi. Peraturan tersebut melibatkan semua negara di dunia dan kerajaan difahamkan bahawa keputusan pengurangan kuota haji ini adalah untuk sementara dan tidak berkekalan. Keputusan ini bergantung kepada status projek pembesaran dan penambahbaikan prasarana di Masjidil Haram di Mekah.

Dari segi kesan keputusan pengurangan kuota ini memberi kesan terhadap tempoh menunggu dan giliran bakal haji yang memperlihatkan sedikit peningkatan dalam beberapa tahun akan datang. Keadaan ini adalah sementara sahaja dan dijangka kembali pulih setelah selesainya projek-projek pembesaran dan penambahbaikan berkenaan. Diharap Kerajaan Arab Saudi akan mempertimbangkan penambahan kuota haji bagi semua negara termasuk Malaysia setelah semua projek ini siap kelak. Namun demikian bagi musim 1434 Hijrah 2013 Masihi, Tabung Haji telah mengeluarkan surat tawaran menunaikan haji dan bakal jemaah haji diberikan tempoh selama 30 hari untuk memberikan maklum balas serta pengesahan persetujuan mereka. Bagi bakal jemaah haji yang telah menerima dan memberi maklum balas serta pengesahan dan telah mencukupkan bayaran haji berjumlah RM9,980, tawaran tersebut tidak akan ditarik balik.

Walau bagaimanapun, pengurangan kuota ini memberikan kesan kepada bakal jemaah haji yang membuat surat rayuan iaitu khusus bagi mahram dan warga emas bagi musim 1434 Hijrah bersamaan 2013 Masihi. Tabung Haji telah membuat penilaian terperinci untuk mempertimbangkan rayuan mereka jika terdapat kekosongan tempat yang dapat menampung jemaah rayuan. Justeru rasa kekecewaan tersebut mungkin wujud di kalangan mereka yang merayu dan bukannya di kalangan bakal jemaah haji yang telah terpilih dan bersetuju menerima tawaran menunaikan haji pada musim ini.

Mengenai usaha kerajaan untuk memujuk Kerajaan Arab Saudi kerajaan telah berusaha membuat rayuan kepada pihak Kerajaan Arab Saudi. Setiap inisiatif dan usaha untuk memperoleh kuota tambahan serta apa sahaja isu yang berkait dengan kuota haji tidak wajar untuk didedahkan kepada umum. Ini adalah persetujuan bersama antara Kerajaan Arab Saudi dengan Malaysia.

Ini kerana jika tersebabnya maklumat tersebut melalui media saluran tertentu maka ia akan menyulitkan pihak Kerajaan Arab Saudi memberikan pertimbangan, pengecualian atau keistimewaan kepada Kerajaan Malaysia. Terima kasih.

**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri yang menjawab begitu kemas sudah kukuh. Pertanyaan tambahan saya ialah seperti mana yang berlaku tahun sudah, di mana Malaysia mendapat kuota tambahan di saat yang akhir. Apabila mendapat kuota tambahan di saat yang akhir banyak jemaah haji yang tidak dapat menunaikan haji terutama syarikat-syarikat swasta yang menguruskan jemaah haji. Ini yang mana mereka ini kerugian banyak kerana tempahan bilik dan sebagainya telah dibuat dan diberitahu tidak dapat dan akhirnya dapat. Untuk musim tahun ini adakah kerajaan mengambil kira supaya kes-kes yang seumpama itu terutama jemaah haji yang pergi dengan pakej swasta agar mereka ini diberitahu lebih awal tentang keadaan yang berlaku ini. Terima kasih.

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum:** Tuan Yang di-Pertua terima kasih kepada Senator Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin yang telah mengemukakan pandangan keprihatinan terhadap jemaah haji khususnya bagi kita negara Malaysia. Saya melihat daripada soalan tambahan hari ini Tuan Yang di-Pertua, ada dua perkara yang perlu diambil perhatian tinggi oleh kita. Pertamanya sekali ialah berkaitan dengan kuota tambahan.

Apa yang dimaksudkan kuota tambahan Tuan Yang di-Pertua oleh kerana keyakinan Kerajaan Arab Saudi kepada Kerajaan Malaysia walaupun kuota tetap 0.1 peratus iaitu lebih kurang 28,000 jemaah Malaysia yang terpilih pada setiap saban tahun. Itu merupakan kuota tetap. Ada pun kuota-kuota tambahan ini sememangnya tidak disebut sebab bagi negara-negara dunia sebab itu saya sebutkan dalam jawapan awal saya, saya katakan tadi bahawa tidak perlu kita dedahkan. Ini kerana Kerajaan Arab Saudi atas ihsan yang begitu tinggi melihat kecekapan, kemampuan dan juga kebijaksanaan pengurusan pihak Tabung Haji Kerajaan Malaysia jadi ditambah lagi. Jadi tambahan itu kalau dihebahkan ia akan menuntut kepada negara-negara dunia umat Islam yang lain minta tambah juga, jadi satu hal.

Hal yang kedua bila sebut kata tambahan dia tidak terancang dalam mengikut jadual. Oleh kerana pengurusan dengan Kerajaan Arab Saudi, pemakluman kepada kuota tambahan itu dia berlaku pada saat-saat yang akhir. Ada ketika jemaah kita yang pertama kapal terbang KT1 terbang barulah dimaklumkan. Ada ketika KT sudah masuk sampai seminggu ataupun hampir dua minggu pernah berlaku baru kita dapat makluman.

Jadi ini menyebabkan bagi jemaah-jemaah haji yang membuat rayuan bila dia dapat pemakluman yang demikian agak mungkin tersuntuk pada waktu persiapan untuk pergi. Walau bagaimanapun, kumpulan ini banyak yang bersiap sedia daripada awal.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan jemaah swasta yang pergi dengan pakej swasta.

■1120

Ini sebenarnya difahami amat oleh pihak swasta kerana selagi mana kita tidak mendapat kuota tambahan itu, kita tidak boleh memaklumkan. Bagi mereka pula, memang kita faham kekangannya. Mereka sewa awal-awal dengan harapan, keyakinan mereka akan dapat kuota tambahan tersebut. Jadi risikonya agak begitu tinggi Tuan Yang di-Pertua. Kalau sekiranya kuota tambahan itu kerana ini bukan dalam kuota wajib tetapi kuota tambahan. Jadi risikonya amat difahami oleh syarikat-syarikat swasta. Jarang berlaku dalam tawaran kuota tambahan ini tidak diberikan kepada kita tetapi tahun yang lalu kuota tambahan itu diberikan agak begitu kecil. Maka agihan kepada syarikat swasta juga menjadi kecil dan mereka telah menyewa hotel dari peringkat lebih awal kerana lewat menyewa atau lewat untuk *booking* sewaan, ia akan tidak mendapatkan peluang agak nipis.

Oleh sebab itu, walau bagaimanapun untuk makluman Dewan sekalian, penyewa-penyewa yang tidak dapat mengisi jemaah daripada Malaysia telah menyewa kembali kepada jemaah yang lain. Tambahan daripada itu Tuan Yang di-Pertua, yang suka hendak jelaskan. Saya minta izin kerana masa perlu diambil sedikit, kerana ini melibatkan semua Ahli-ahli Yang Berhormat balik di kawasan, orang tanya walaupun bukan kawasan Parlimen dan sebagainya. Akan tetapi orang bertanya kenapa keadaan tersebut berlaku. Ini kerana jemaah haji ini dia begitu amat teruja untuk ke sana.

Untuk makluman perkembangan terkini di Mekah sekarang ini adalah separuh daripada kawasan tawaf terutamanya di Mekah- ini bukan *court yard* kawasan di luar tetapi kawasan bangunan fizikal Masjidil Haram telah diruntuhkan separuh. Jadi maknanya tingkat satu, dua, tiga dan juga tingkat atas telah pun diruntuhkan separuh dan tempat untuk tawaf sekarang ini adalah kawasan di dalam itu sahaja. Jangkaan kita dalam satu-satu masa berdasarkan perkembangan Tabung Haji mengikuti setiap hari hanya boleh dalam kawasan dalaman itu yang boleh menampung serentak 22,000 dan dalam proses akhir persiapan untuk dijadikan dua tingkat di kawasan dalam. Kita agak sekitar 40,000 hingga 50,000 boleh dilaksanakan tawaf secara serentak. Kita dapat bayangkan kalau musim haji yang akan datang kekangan tingkat satu, tingkat dua, tingkat tiga dan tingkat atas yang telah pun dirobuhkan untuk laluan pembinaan semula akan menyekat jumlah jemaah haji yang bakal menunaikan haji pada tahun ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan seterusnya dipersilakan Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah benar adanya beberapa keputusan tidak rasmi yang mengatakan bahawa Kerajaan Arab Saudi bakal menyekat warga emas berumur 70 tahun ke atas dan mereka yang berpenyakit untuk menunaikan ibadah haji di masa yang akan datang? Bagaimanakah kerajaan dapat membantu terutamanya ibu-ibu tunggal untuk melaksanakan ibadah umrah apabila Kerajaan Arab Saudi telah mengenakan undang-undang baru bagi mereka ini mendapatkan mahram yang mana sebahagian besar daripada mereka tidak dapat menunaikan ibadah ini pada tahun yang lepas? Terima kasih.

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Terima kasih juga kepada Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim. Kalau saya tidak jawab pun, Dato' Dr. Mashitah ada jawabannya [*Ketawa*] Ini kerana baru sahaja bersama di bawah kementerian saya.

Tuan Yang di-Pertua, memang benar sebagaimana yang telah disebut oleh Dato' Dr. Mashitah bahawa Kerajaan Arab Saudi telah mengeluarkan arahan kepada warga emas supaya mereka tidak diberikan satu penapisan yang ketat. Akan tetapi dalam konteks Malaysia, ini pun saya hendak sebut juga sedikit Tuan Yang di-Pertua. Warga emas ini ada dua. Pandangan umum melihat warga emas 60 tahun tetapi warga emas Tabung Haji ini sebab semua orang Melayu tulis surat, telefon, SMS dan macam-macam daripada CEO sampailah kepada Menteri, sampailah staf bawahan semua dapat.

Saya warga emas sebab berapa tahun? Umur 61 tahun. Warga emas Tabung Haji Tuan Yang di-Pertua ialah 75 tahun. Itu warga emas Tabung Haji. Jadi apabila warga emas Tabung Haji ini 75 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa sekarang Tabung Haji ada warga emas untuk 75 tahun ke atas seramai 14,000 orang. Jadi 75 tahun, 80 tahun, 85 tahun sampai 90 tahun kita ada 14,000 orang. Maknanya kalau kita lepaskan 14,000 orang ini semua sekali serentak pergi Tuan Yang di-Pertua, separuh daripada kuota yang ada 28,000 itu akan diisi oleh warga emas. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, bukan kerisauan saya kerana negara kita Malaysia mengetatkan peraturan mesti dia lulus berdasarkan sijil kesihatan yang telah diberikan dan kemudian mereka menjalani pemeriksaan kesihatan melalui hospital dan sebagainya. Sijil ini memberikan jaminan bahawa mereka boleh untuk membuat ibadat haji ataupun hendak melaksanakan ibadat di Mekah nanti. Itu satu hal.

Keduanya berkaitan dengan yang Dato' Dr. Mashitah sebutkan tadi ialah soal ibu tunggal. Hari ini Kerajaan Arab Saudi telah mengetatkan oleh kerana masalah kekangan tempat untuk tawaf, telah diketatkan lagi peraturan di mana untuk selain daripada dahulu tempoh visa umrah ialah 30 hari tetapi sekarang dikurangkan kepada 14 hari. Begitu juga untuk ibu-ibu tunggal. Cuma ibu-ibu tunggal ini saya kena semak untuk jawapan bertulis berapa umur yang ibu tunggal ini. Ada ibu tunggal yang tidak dilepaskan untuk pergi dengan mahram bagi umrah sebab sebelum ini umrah tidak diketatkan dengan mahram.

Akan tetapi ada ibu tunggal yang umurnya agak muda sedikit. Ini kerana Arab Saudi juga mengambil kira yang muda ini Yang Berhormat sedia maklumlah, pergi ke sana dia takut ada gangguan-gangguan kepada yang muda ini. Dia memerlukan juga mahram untuk mereka menunaikan ibadat umrah mereka. Jadi ini juga dalam maklumat yang telah sedia maklum. Cuma untuk peringkat pengenalan ini, ramai jemaah yang dia agak tersentak apabila dia menghantar permohonan, kemudian setelah hantar untuk pendaftaran di kedutaan tetapi tidak diluluskan kerana tidak memiliki mahram. Ini juga dalam perhatian yang sedang disebar kepada jemaah-jemaah penganjur bagi tujuan umrah yang dilaksanakan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**8. To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin** minta Menteri Kerja Raya menyatakan setakat manakah kemajuan projek Lebuhraya Pantai Timur 2 (LPT2) dan bilakah LPT2 ini akan dapat disiapkan serta dibuka kepada orang awam serta nyatakan punca-punca kelewatan ini.

**Menteri Kerja Raya [Datuk Haji Fadillah bin Yusof]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab soalan ini bersama-sama soalan Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar yang dijadualkan pada hari ini dan juga Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Saiful Izham bin Ramli yang dijadualkan pada 29 Julai 2013 kerana ia menyentuh isu yang sama iaitu status projek Lebuh raya Pantai Timur Fasa 2 di negeri Terengganu atau lebih dikenali sebagai LPT 2.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sehingga 30 Jun 2013, kemajuan fizikal keseluruhan projek LPT 2 telah mencapai kemajuan sebanyak 88.5 peratus. Projek LPT 2 yang dimulakan pada tahun 2006 ini telah mengalami kelewatan berikutan terdapat 10 daripada 16 pakej utama terpaksa ditamatkan dan perlu di tender semula. Ini berikutan kontraktor yang terlibat telah menarik diri disebabkan kesan kenaikan harga bahan binaan yang mendadak di pasaran dunia pada tahun 2007 dan tahun 2008. Berikutan itu, kerajaan terpaksa melantik kontraktor yang baru untuk meneruskan pakej-pakej yang terbengkalai. Berdasarkan tempoh kontrak semasa, pakej terakhir LPT 2 yang akan disiapkan ialah pakej ketujuh iaitu melibatkan laluan dari Bukit Mempusi ke FELDA Kerteh 6, Kemaman sepanjang 13.5 kilometer.

Pada masa kini, pembinaan bagi pakej tersebut telah mencapai kemajuan 50 peratus dan dijangka siap pada 31 Ogos 2014. Namun demikian, kerajaan mulai bulan Ogos 2011 telah melaksanakan pembukaan LPT 2 secara berperingkat kepada lalu lintas iaitu melibatkan jajaran utara dari Persimpangan Bertingkat Bukit Besi ke Persimpangan Bertingkat Kuala Terengganu sepanjang 72 kilometer.



Manakala untuk pakej-pakej lain di jajaran selatan akan dibuka secara berperingkat-peringkat dan keseluruhan projek LPT2 sepanjang 184 kilometer ini dijangka akan siap dan dibuka pada lalu lintas pada bulan September 2014. Terima kasih.

**To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin:** Tahniah dan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di atas jawapan tadi.

Memandangkan laluan negeri T26 Rendang-Bukit Payong sebagai penghubung laluan Persekutuan FT03 Rhu Rendang dan laluan persekutuan FT14 Bukit Payong, adakah kerajaan bercadang untuk menjadikan laluan negeri T26 ini di naik taraf kepada *dual carriage way* menuju ke LPT2 di *interchange* Telemong memandangkan keperluan pengguna yang meningkat sesuai dengan hubungan di *interchange* tersebut yang sangat sibuk.

■ 1130

Apakah langkah kawal selia Yang Berhormat Menteri ambil bagi mengatasi pakej dan kontraktor yang agak perlahan ini dan masalah-masalah yang telah ditimbulkan bagi memastikan jadual pelaksanaan projek ini lebih lancar. Terima kasih.

[*Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Doris Sophia ak Brodi) mempengerusikan Mesyuarat*]

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Terima kasih Yang Berhormat Toh Puan Hajah Zaitun. Ada dua soalan, pertama dengan persimpangan Telemong dan yang keduanya berkaitan dengan tindakan untuk kita memastikan bagaimana kita boleh mengambil tindakan supaya kontraktor tidak akan melewatkan lagi penyediaan projek ini.

Jadi untuk persimpangan Telemong. Kita memang ketahu iaitu daripada Simpang Pulau-Lojing ke Gua Musang yang akan menghubungkan di antara lebuh raya di Pantai Barat dan juga Pantai Timur, lebuh raya kedua. Ada satu pakej yang masih sebenarnya belum ada *connectivity* dan *insya-Allah* kita akan mengemukakan permohonan persimpangan ini di bawah kementerian Jabatan Kerja Raya untuk dipohon peruntukan di bawah *Rolling Plan* yang keempat. Harap-harap kelulusan daripada Kerajaan Pusat dan saya mohon Yang Berhormat untuk sama-sama melobi. Kalau dapat diluluskan, *insya-Allah* ia akan dapat dilaksanakan dalam *Rolling Plan* yang ke empat.

Berkaitan dengan tindakan yang kita ambil ialah untuk kita memantau secara ketat pelaksanaan kontraktor dalam melaksanakan semua pakej yang belum siap. Seperti mana yang saya katakan tadi, sasaran kita ia mesti disiapkan selewat-lewatnya bulan Ogos 2014, pakej yang selebihnya khususnya di kawasan selatan. *Insya-Allah* dengan pemantauan yang ketat ini, pada masa ini, memang ada kelewatan masih tetapi boleh masih dalam kawalan. *Insya-Allah* saya kira pakej yang seterusnya yang bakal siap ialah daripada persimpangan Bukit Besi, sekarang ini kita sudah buka daripada Kuala Terengganu sehingga ke Bukit Besi dan daripada Persimpangan Bukit Besi sehingga ke Persimpangan Paka, *insya-Allah* akan dapat kita siapkan dan tukar.

Diharapkan dalam hujung tahun ini ataupun selewat-lewatnya awal tahun depan dan yang selebihnya, yang saya katakan tadi ialah bulan Ogos 2014. Dengan pemantauan ini, *insya-Allah* kita mendoakan semoga projek ini dapat berjalan dengan lancar. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. soalan saya ialah dengan pemantauan, masih terdapat kelewatan persiapan LPT2 dan ini juga terlibat projek kerajaan yang timbul masalah kelewatan persiapan. Jadi apakah pandangan atau adakah pemantauan pihak kementerian terlalu longgar atau ada apa-apa sebab yang menyebabkan kelewatan projek kerajaan? Terima kasih.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Lim Nget Yoon, Sebagaimana saya maklumkan tadi, projek LPT2 ini dilaksanakan secara tender dan apabila kontraktor dilantik, bila ada permasalahan berlakunya kenaikan harga yang mendadak, sebahagian kontraktor tidak mampu untuk meneruskannya. Jadi apabila tidak mampu meneruskan, maka kontrak mereka terpaksa dibatalkan.

Dari segi prosedur kerajaan, untuk melantik kontraktor baru kita kena membuat tender dan kadang-kadang melantik kontraktor penyelamat. Dengan proses itu ia memakan masa, sehinggakan satu tahun untuk kita melantik kontraktor yang baru.

Kontraktor yang baru ini kita pantau secara dekat termasuk saya sendiri sudah melihat LPT2. Di LPT2 ini ia melibatkan kawasan tadahan hujan di mana kawasan ini kadang-kadang telah pun hujan yang agak lebat. Mereka hanya dapat melaksanakan kerja dalam setahun enam bulan sahaja boleh melaksanakan kerja terutamanya di peringkat awal iaitu peringkat mengerjakan kerja-kerja tanah. Bila hujan mereka terpaksa melakukan baik pulih.

Untuk projek ini juga, apabila sebahagian projek ini telah disiapkan oleh kontraktor lama tetapi dibatalkan, maka projek itu ditinggalkan untuk sekian lama. Jadi bila kontraktor penyelamat masuk, mereka terpaksa membaik pulih sebahagian kerja yang telah dilaksanakan disebabkan berlaku kecurian, orang curi besi misalnya dan sebagainya. Kontraktor ini terpaksa mengambil langkah untuk membaik pulih sebelum dapat melaksanakan kerja yang sebenarnya yang telah diagihkan tugas kepada mereka untuk menyiapkan. Sebab itu berlaku sedikit kelewatan dan kelewatan ini setelah diambil kira, itu yang saya katakan tadi mengambil kira sebahagian kelemahan kontraktor dan sebahagian ini disebabkan keadaan yang menyebabkan kelewatan projek ini.

Maka, projek ini kita jangka akan dapat disiapkan pada Ogos 2014. Kita akui memang ada kelemahan di peringkat kontraktor dan juga proses kita. Akhirnya sekarang ini kita mengambil tindakan untuk mengawal selia dengan ketat projek ini. *Insyallah* doakan semoga Ogos 2014 ia akan dapat disiapkan dan September 2014 keseluruhan LPT2 akan dapat dibuka kepada orang ramai. Terima kasih.

**9. Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan, apakah mekanisme yang perlu di laksana bagi memastikan subsidi petrol oleh kerajaan tidak dinikmati oleh warga asing tanpa kawalan.

**Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md Hanipah:** *Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan turut bertanggungjawab mengawal dan memastikan bekalan barang kawalan termasuk bahan petroleum bersubsidi sentiasa mencukupi, stabil dan tidak diselewengkan.

Kementerian telah mewujudkan beberapa mekanisme untuk memastikan subsidi petrol tidak dinikmati oleh warga asing tanpa kawalan. Salah satu mekanisme yang telah dilaksanakan iaitu semua pengusaha stesen dilarang menjual minyak petrol RON95 kepada kenderaan pendaftaran asing. Selain itu stesen minyak yang berada di dalam lingkungan 50 kilometer dari sempadan cuma dibenarkan menjual hanya 20 liter minyak diesel kepada kenderaan asing. Notis larangan telah dipamerkan di semua stesen minyak di seluruh negara dan pemilik stesen diwajibkan mematuhi arahan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari mekanisme ini, langkah-langkah berikut juga telah dilaksanakan iaitu kita juga mewartakan barang kawalan minyak petrol RON 95 dan juga minyak diesel serta tepung gandum dan gas petroleum cecair sebagai barangan larangan eksport di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan (Larangan Eksport) 2011 yang berkuat kuasa mulai tahun 2011.

Langkah yang kedua yang diambil oleh kerajaan ialah mengadakan kerjasama dengan agensi-agensi penguat kuasa lain seperti Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Pasukan Gerakan Am (PGA), Unit Pencegahan Penyeludupan (UPP) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Angkatan Tentera Malaysia di kawasan sempadan dan juga perairan negara.

Langkah yang ketiga mewujudkan kerjasama dengan Kementerian Dalam Negeri dengan menempatkan anggota Ikatan Relawan Rakyat (RELA) di 45 buah stesen minyak berhampiran sempadan Thailand dan sepuluh buah stesen minyak berhampiran sempadan Singapura. Usaha ini dilakukan bagi mencegah pembelian minyak diesel dan minyak petrol bersubsidi oleh kenderaan pendaftaran asing.

## ■1140

Langkah yang keempat ialah menangani masalah ketirisan minyak petrol RON95 dan juga minyak diesel bersubsidi juga merupakan KPI kepada kementerian, khususnya di negeri-negeri yang bersedap dengan negara jiran. Pada tahun 2012, kementerian telah berjaya menurunkan jualan kepada pihak yang tidak layak oleh 69 stesen minyak di sempadan negara dan pengurangan jualan adalah sebanyak 5.11 peratus bagi minyak petrol RON95 dan manakala penurunan bagi minyak diesel adalah sebanyak 8.47 peratus. Kelima akhirnya ialah melalui penguatkuasaan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dari tahun 2011 hingga bulan Jun 2013.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, sebanyak 182 kes telah diambil melibatkan warganegara asing dengan nilai rampasan sebanyak RM3,813,277.046. Terima kasih, Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan. Kita sedar seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi bahawa memang ada notis larangan. Akan tetapi kalau kita lihat di stesen-stesen minyak, saya pernah melihat sendiri di Petronas, *sticker* yang diletakkan di situ sangat kecil dan jarang sekali mendapat perhatian. Adakah ianya berkesan? Jika kita lihat di Singapura, sebarang kereta daripada Singapura yang akan masuk daripada Woodlands akan diperiksa terlebih dahulu untuk memastikan minyaknya penuh sebelum masuk ke negara kita supaya mereka tidak membeli minyak daripada negara kita.

Akan tetapi kalau di Malaysia, tidak dikenakan undang-undang yang sedemikian. Jadi soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, pertamanya tidakkah kerajaan bercadang untuk membuat satu peruntukan undang-undang yang agak lebih ketat terutamanya kepada warga asing apabila membabitkan subsidi rakyat. Contohnya, seperti menyediakan satu pam khas ataupun warga asing ini yang mempunyai pendaftaran kereta luar negara ini perlu menggunakan kad sentuh ataupun kad pengenalan yang tertentu untuk membolehkan mereka membeli minyak yang di subsidi. Ini kerana warga asing ini ada yang datang, masuk dengan sekejap dengan kereta mereka dan ada yang tinggal seperti usahawan-usahawan atau *entrepreneur* yang tinggal lama di sini yang pada hemat saya tidak berhak untuk menikmati subsidi yang disediakan oleh kerajaan kita hanya kepada rakyat. Jadi, mohon jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Untuk jawapan soalan tambahan Yang Berhormat, peruntukan undang-undang baru sekarang ini tidak bercadang kerana dengan peruntukan dengan sedia ada ataupun kawalan-kawalan yang dibuat oleh pihak kerajaan, kita merasakan mencukupi untuk masa sekarang. Ini kerana Tuan Yang di-Pertua, kita ada pegawai-pegawai yang kita tempatkan di kawasan pam-pam stesen ataupun petrol *station* yang berada di sempadan negara.

Selain daripada pegawai penguat kuasa, kita ada juga skuad tindakan ataupun daripada pasukan RELA yang kita tempatkan di situ dan sesetengah kawasan pam stesen ataupun petrol pam ini kita tempatkan anggota penguatkuasaan secara statik untuk memastikan supaya jualan minyak kepada kenderaan-kenderaan daripada pendaftaran negara luar tidak berlaku kepada minyak yang diberi subsidi oleh kerajaan. Akan tetapi sekiranya mereka membeli RON97 itu, diberi ruang yang mencukupi kepada kenderaan-kenderaan yang mendaftar daripada luar negara.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah binti Mahat.

**Datuk Hajah Noriah binti Mahat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan saya ringkas saja. Kebelakangan ini sejak dua bulan lepas, harga petroleum turun tetapi kenapa harga barang tidak turun? Terima kasih.

**Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Terima kasih Yang Berhormat, soalan tambahan. Kenapa harga petroleum turun, harga barang tidak turun? Harga barang dengan petroleum kadang-kadang ada berkaitan, yang sesetengahnya tidak berkaitan.

Akan tetapi kerajaan sentiasa mengawal barang-barang kerana apatah lagi sekarang ini musim perayaan ataupun dalam bulan Ramadhan, jadi kerajaan ataupun kementerian telah pun mengisytiharkan harga barang-barang kawalan musim perayaan baru-baru ini. Kita akan pastikan harga yang telah ditetapkan oleh kerajaan harus dipatuhi oleh peniaga-peniaga dan kita juga memberi jaminan bahawa semua barangan untuk menghadapi musim perayaan ini terjamin dan juga mencukupi. Terima kasih.

**10. Tuan Lihan Jok** minta Menteri Kerja Raya menyatakan, adakah kerajaan serius dalam mencadangkan untuk membina sebuah jambatan konkrit menyeberangi Sungai Baram di Long Lama, Baram, Sarawak. Jika ya, bilakah projek itu akan bermula dan anggaran kos pembinaan jambatan tersebut.

**Menteri Kerja Raya [Datuk Haji Fadillah bin Yusof]:** Terima kasih Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan Persekutuan sememangnya amat komited untuk meningkatkan pembangunan rangkaian infrastruktur jalan raya di negeri Sarawak. Pelaksanaan projek pembinaan jalan raya ini melibatkan pelbagai agensi kerajaan seperti Kementerian Kerja Raya dan juga untuk jalan-jalan utama antara bandar ataupun dengan izin, *trunk roads*. Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah bagi jalan-jalan perhubungan di luar bandar. Kementerian Pertahanan menerusi Projek Jiwa Murni bagi jalan balak dan projek-projek di bawah Kerajaan Negeri Sarawak sendiri. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, pada peringkat awal cadangan pembinaan jambatan baru melintasi Sungai Baram di Long Lama, Sarawak ialah merupakan projek di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Sarawak.

Walau bagaimanapun, berikutan cadangan projek tersebut melibatkan skop kerja yang agak kompleks dan juga kos yang tinggi, ia telah diambil alih oleh Kementerian Kerja Raya. Berdasarkan kajian awalan yang dibuat kementerian ini, anggaran kos untuk membina jambatan baru tersebut ialah sebanyak RM100 juta. Sehubungan itu, kementerian telah mengemukakan permohonan kepada agensi pusat untuk memperoleh kelulusan bagi tujuan melaksanakan projek berkenaan dalam *Rolling Plan* yang keempat iaitu 2014 hingga 2015 di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan. Tiada soalan tambahan. Tuan Lihan Jok dipersilakan.

**Tuan Lihan Jok:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan ialah sekarang ini tanpa jambatan tersebut, kerajaan berjanji akan mengadakan perkhidmatan feri untuk mengangkut penumpang-penumpang dari kawasan Tutuh Apoh ke Miri. Jadi, bilakah perkhidmatan feri ini dapat disediakan sementara menunggu jambatan tersebut? Terima kasih.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Lihan Jok. Sebagaimana kita sedia maklum, khususnya Yang Berhormat Tuan Lihan Jok bahawa perkhidmatan feri di bawah bidang kuasa kerajaan negeri iaitu melalui sama ada Jabatan Kerja Raya peringkat negeri. Jabatan Kerja Raya Sarawak adalah sepenuhnya di bawah tadbir urus kerajaan negeri dan kalau itulah hasratnya, *insya-Allah* saya akan berhubung dengan kerajaan negeri dan juga JKR negeri untuk mendapat maklum balas dan memaklumkan bahawa hasrat yang untuk dipercepatkan perkhidmatan feri disediakan di kawasan tersebut.

Namun untuk keseluruhan kawasan Baram ini sahaja Yang Berhormat, begitu banyak yang telah kita lakukan untuk kita menambah baik khususnya dalam bidang perhubungan jalan. Bagi Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah setakat ini telah membelanjakan lebih kurang RM52.7 juta untuk menghubungkan jalan ke Rumah Agis, Jalan Sungai Peking, Jalan Rumah Chabo dan Bundan, Jalan Pekan Bario dan juga Rumah Ringgi, Rumah Insum dan Rumah Ruang.

Manakala di kawasan Baram juga telah diperuntukkan kepada RECODA untuk menghubungkan kepada jalan ke Empangan Baram, pakej 'A' dan pakej 'B' yang dalam pembinaan sebanyak RM200 juta dan juga dalam proses tender RM500 juta.

Keseluruhannya RM700 juta untuk menghubungkan kawasan Baram supaya dapat dipertingkatkan jalan darat dan cuma dalam kawasan feri ini tadi saya akan cuba kemukakan pada kerajaan negeri. Terima kasih, Yang Berhormat.

## ■1150

**Timbalan Yang di-Pertua:** Memandangkan tidak ada lagi soalan tambahan maka dengan itu berakhirlah sesi soal jawab lisan kita pada hari ini. Sekarang kita beralih pada acara seterusnya Aturan Urusan Mesyuarat.

*[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat.]*

USUL

**JALAN-JALAN MASUK KE PARLIMEN**

11. 50 pg.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan usul seperti berikut:

“Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama penggal Dewan Negara yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan Negara ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menghalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini. Jangan berlaku apa-apa kekacauan, kacau-bilau menuju ke Dewan ini dan supaya jangan ada huru-hara di bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini dan Setiausaha Dewan Negara hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara dan tersebut itu.”

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah usul oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri seperti yang telah dibacakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

USUL

**MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN  
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

11.52 pg.

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Pertama sekali marilah kita mengucapkan syukur kepada Allah SWT kerana telah diberikan kesihatan badan, kekuatan mental dan kelapangan masa untuk kita menghadiri sidang Dewan Negara yang mulia ini bagi Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama bagi Parlimen Ke-13 ini. Kehadiran kita semua adalah semata-mata bagi menyempurnakan amanah dan tanggungjawab sebagai Ahli Dewan Negara yang dilantik.

Tuan Yang di-Pertua, saya Ahamat @ Ahamad bin Yusop, Ahli Dewan Negara Malaysia dengan ini memohon untuk mencadangkan Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah kerana sudi berangkat menyampaikan Titah di Persidangan Pertama Parlimen Ke-13 pada tanggal 25 hari bulan Jun, 2013 bersamaan 16 Syaaban 1413 Hijrah. Usul saya adalah seperti berikut:

Bahawa suatu ucapan yang tidak seperti ini dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong demikian bunyinya;

“Ampun tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-banyak terima kasih, syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Pertama, Parlimen Ketiga Belas”.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Perasmian oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menyentuh pelbagai perkara dan isu-isu semasa yang saya kira perlu kita berikan perhatian serius oleh semua rakan-rakan di dalam Dewan yang mulia ini. Seharusnya kita menghayati Titah Baginda dan sama-samalah kita mengambil iktibar dan dijadikan sebagai pedoman untuk kita meneruskan tugas dan amanah sebagai Ahli Dewan Negara yang bertanggungjawab dan berintegriti serta sebagai penggubal undang-undang yang sentiasa menjunjung perlembagaan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya membahaskan beberapa perkara izinkan saya untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak dan juga Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin yang telah membawa kejayaan kemenangan Barisan Nasional dalam Pilihan Raya Umum Ke-13 baru-baru ini dan sekali gus membentuk Kerajaan Persekutuan.

Tidak lupa juga saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada bekas Menteri Besar Johor Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman yang telah berjaya memimpin dan membawa kemenangan Barisan Nasional di Johor, 38 kerusi daripada 56 di peringkat DUN dan menyumbang 21 Kerusi Parlimen daripada 26 Kerusi di negeri Johor. Walaupun beliau sendiri tewas di Parlimen Gelang Patah tetapi kami daripada Johor menyifatkan kekalahan beliau itu sebagai kekalahan yang bermoral.

Tuan Yang di-Pertua, agenda utama yang disentuh oleh ke bawah Duli Tuanku ialah memupuk kembali semangat perpaduan kepada semua pihak agar dapat menerima dan menghormati keputusan Pilihan Raya Umum Ke-13 yang telah diadakan mengikut lunas-lunas sistem demokrasi dan seterusnya bekerjasama serta berganding bahu bagi membolehkan negara melangkah ke depan untuk mencapai matlamat negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Mesej ke bawah Duli Tuanku amat jelas dan saya turut terpanggil untuk sama-sama menyeru semua pihak agar menerima keputusan PRU-13 serta merapatkan kembali saf yang renggang demi perpaduan ummah dan rakyat Malaysia seluruhnya. Bak kata pantun dahulu kala.

*Nasi dimakan dengan lauk ikan,  
Enak rasanya makan Cik Noriah,  
Jika kerjasama dapat didirikan,  
Segala urusan menjadi mudah.*

Tuan Yang di-Pertua, ke bawah Duli Tuanku, isu keselamatan dan isu pencerobohan kumpulan pengganas Sulu di Lahad Datu dan Semporna Sabah baru-baru ini. Saya juga terpanggil melalui ruangan ini seiringan dengan titah ke bawah Duli Tuanku ingin mengucapkan takziah kepada keluarga anggota pasukan keselamatan yang telah gugur semasa mempertahankan negara dalam insiden yang menggemparkan negara malah ke peringkat antarabangsa.

Jasa dan khidmat bakti serta pengorbanan anggota Tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia dan orang awam amatlah saya hargai dan sanjung tinggi. Tuan Yang di-Pertua, saya turut merasa sedih dan terpanggil untuk mengutuk perbuatan sesetengah pihak yang mengaitkan isu keselamatan dengan politik yang mengatakan ini adalah satu sandiwara politik UMNO.

## ■ 1200

Perbuatan ini adalah suatu yang tidak bertanggungjawab apatah lagi ia dibuat oleh seorang ahli yang bergelar Yang Berhormat. Apa yang berlaku di Lahad Datu dan Semporna di Sabah Mac lalu, yang turut mengorbankan lapan nyawa anggota keselamatan kita amat menyentuh perasaan seluruh rakyat Malaysia. Di sini saya terpanggil untuk menuntut agar satu siasatan terperinci dibuat ke atas pemimpin-pemimpin pembangkang berikutan satu laporan memetik badan perisikan Tentera Filipina.

Soalannya, apakah status dalang-dalang ini baik rakyat tempatan mahupun rakyat asing yang bakal diumumkan dan dikenakan tindakan termasuk dakwaan beberapa pemimpin pembangkang dan NGO pro-pembangkang didapati mempunyai hubungan langsung termasuk bersubahat dengan serangan pengganas Sulu ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ke Bawah Duli Tuanku telah menyeru agar semua Ahli-ahli Yang Berhormat hendaklah bersama-sama memikul amanah rakyat yang inginkan kestabilan dan kemakmuran negara berkekalan. Kesejahteraan hidup terus meningkat serta perpaduan masyarakat pelbagai kaum dan agama kian utuh. Rakyat perlu turut sama memainkan peranan dan bekerjasama dalam membantu kerajaan merealisasikan amanah tersebut.

Realitinya pada masa ini Tuan Yang di-Pertua, selepas Pilihan Raya Ke-13 baru-baru ini, saya mendapati bahawa semangat perpaduan di kalangan kaum kita kaum-kaum di Malaysia ini telah tercabar dengan begitu serius malah tindakan-tindakan, perbuatan-perbuatan yang menjurus kepada *racism* semakin menular dengan luas sekali.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat dari segi sejarah, Malaysia mempunyai rakyat yang berbilang kaum bukanlah sebenarnya pilihan kita. Akan tetapi adalah telah ditakdirkan kita bersama-sama berada di dalam negara yang majmuk ini. Walaupun masyarakat ataupun bangsa Melayu merupakan penduduk asal di negara ini dan juga kaum-kaum bumiputera yang lain, akan tetapi hakikat sejarah telah membawa kita bersama-sama rakyat dari pelbagai keturunan khususnya India dan Cina telah menjadi warganegara Malaysia di peringkat awal melalui proses undang-undang. Hari ini generasi ini, mereka yang telah menjadi warganegara yang kekal bermastautin di negara kita ini.

Justeru itu perpaduan kaum dan keharmonian sosial perlu dipertahankan ataupun dipertingkatkan. Pagi tadi kita mendengar Menteri daripada Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional telah menggariskan pelbagai program dan tindakan pihak kerajaan untuk memupuk perpaduan dan integrasi nasional di kalangan kaum-kaum yang berada di Malaysia ini.

Pada hemat saya, usaha kerajaan melalui program-program tersebut masih belum mencukupi. Pada hemat saya Tuan Yang di-Pertua, beberapa titik ataupun *points* yang menjadi tumpuan kepada perpaduan kaum dan juga keharmonian kaum berpunca daripada enam institusi. Pertama ialah institusi keluarga itu sendiri yang menjadi asas kepada didikan anak-anak. Keluarga memainkan peranan yang penting. Sistem nilai mula diterapkan kepada anak-anak melalui ibu bapa yang mendidik mereka.

Saya tidak tahu dengan jelas apakah bentuk asuhan ataupun didikan dalam sebuah keluarga Cina misalnya dari sudut persepsi ataupun pandangan hidup mereka terhadap orang Melayu. Begitu juga sebuah keluarga India, apakah sistem nilai dan persepsi, pandangan hidup, *values* yang diterapkan kepada anak-anak ini terhadap orang Melayu sebagai contoh. Begitu juga sebuah keluarga Melayu, apakah didikan dan bentuk-bentuk nilai yang disemaikan kepada anak-anak ini dari sudut pandangan hidup, persepsi terhadap kaum Cina dan kaum India di negara kita ini, kerana ini menjadi asas kepada pembentukan *preconceive ideas* di kalangan anak-anak ini. Ini menurut pakar-pakar psikologi.

Institusi kedua yang berkaitan dengan penyemaian perpaduan dan keharmonian kaum ini ialah di sekolah. Sekolah dan seterusnya di semua peringkat sama ada di sekolah tadika, sekolah rendah, sekolah menengah sehinggalah ke peringkat universiti dan kolej. Sebagai seorang bekas guru, saya terpanggil untuk menyatakan di sini bahawa peranan sekolah dan guru-guru juga sama penting mendidik anak-anak ini dari sudut perpaduan, dari sudut keharmonian kaum. Apabila menyebut sekolah ataupun institusi pendidikan, maka kaitan yang rapatnya ialah sistem pendidikan yang ada di dalam negara kita ini.

Sistem pendidikan di negara kita ini sama sekali tidak sama dengan negara-negara lain seperti Singapura, Indonesia, Thailand dan sebagainya. Semua mengetahui bahawa kita mempunyai sekolah pelbagai aliran, aliran kebangsaan dan aliran jenis kebangsaan. Ada tanda-tanda atau pun bukti-bukti yang kukuh kaitannya apabila anak-anak ini belajar di bawah sistem aliran yang berbeza di peringkat awal, maka perpaduan kaum tidak dapat disemaikan dengan begitu mantap apabila mereka ini besar. Lebih-lebih lagi pula apabila ada tuntutan-tuntutan daripada pihak tertentu contohnya, sekolah jenis kebangsaan Cina yang mahukan sekolah menengah aliran Cina juga diperbanyakkan di negara ini dan seterusnya mahukan penuntut-penuntut ini melanjutkan pelajaran mereka ke Taiwan, ke negeri China.

Akhirnya anak-anak ini tidak termasuk di dalam sistem pendidikan arus perdana. Bayangkan bagaimanakah persepsi dan juga *values* yang ada pada anak-anak ini apabila mereka besar dan dewasa kelak.

#### ■1210

Tuan Yang di-Pertua, maka dengan itu saya beranggapan Kementerian Pendidikan perlu melihat perkara ini dengan lebih serius. Kerajaan telah cuba mengadakan sekolah wawasan. Saya tak tahu berapa yang ada sekarang ini, yang cuba mengintegrasikan murid-murid dari pelbagai sekolah kebangsaan dan jenis kebangsaan ini berada di satu tempat yang sama, bermain di padang yang sama tetapi saya mendapat tahu, ini pun belum cukup berjaya kerana ada setengah guru-guru besar yang tidak mengizinkan murid-murid mereka bercampur gaul menggunakan padang yang sama dan seterusnya menggunakan fasilitet yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, institusi yang ketiga yang saya kenal pasti boleh memainkan peranan dalam memupuk perpaduan dan keharmonian kaum ialah tempat bekerja. Saya pernah bekerja di Dewan Bahasa dan Pustaka di mana semuanya Melayu, saya juga pernah bekerja di Kumpulan *The New Straits Times*, ada pelbagai bangsa. Cina, Melayu, India, Punjabi dan yang lain-lain. Berbeza sama sekali suasananya, suasana harmoni, perpaduan antara sesama rakan sekerja kalau dipupuk dengan baik di tempat-tempat bekerja.

Persoalannya di sini ialah sejauh mana usaha dilakukan oleh sama ada kerajaan mahupun pihak swasta menerapkan agenda perpaduan dan keharmonian kaum ini di tempat-tempat bekerja kepada petugas-petugas dan pekerja mereka. Tuan Yang di-Pertua, institusi seterusnya yang boleh memainkan peranan memupuk perpaduan dan keharmonian kaum ini ialah NGO-NGO. NGO adalah pertubuhan bukan kerajaan contohnya pertubuhan belia. Berapa banyak pertubuhan belia di negara kita ini yang *multiracial*? Persatuan Belia Tamil (BELL) khusus untuk pemuda-pemuda India, Persatuan Belia 4B khusus untuk belia Melayu, begitu juga persatuan-persatuan belia Cina yang lain. Tidak ada nampak satu persatuan belia yang *multiracial*, dulu ada MAYC tetapi saya tak tahu apa jadi kepada MAYC sampai sekarang.

NGO-NGO ini boleh memainkan peranan sama ada memupuk perpaduan dan keharmonian kaum ataupun sebaliknya, ini antitesis sebaliknya kepada keharmonian kaum. Ada setengah-setengah NGO yang semata-mata memperjuangkan hak dan tuntutan kaum-kaumnya sahaja dengan tidak mengambil kira sensitiviti kaum-kaum lain di negara kita ini.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, institusi yang saya kenal pasti memainkan peranan dalam hal ini ialah media. Media memainkan peranan sama ada campur ataupun tolak. Percayalah, media di negara kita ini banyak yang membantu dan juga banyak juga yang menolak perpaduan kaum. Sebagai contoh, akhbar-akhbar berbahasa Cina yang saya baca *translation* dia, dua tahun, tiga tahun yang lepas menjelang PRU-13 sentiasa meniupkan semangat perkauman, meningkatkan semangat perkauman orang-orang Cina di negara ini.

Ini adalah hakikat, bukan persepsi. Begitu juga media-media yang lain yang pernah dilabelkan sebagai rasis dan sebagainya. Jadi pada akhirnya, media telah tidak dapat memainkan peranan untuk memupuk perpaduan kaum sekiranya mereka ini dipengaruhi ataupun mempunyai agenda-agenda tertentu khususnya agenda-agenda parti politik tertentu.



Akhir sekali pada pengamatan saya, parti-parti politik. Parti-parti politik ini Tuan Yang di-Pertua, sangat-sangatlah mendukacitakan saya khususnya dan rakan-rakan yang lain lebih-lebih lagi menjelang pilihan raya baru-baru ini dan juga selepas pilihan raya. Saya hadir sendiri pada perhimpunan di Gelang Patah, pilihan raya di Gelang Patah.

Ucapan-ucapan pemimpin-pemimpin daripada parti pembangkang kita dengar sampai saya membuat satu andaian seolah-olah tidak ada harapan untuk kita bersatu padu antara orang Melayu dengan orang Cina khususnya. Meniupkan semangat perkauman khususnya perkauman Cina *versus* Melayu dalam sudut apa sekalipun. Yang Berhormat Lim Kit Siang terang-terang menggunakan pelbagai cara untuk menghasut orang Cina dengan pelbagai taktik dalam kempen pilihan raya mereka dan pada akhirnya manifestasi daripada kempen-kempen sedemikian yang bersifat perkauman, dalam Dewan Undangan Negeri Johor pada ketika ini kita ada 56 orang Ahli Dewan Undangan Negeri. Sebanyak 18 orang terdiri daripada parti pembangkang dan 38 di sebelah Barisan Nasional. Di sebelah parti pembangkang, 14 ADUN dari DAP keturunan Cina dan empat sahaja daripada PAS. Dalam Dewan Undangan Negeri Johor sekarang ini jelas di sini Melayu, di sebelah sana Cina. Adakah ini yang kita mahu dalam negara kita yang dikatakan menjalin keharmonian, perpaduan kaum dan sebagainya?

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap dan mencadangkan agar Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional lebih memainkan peranan yang penting bukan sekadar melaksana program-program yang bersifat *ceremonial* semata-mata tetapi benar-benar menembusi kepada *core issue* atau isu sebenar yang menjurus kepada jurang perkauman di negara kita ini. Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang disentuh oleh Duli Yang Mulia di-Pertuan Agong ialah isu keselamatan dan ketenteraman awam.

#### ■1220

Saya ringkas sahaja dalam hal ini tetapi rasa saya terpenggil. Pertama, ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pasukan polis yang telah berjaya mengurangkan kes jenayah di negara kita ini. Pada tahun 2012, jenayah jalanan turun 41 peratus berbanding sasaran awal 45 peratus dan ia satu perkembangan yang amat baik. Ini tidak secara langsung menunjukkan bidang keberhasilan utama negara yang menentukan kesan yang baik kepada masyarakat pada tahun 2013.

Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia ketika ini, nisbah untuk 100,000 orang penduduk adalah 550 kes jenayah berbanding 6,500 kes di United Kingdom dan 4,500 di Amerika Syarikat. Dari angka ini jelas kadar jenayah kita masih lagi terkawal, tidak seperti negara-negara maju yang saya sebutkan tadi. Saya juga turut memuji iltizam PDRM dalam usaha mahu mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatan termasuk memberikan respons pantas selepas dihubungi, penyiasatan sebaik laporan diterima dan mengurangkan perasaan takut orang ramai terhadap kebarangkalian kes jenayah yang berlaku. Walau bagaimanapun, isu yang sering dibangkitkan berkaitan dengan PDRM dalam usaha mereka memerangi jenayah ialah seperti berikut:

- (i) kekurangan anggota polis itu sendiri; dan
- (ii) dikaitkan dengan kekurangan kuasa apabila Ordinan Darurat 1969 dimansuhkan di mana mereka tidak boleh membuat tangkapan untuk tujuan pencegahan.

Setakat ini, anggota polis sedia ada ialah seramai 122,000 orang dan kekuatan lebih ramai anggota amat diperlukan agar selari dengan pertambahan bilangan penduduk dan proses pembangunan negara masa kini. Polis Diraja Malaysia mensasar mencapai kekuatan anggotanya menjangkau 150,000 orang menjelang 2015 bagi mengimbangi kehendak masyarakat yang semakin mendesak serta pembangunan pesat negara. Statistik terbaru Polis Diraja Malaysia menunjukkan jumlah bagi setiap anggota polis dan penduduk adalah 1:500 dan masih jauh rendah daripada jumlah nisbah yang diperakukan oleh polis antarabangsa, Interpol iaitu seorang anggota polis bagi setiap 250 orang penduduk.

Saya mengikuti perbahasan di Dewan Rakyat baru-baru ini. Timbalan Menteri Dalam Negeri menyatakan bahawa piawai Interpol satu bagi setiap 250 orang penduduk itu sudah tidak boleh dipakai lagi katanya. Walau apa pun, statistik tersebut menunjukkan jumlah anggota polis sebenarnya perlu ditambah bagi memenuhi keperluan semasa. Soalan saya kepada Kementerian Dalam Negeri, apakah rancangan kementerian untuk menambah anggota PDRM bagi tempoh tiga hingga lima tahun yang akan datang.

Apakah peranan dan sejauh manakah peranan yang dimainkan oleh RELA, Pertahanan Awam, Polis Bantuan Sukarela yang turut membantu pasukan polis kita dalam tugas-tugas mereka memerangi jenayah.

Soalan saya yang kedua berhubung perkara ini ialah sejauh mana program mengambil anggota tentera yang telah bersara menganggotai PRDM. Sejauh mana telah dilaksanakan dan adakah ia masih diteruskan?

Tuan Yang di-Pertua, saya ada sedikit cerita dari kampung saya. Balai polis di Sungai Mati dalam daerah Ledang, Johor tempat saya. Imbas kembali tahun sekitar 1985 hingga 1986. Kekuatan anggota ialah seramai 13 orang. Apa yang mengejutkan saya ialah hari ini, kekuatan anggota masih pada kadar yang hampir sama iaitu 14 orang. Dengan diketuai oleh seorang yang berpangkat Sarjan Mejar. Saya sempat membuat sedikit penyelidikan berkaitan balai polis ini di mana terdapat empat pondok polis atau pondok polis bit iaitu di kawasan Serom seramai seorang anggota, kawasan Bukit Kangkar seorang anggota, kawasan Kesang seramai dua orang anggota dan kawasan Parit Bunga seramai dua anggota. Maka, bolehlah dijumlahkan kekuatan anggota keseluruhannya digabungkan antara Balai Polis Sungai Mati dan empat polis bit seramai 21 orang anggota.

Dengan jumlah penduduk di Ledang mencecah 140,000 orang dan penduduk di Sungai Mati sahaja mencecah 80,000 orang iaitu lebih separuh. Nisbahnya ialah 1:4,000 jauh dari menepati apa-apa piawai sekalipun. Ditambah pula dengan kes-kes jenayah seperti kecurian motosikal.

Tuan Yang di-Pertua, motosikal saya pun kena curi. Tiga atau empat bulan yang lalu. Motosikal buruk sahaja. Saya hendak pergi sembahyang Jumaat. *Start* motosikal itu tidak hidup. Tinggallah dekat rumah dan saya pun menumpang. Balik daripada sembahyang Jumaat, sudah tidak ada. Sudah kena curi. Saya buat laporan polis. Orang-orang kampung itu ketawakan saya. Apa yang mereka kata? "*Haji Mat, haji baru kena sekali*", katanya. Kena curi itu baru kena sekali. Kami di kampung ini sudah biasa. Cempedak dan angka kena kebas. Ayam, itik, lembu dan kambing kena kebas. Rumah kena pecah. Isunya, bila saya buat sedikit penyelidikan dengan balai polis, kekurangan anggota di Balai Polis Sungai Mati itu ada sebuah kereta polis dan dua buah motosikal rasmi. Yang lain-lain, sendiri punya oleh anggota polis. Adalah elaunnya.

#### ■1230

*Moral of the story* Yang Berhormat-Yang Berhormat, di kampung-kampung ini kekurangan anggota polis ini sangat ketara dan saya yakin ini bukan kes yang terpencil. Soalan saya, adakah kes di Sungai Mati ini kes terpencil atau ianya berlaku secara meluas di balai-balai polis lain di luar bandar?

Soalan saya seterusnya kepada KDN bagaimana cadangan untuk meningkatkan kemudahan kenderaan peronda? Hasil pemerhatian saya, balai polis ini hanya mempunyai dua buah kereta peronda jenama Proton Iswara dan kereta Perodua Kancil dan dua motosikal yang rasmi. Selebihnya menggunakan motosikal sendiri yang ada elaun motosikal sebanyak RM120 sebulan.

Cadangan saya kepada KDN mohon pihak KDN dan juga PDRM dapat menilai semula skim rondaan ini di mana-mana sahaja bukan di Balai Polis Sungai Mati ini sahaja kerana kadangkala elaun motosikal sebanyak RM120 sebulan tidak mencukupi jika rondaan terpaksa dibuat selalu dan kerap kali. Berapakah jumlah pembinaan balai polis baru, balai polis yang di naik taraf, jumlah kuarters baru serta kuarters yang di naik taraf termasuk jumlah yang telah berjaya dibina di bawah RMKe-10?

Satu lagi soalan kepada KDN, bagaimana pihak PDRM bersiap-siaga dalam berdepan dengan media sosial seperti *Facebook*, *Twitter*, laman *web* dan *blog* yang ketika ini banyak menyebarkan bukan sahaja maklumat tidak tepat, tetapi berunsurkan fitnah dan tuduhan. Walaupun saya tahu ini bukan sahaja bidang kuasa PDRM, tetapi PDRM perlu bersiap-siaga dan berdepan dengan isu-isu yang sudah pun timbul.

Tuan Yang di-Pertua, ke bawah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong turut menyentuh kepentingan jaminan bekalan makanan yakni *food security* memandangkan sektor pertanian terdedah kepada kesan perubahan iklim dunia dan harga pasaran bahan makanan yang tidak menentu di pasaran global.

Justeru Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menyeru agar diwujudkan satu pendekatan holistik dalam membangunkan industri agromakanan termasuk pembukaan empat jelapang padi baru di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh bantuan dan pemberian subsidi padi kepada petani-petani. Saya menyokong langkah kementerian untuk mengkaji semula dasar pemberian subsidi padi yang ditetapkan pada nilai RM248.10 satu tan kepada petani di kawasan dan di luar kawasan jelapang padi agar kedua-dua pihak sama-sama mendapat manfaat. Ini kerana sejak sekian lama terdapat kekurangan ataupun berat sebelah dalam dasar tersebut dari segi pembayaran subsidi terutama kepada petani di luar kawasan jelapang padi. Subsidi ini disalurkan oleh kerajaan melalui BERNAS.

Pada masa ini petani di kawasan jelapang seperti Kedah, Seberang Perak dan sebagainya mendapat subsidi mengikut keluasan sawah yang diusahakan yang mana mereka dibayar RM248.10 setiap tan padi yang dihasilkan berbanding petani di luar jelapang yang hanya dibayar tidak melebihi 2.4 hektar keluasan sawah untuk setiap tan padi yang dihasilkan. Soalan saya apakah rasionalnya perbezaan dari segi pemberian subsidi untuk kawasan jelapang dan untuk kawasan yang luar jelapang yang terdiri daripada petani-petani yang mengusahakannya secara kecil-kecilan.

Saya mencadangkan agar subsidi yang bukan hanya berbentuk RM248.10 satu tan tetapi merangkumi subsidi bahan sokongan asas lain seperti racun rumpai, benih-benih dan baja-baja dan alat sokongan lain seperti mesin menuai termasuk levi khas pengambilan pekerja asing di kawasan-kawasan jelapang yang melebihi keluasan yang munasabah.

Tuan Yang di-Pertua, ini cerita orang kampung di Johor. Johor tidak ada jelapang padi. Kedah, Yang Berhormat Dato' Paduka Ahmad Bashah dia biasalah. Akan tetapi walaupun tidak ada sawah bertaraf jelapang Johor ada banyak sawah. Saya tidak *check* pula berapa banyak. Petani-petani ataupun pesawah-pesawah ini selalu mengalami kerumitan untuk mendapatkan bantuan subsidi racun rumpai, baja dan sebagainya. Racun rumpai ini mesti sampai pada ketika ianya diperlukan, bila padi sedang membesar dan dia diserang oleh serangga, subsidi racun rumpai tidak sampai. Yang melaksanakan tugas ini ialah Persatuan Peladang daerah. Kementerian atau Jabatan Pertanian menyalurkan subsidi ini melalui Persatuan Peladang-Peladang daerah yang secara langsung dibekalkan oleh pembekal-pembekal. Selalu berlaku kerumitan tidak sampai. Kalau sampai pun sudah habis musim.

Pernah saya timbulkan perkara ini dalam Dewan yang mulia ini setahun dua dahulu. Bila saya sebut dalam Dewan ini seminggu kemudian Tuan Yang di-Pertua sampai ke sawah padi. Sekarang sudah tidak sampai balik. Jadi sistem penyampaian ini. Petani-petani ini dia tunggu.

Yang kedua ialah benih yang bermutu benih padi yang sudah diuji dari segi mutu dan dari segi hasil outputnya tinggi telah diguna pakai di banyak tempat di kawasan jelapang. Peningkatan 15 peratus sehingga 20 peratus tapi kawasan luar jelapang masih diberi benih padi jenis lama. Ada wakil Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani di sini? Tolong jawab. Bukan sekaranglah...

**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad:** Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Boleh beri laluan Yang Berhormat?

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop:** Boleh, boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya kepada Yang Berhormat di Johor itu di kawasan mana berlakunya kes-kes macam ini. Saya difahamkan di Johor tidak banyak ekar yang bersawah. Jadi kawasan mana?

■1240

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop:** Minta maaf, saya tidak ada statistik tapi Johor banyak sawah. Lebih banyak daripada di negeri Melaka. Dulu Melaka lebih banyak sawah daripada Johor, Melaka lebih ghairah untuk, itu hal Melakalah, saya tidak campur, ia tidak buat sawah lagi. Akan tetapi di Johor, di kawasan Ledang sahaja ada ratusan hektar, kampung saya sahaja ada 200 hektar. Satu lagi isunya, MARDI selama ini tidak tahu Johor ada sawah padi.

Baru-baru ini sahajalah, setahun dua ini barulah pihak MARDI turun ke sawah padi negeri Johor dan membuat penyelidikan membantu pesawah-pesawah yang saya tahu sangat di kampung saya, pegawai-pegawai MARDI telah mula membantu. Dengan ini, terima kasih kepada pihak MARDI walaupun sawah itu sudah beratus tahun. Macam mana Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani boleh tidak melaporkan atau tidak memasukkan sawah-sawah di luar jelapang ini ke dalam R&D mereka...

**Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya Yang Berhormat, ada yang hendak mencelah. Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud:** Ringkas sahaja. Saya hendak bertanya mengenai jenis benih padi yang disebut oleh Yang Berhormat tadi.

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop:** Ada dalam nota ini, saya kena cari.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada bawakah benih padi itu Yang Berhormat?

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop:** Saya tidak bawalah benih padi itu di sini, jenis padi itu saya tahulah. Saya memuji peranan MARDI yang melalui Rancangan Malaysia Kesembilan dan Kesepuluh, MARDI telah membangunkan pelbagai teknologi. Antaranya pembangunan baka baru tanaman dengan menghasilkan beberapa *variety* baru padi iaitu padi MR253 dan MR263, boleh ambil nombor itu Yang Berhormat. Difahamkan menerusi penggunaan *variety* ini, padi boleh ditanam di kawasan yang mempunyai tahap kesuburan rendah atau kawasan yang mempunyai kadar kemasaman tinggi. Ini padi *old season*.

Cadangan saya, saya dengan rendah hati mencadangkan agar perkara ini untuk dikaji semula supaya memberi keadilan kepada kedua-dua pihak kerana petani sepatutnya dibayar subsidi secara tanpa perbezaan sama ada mereka di kawasan jelapang atau di luar kawasan. Soalan, apakah perkembangan terkini hasil kajian ke atas *variety* padi hibrid yang mampu menghasilkan peningkatan sebanyak 10 peratus hingga 50 peratus berbanding padi konvensional. Ini benih lama.

Seterusnya soalan saya kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, apakah status penghasilan padi beras wangi di luar kawasan jelapang? Ini kerana padi beras wangi sudah diperkenalkan di kawasan jelapang, ini yang saya sebut tadi. Di bawah projek permulaan Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA), saya difahamkan kementerian sedang menumpukan kepada dua jenis padi iaitu *basmathi* dan *jasmín*. Mohon status projek yang dimulakan di Marang, Pahang dari segi keluasan sawah dan hasilnya. Apakah cadangan memperkenalkannya di daerah luar jelapang lain seperti di Johor? Apakah kajian yang telah dijalankan oleh MARDI dalam menentukan kesesuaian lokasi dan masa? Adakah kementerian mempunyai cadangan atau peruntukan untuk melaksanakan program padi beras wangi di luar kawasan jelapang?

Tuan Yang di-Pertua, berapa masa lagi saya ada?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Masih banyak lagi Yang Berhormat, saya bagi lima minit lagi bolehkah?

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop:** Kalau lima minit, terus pada yang akhirlah ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masih banyak lagikah?

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop:** Ada empat muka surat lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Empat muka surat, berapa minit itu?

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop:** Saya *slow* sedikit, 10 minit boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Janganlah *dislowkan*. Saya bagi 10 minit Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop:** Tidak cukup angin Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, ke bawah Duli Tuanku turut menyentuh inisiatif kerajaan dalam meletakkan transformasi komprehensif ke atas sistem pendidikan negara melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 hingga 2025. Saya melihat inti pati Titah Tuanku Yang di-Pertuan Agong ialah untuk menambah baik sistem pendidikan negara bagi menyediakan modal insan yang antaranya berpengetahuan, berkemahiran dan mampu menyumbang kepada kesejahteraan diri, keluarga, masyarakat dan negara. Di sini saya terpenggil untuk menyentuh isu penggabungan pelan pendidikan.

Saya menyokong penstrukturan kedua-dua kementerian berkenaan yang saya percaya ianya bukanlah sesuatu yang sukar dilakukan memandangkan kedua-dua kementerian yang digabungkan sebelum ini telah menjalankan tugas dengan cemerlang. Dengan penyatuan dua kementerian ini, saya berpandangan ianya akan melicinkan lagi urusan untuk meningkatkan kualiti pendidikan negara. Walau bagaimanapun, izinkan saya mengemukakan beberapa soalan serta pandangan saya dalam konteks ini:

- (i) apakah manfaat yang diperoleh hasil daripada penggabungan Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi kepada Kementerian Pendidikan;
- (ii) bagaimana kementerian melihat penggabungan ini mampu mewujudkan sinergi kepada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 hingga 2025 dan juga daripada segi kepakaran yang terdapat pada kedua-dua kementerian sebelum ini; dan
- (iii) bagaimana kementerian memastikan hasil penggabungan ini kos akan berkurangan dan program-program juga tidak ada duplikasi atau pertindihan seterusnya mampu memberi manfaat kepada rakyat dan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, yang terakhir saya terpenggil untuk menyentuh walaupun rasa malu sedikit tetapi tidak apalah, ini ramai kawan-kawan minta saya sampaikan iaitu elaun dan bayaran tetap Ahli Dewan Negara yang rendah... *[Disampuk]* Tidak perlu malu ya.

Akhir sekali, saya terpenggil juga untuk menyuarakan isu elaun Ahli Dewan Negara yang pada hemah saya masih terlalu rendah berbanding dengan status dan tanggungjawab kami terhadap rakyat. Di sini elaun bulanan Ahli Dewan Negara RM4,112.79 dan jika dicampurkan bayaran tetap bulanan, tidak sampai pun RM10 ribu ataupun sekitar RM10 ribu sahaja. Jika dibuat perbandingan, Ahli Parlimen negara ini memperoleh RM6,500 sebulan dan yang paling rendah, berbanding Singapura RM33,589, Indonesia RM18,111 dan Thailand RM11,534. Jelas sekali elaun bulanan dan elaun tetap yang diterima oleh Ahli Dewan Negara sangat rendah ataupun lebih rendah berbanding dengan rakan sejawatan dari negara-negara jiran Asian seperti Indonesia, Thailand dan Singapura. Cadangan saya mohon jika dapat dikaji kenaikan elaun dan bayaran tetap melalui mana-mana penubuhan...

■1250

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Mencilah sedikit?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang hendak mencilah, boleh kah?

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop:** Boleh, boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Saya hanya hendak menambah sama ada dalam cadangan Yang Berhormat itu ada fasal untuk *dibackdatekan* atau tidak? Kalau terima lah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada *backdate* kah Yang Berhormat? Mohon itu.

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop:** Saya tambah lah nanti... *[Ketawa]* Cadangan saya mohon jika dapat dikaji kenaikan elaun dan bayaran tetap melalui mana-mana penubuhan jawatankuasa khas yang bersesuaian dengan dilibatkan tenaga pakar dari Parlimen, SPA dan JPA serta *dibackdatekan*....

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Bila itu?

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop:** Pada 1 Januari 2012. Tahun 2012, jadi kawan-kawan kita yang pencen itu memang kena dapat lebih sedikit lah.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mengemukakan Usul Menjunjung Kasih dan Perbahasan Titah Diraja oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, *wabbillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Diminta Yang Berhormat Dr. Lucas bin Umbul menyokong dan berucap. Silakan Yang Berhormat.

**12.51 tgh.**

**Dr. Lucas bin Umbul:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Pertama-tamanya izinkan saya menjunjung kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sempena pembukaan Penggal Pertama, Parlimen Ke-13 pada 25 Jun 2013 yang lepas.

Saya amat bersyukur kerana diberi ruang dan peluang untuk mewakili negeri Sabah di Dewan yang mulia ini. Pada masa yang sama, saya juga amat bangga kerana dapat mewakili suku kaum minoriti di Malaysia dari negeri di bawah bayu dalam meneruskan warisan perjuangan demi negara yang tercinta ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menyokong Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Marilah bersama-sama melafazkan kesyukuran kita kepada Tuhan yang Maha Pengasih kerana telah melimpahkan rahmat dan kurnia-Nya untuk membolehkan kita berada di Dewan yang mulia ini.

Selaku Ahli Dewan Negara, saya sangat berbangga dan berbesar hati kerana diberi ruang dan peluang dalam mengutarakan pandangan dan mengetengahkan isu yang penting perlu diberi perhatian untuk memperbaiki kehidupan rakyat pada masa-masa akan datang melalui perbahasan di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat menyambut baik Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang jelas telah memberi penekanan yang besar kepada isu yang amat penting iaitu soal pendidikan dan pembangunan modal insan di negara kita. Baginda telah memberi kepercayaan dan keyakinan kepada kerajaan melalui Kementerian Pendidikan Malaysia untuk melaksanakan Pelan Pembangunan Pendidikan 2013 sehingga 2025.

Pendidikan ialah penyumbang utama pembangunan modal sosial dan ekonomi negara. Pendidikan juga merupakan pencetus kreativiti dan penjana inovasi yang melengkapkan generasi muda dengan kemahiran yang diperlukan untuk bersaing dalam pasaran kerja dan menjadi pengupayaan perkembangan ekonomi keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Dasar Sains dan Teknologi Negara bertujuan menggalakkan penggunaan sains dan pembangunan ekonomi, memperbaiki kedudukan fizikal dan kesejahteraan rakyat bagi melindungi kedaulatan negara. Justeru, pendidikan dalam bidang sains dan teknologi adalah amat penting dalam melahirkan modal insan yang dapat memenuhi hasrat pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan ekonomi negara amat bergantung kepada kualiti pendidikan sesebuah negara. Malaysia juga tidak ketinggalan dan merancang peningkatan kualiti pendidikan melalui sains dan teknikal. Perkembangan sains dan teknikal amat berkait rapat dengan penemuan baharu dalam sains bagi menghasilkan teknologi sesebuah negara. Cabaran dan saingan ini memerlukan modal insan dalam bidang sains dan teknikal yang kompeten, kreatif, inovatif serta mempunyai daya saing yang tinggi.

Kejayaan sesuatu dalam sistem pendidikan dinilai melalui tahap pembelajaran dan perkembangan murid semasa mereka melalui sistem tersebut. Kementerian Pendidikan bertekad meningkatkan kualiti menjadikan murid selaras dengan aspirasi untuk meletakkan Malaysia dalam sistem pendidikan pada kelompok sepertiga teratas di dunia.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Laporan TIMSS 2007, dengan izin, *Trends in International Mathematics and Science Study 2007* dari Kementerian Pelajaran Malaysia mengatakan mengenai kajian perbandingan antarabangsa anjuran, dengan izin, *International Association for the Evaluation of Education Achievement (IEA).*

Kajian ini menghasilkan maklumat tentang *input*, proses, *output* pendidikan yang boleh digunakan untuk penambahbaikan dasar dan peningkatan pengajaran dan pembelajaran matematik dan sains dalam kalangan negara peserta.

Kajian ini juga bertujuan mengetahui pencapaian murid di sekolah menengah dan faktor-faktor yang mempengaruhi proses pengajaran dan pembelajaran serta berfokus kepada pencapaian murid dalam matematik dan sains, kurikulum matematik dan sains, pengajaran matematik dan sains serta latar belakang dan sikap murid terhadap matematik dan sains. Dalam kerangka penaksiran TIMSS atau dengan izin, *Trends in International Mathematics and Science Study*, dalam kerangka tersebut terdapat dua dimensi iaitu dimensi kandungan dan dimensi kognitif. Dalam kerangka spesifikasi ujian sains terdapat dua dimensi iaitu kandungan dan dimensi kognitif. Dalam domain tersebut, terkandunglah biologi fizik dan sains bumi.

Tuan Yang di-Pertua, pencapaian murid dalam matematik mengikut perbandingan pencapaian antara negara TIMSS 2007, secara keseluruhannya lima negara Asia iaitu China, Taipei, Korea, Singapura, Hong Kong dan Jepun merupakan negara yang teratas dalam carta pencapaian purata tertinggi matematik dan penaksiran TIMSS 2007 daripada 49 buah negara peserta.

Dalam kalangan negara Asia, Malaysia menduduki tempat keenam dan tempat kedua dalam kalangan negara Asean iaitu selepas Singapura. Skor purata pencapaian murid Malaysia juga adalah lebih baik berbanding 28 negara lain termasuk semua negara Asia Barat, negara-negara Afrika dan Amerika Selatan yang mengambil bahagian. Selain daripada itu, pencapaian Malaysia juga adalah lebih baik berbanding enam negara Eropah seperti *Norway, Bulgaria, Ukraine, Romania, Bosnia Herzegovina, dan Georgia*.

Tuan Yang di-Pertua, pencapaian murid dalam sains dan mengikut perbandingan pencapaian antara negara dalam TIMSS 2007 daripada 49 buah negara seperti Singapura, China, Taipei, Jepun, Korea, *England, Hungary*, Republik *Czech*, Slovenia, Hong Kong dan Rusia merupakan sepuluh buah negara teratas dalam penaksiran tersebut. Malaysia menduduki tempat ke-21. Dalam kalangan negara ASEAN, Malaysia menduduki tempat kedua manakala kedudukannya ialah ketujuh dalam negara Asia.

Walaupun keputusan terkini TIMSS dan PISA, *Program for International Student Assessment* telah mencetuskan kebimbangan. Namun terdapat banyak bukti kecemerlangan murid dan sekolah di seluruh negara yang telah mencapai standard antarabangsa berdasarkan ukuran dalam bidang akademik dan bukan akademik Kementerian Pendidikan telah mengiktiraf 66 buah sekolah di bawah program Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT). Sekolah berkenaan merupakan yang terbaik kerana memiliki ciri-ciri yang unik, menghasilkan kecemerlangan akademik dan bukan akademik murid secara tekal dan keperibadian...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Dr. Lucas bin Umbul:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, waktu kita sekarang tepat pukul 1 tengah hari. Mungkin Yang Berhormat boleh sambung sebelah petang ini ucapan sokongan Yang Berhormat ya.

**Dr. Lucas bin Umbul:** Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Dewan ini sekarang dan kita sambung balik sebelah petang jam 2.30 tengah hari.

**[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.]**

**[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat.]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita sambung perbincangan Titah Diraja kita. Saya mempersilakan Yang Berhormat Dr. Lucas sambung ucapan. Silakan.

### 2.32 ptg.

**Dr. Lucas bin Umbul:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sistem pendidikan negara kita di Malaysia ini telah juga berjaya mewujudkan sekolah daerah dan negeri yang menunjukkan peningkatan di luar jangkaan yang membanggakan. Misalnya, sejak lima tahun yang lepas negeri Johor merupakan sebuah negeri yang berada pada kedudukan lima terbawah berdasarkan prestasi murid di dalam UPSR.

Akan tetapi, setelah negeri Johor melaksanakan program peningkatan kemajuan sekolah secara menyeluruh dan berjaya meningkatkan pencapaian dan hanya dalam tempoh lima tahun, Johor kini berada di dalam kelompok tiga teratas. Ini diukur berdasarkan pencapaian murid. Tuan Yang di-Pertua, sekolah yang berada di kawasan pedalaman juga menunjukkan peningkatan yang baik. Contohnya, Sekolah Kebangsaan Ulu Lubai dan Sekolah Kebangsaan Ba'kelalan dalam negeri Sarawak.

Kedua-dua sekolah ini berjaya merangkul anugerah amalan terbaik peringkat Komanwel pada tahun 2009 kerana sekolah-sekolah ini berjaya melaksanakan perubahan yang mengagumkan. Kejayaan ini menunjukkan wujudnya peluang yang boleh dipelajari dan meningkatkan lagi amalan terbaik untuk diamalkan dalam sistem pendidikan secara keseluruhan. Tuan Yang di-Pertua, sistem pendidikan negara perlu ditransformasikan secara menyeluruh untuk memenuhi hasrat dan aspirasi rakyat Malaysia yang bersedia menghadapi cabaran abad ke-21.

Transformasi ini merupakan tanggungjawab yang sukar dicapai tanpa kerjasama dan sokongan padu semua pihak berkepentingan. Kementerian Pendidikan perlu merancang dengan teliti supaya langkah yang diambil tidak terlalu membebankan dengan penambahbaikan yang berterusan. Transformasi ini untuk jangka masa 13 tahun dan fokus awal ialah menangani kelemahan di dalam sistem sedia ada dan menyediakan asas sistem pendidikan baru secara radikal. Gelombang transformasi seterusnya akan membantu memacu penambahbaikan ke arah mendorong inovasi berterusan untuk melahirkan generasi muda yang cemerlang pada peringkat antarabangsa dan berupaya menghadapi cabaran.

Tuan Yang di-Pertua, sistem penyampaian pendidikan Malaysia mempunyai jaringan yang sangat luas dan sistem ini dikendalikan oleh hampir 6,800 orang pegawai dan staf sokongan di peringkat Kementerian Pendidikan, 6,400 orang di peringkat daerah. Jumlah ini sebagai tambahan pada kira-kira 420,000 orang, pengetua, guru besar dan guru di sekolah dan lebih daripada 13,100 orang pegawai dan staf sokongan yang terdapat di Institut Pendidikan Guru Malaysia, Institut Aminuddin Baki dan kolej matrikulasi.

Melaksanakan dasar yang merentas seluruh rangkaian sebesar ini adalah sangat kompleks dan isu yang dikenal pasti termasuk pertindihan tanggungjawab di peringkat kementerian, di peringkat negeri dan di peringkat daerah. Jadi, kekurangan penyelarasan di peringkat bahagian, pentadbiran dan kadangkala dilaksanakan berasaskan maklumat yang tidak kekal atau kurang sokongan serta pemantauan dan tindakan susulan berasaskan hasil yang lemah akan menyebabkan kecelaruan dalam sistem ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita sedia maklum, Kementerian Pendidikan telah memberikan tanggungjawab besar kepada Pejabat Pelajaran Daerah di seluruh negara. PPD ini merupakan agensi utama dalam rantai penyampaian pendidikan di seluruh negara. Sejak sekian lama, Pejabat Pelajaran Daerah atau PPD dianggap sebagai agensi penghubung peringkat kementerian dan negeri. Disebabkan keperluan sekolah semakin meningkat, maka skop aktiviti yang dilaksanakan di peringkat PPD juga semakin meningkat.

Sebagai entiti Kementerian Pendidikan yang paling hampir dengan sekolah, PPD diharapkan dapat melaksanakan peranan dengan lebih praktikal, menyediakan sokongan secara terus dan bertindak secara proaktif dalam menguruskan prestasi sekolah bagi memastikan keberhasilan murid dapat dipertingkatkan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia supaya mempercepatkan proses penstrukturan dan menaikkan gred jawatan bagi pegawai yang terdapat di Pejabat Pelajaran Daerah atau PPD sebagai laluan kerjaya dengan izin, *fast track*. Pegawai Pelajaran Daerah dinaikkan gred kepada DG54 dan seterusnya menaikkan semua gred pegawai DG41 ke DG44, DG44 ke DG48 dan DG48 ke DG52 bagi mentransformasikan kehilangan upaya dan kapasiti penyampaian Kementerian Pendidikan Malaysia.



Semua pegawai yang ditempatkan di Pejabat Pelajaran Daerah adalah dari kalangan guru-guru sekolah yang berpengalaman dan akan terdapat kelompangan dalam sistem di peringkat sekolah apabila jawatan di sekolah tidak diisi dengan segera.

■1440

Kementerian Pendidikan harus mempercepat pengisian jawatan guru yang dikosongkan untuk mengelak daripada kelemahan dalam pengurusan sekolah dan menggagalkan proses pengajaran dan pembelajaran.

Tuan Yang di-Pertua, dalam merapatkan jurang perbezaan murid bandar dan luar bandar, saya secara peribadi mohon mencadangkan agar situasi ini diperluaskan di negeri Sabah di mana sekolah luar-luar bandar di negeri Sabah memerlukan jalinan jalan raya yang lebih baik untuk membolehkan pelajar hadir ke sekolah dengan lebih selesa. Justeru dicadangkan agar jalan ke sekolah-sekolah di pedalaman Sabah dinaiktarafkan bagi keselesaan kehadiran murid ke sekolah. Jalan-jalan ke sekolah luar bandar seperti Sekolah Kebangsaan Saliku dalam kawasan Parlimen Pensiangan dan jalan ke Sekolah Kebangsaan Korolok dalam kawasan Parlimen P.181 Tenom dalam negeri Sabah amat daif dan memerlukan perhatian yang sewajarnya dari kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam anjakan ketujuh Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia menggariskan bahawa 10,000 buah sekolah akan menikmati capaian internet 1BestariNet. Walaupun pada ketika ini sekolah telah dilengkapi dengan capaian internet tersebut, namun masih ada kekangan dalam memenuhi pelaksanaan Sistem Salah laku Disiplin Murid (SSDM), Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS), e-Hadir untuk guru-guru, e-PANGKAT, HRMIS, EMiS kerana capaian talian sangat tidak memuaskan. Justeru saya mohon mencadangkan agar sekolah-sekolah luar bandar diberi keutamaan dalam penaiktarafan sistem capaian talian lebih mudah agar dapat memanfaatkan ICT bagi meningkatkan kualiti pembelajaran dan membantu dalam pengisian markah atas talian.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mahukan supaya pemimpin negara ini bersama-sama memikul amanah rakyat yang inginkan kestabilan dan kemakmuran negara berkekalan, kesejahteraan hidup terus meningkat serta perpaduan masyarakat pelbagai kaum dan agama kian utuh. Saya amat menyokong penuh dengan pendirian Ahli-ahli Dewan Rakyat dan daripada parti Kerajaan Barisan Nasional dan juga daripada parti pembangkang yang begitu bersatu hati sepakat menggesa tindakan tegas diambil terhadap pasangan Vivian dan Alvin yang mempersendakan saudara-saudara kita dari umat Islam dan bulan Ramadhan di laman sosial *Facebook* baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kestabilan dan kemakmuran negara perlu dikekalkan. Saya amat menyokong saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak yang mahukan supaya rakyat Malaysia mengambil iktibar dan pengajaran daripada pergolakan politik yang berlaku di luar negara seperti di Mesir. Tegas Perdana Menteri bahawa ini menunjukkan bahawa perubahan yang ingin dituntut tidak semestinya menjamin kemakmuran dan kesejahteraan. Tambah beliau perubahan politik yang tidak diurus dengan baik boleh mengakibatkan penderitaan kepada rakyat dan merosakkan negara sendiri seperti yang berlaku di negara luar ini, apabila terjadinya kenaikan harga barangan, peningkatan pengangguran dan pelancongan menjadi lumpuh.

Akhirnya ia membawa kepada rakyat sendiri yang menuntut kepada perubahan sekali lagi yang mana perubahan itu tidak dapat memenuhi kehendak dan apa yang diharapkan. Kesan daripada ketidakstabilan ini, menyebabkan Mesir terjerumus dalam ketidakstabilan politik dan digugat oleh siri tunjuk perasaan yang dianjurkan oleh kumpulan-kumpulan politik. Dengan itu saya amat menyokong saranan dan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, agar kita rakyat Malaysia menumpahkan taat setia yang tiak berbelah bahagi kepada negara serta sentiasa memelihara, melindungi dan mempertahankan Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Baginda yang mahukan rakyat menyokong industri pelancongan terutama Tahun Melawat Malaysia 2014, dengan memupuk budaya dan amalan positif yang dapat memikat hati pelancong. Kita amat berbangga kerana Malaysia ini diiktiraf oleh dunia sebagai satu destinasi tempat pelancongan yang terbaik di dunia. Manakala Kuala Lumpur merupakan tempat destinasi keempat bagi pusat membeli-belah.

Program Inap Desa telah menerima anugerah pertama oleh Pertubuhan Pelancongan Sedunia seperti mana yang dilaporkan oleh *CNN Travel 2012*. Semua ini mempunyai impak positif terhadap industri pelancongan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang kita sedia maklum, pelancongan merupakan salah satu industri di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) sebagai pemacu utama dalam sektor perkhidmatan dan penyumbang ketujuh terbesar pada ekonomi Malaysia dengan jumlah pendapatan kasar (PNK) sebanyak RM37.4 bilion pada tahun 2011 mengikut laporan tahunan Program Transformasi Ekonomi 2011.

Pada awal tahun 2000, pelancongan pendidikan menjadi salah satu produk baru yang berpotensi tinggi kepada industri pelancongan dan kajian ini bertujuan melihat peranan pelancongan pendidikan ke atas pendapatan negara. Satu model persamaan serentak telah dibangunkan dan berdasarkan data dari tahun 1997 hingga 2011, keputusan kajian ini mendapati faktor pelancongan pendidikan adalah lebih anjal berbanding dengan pelancongan kesihatan ke atas sektor pelancongan. Peningkatan 1 peratus pelancongan pendidikan, akan meningkatkan sektor pelancongan sebanyak 0.334 peratus dan secara tidak langsung meningkatkan sektor perkhidmatan sebanyak 0.069 peratus serta KNK sebanyak 0.025 peratus.

Hasil kajian juga mendapati sektor perkhidmatan dan pelancongan didapati masih berada pada tahap yang sederhana dalam memainkan peranan terhadap KNK. Walau bagaimanapun, terdapat ruang untuk menambah baik pasaran pelancongan melalui transformasi kepada subsektor pelancongan pendidikan. Oleh itu Malaysia perlu mengambil kira faktor tolakan dan tarikan dalam menambah baik perancangan pembangunan sistem pendidikan tinggi dan pembentukan promisi yang berbeza berdasarkan kehendak dan faktor yang lebih dominan.

#### ■ 1450

Tuan Yang di-Pertua, negara kita Malaysia mencatat rekod peningkatan kedatangan pelancong sebanyak 1.2 peratus dengan jumlah sebanyak 9,438,592 orang bagi lima bulan pertama pada tahun 2012. Negara-negara ASEAN masih menjadi penyumbang tertinggi kepada kedatangan pelancongan ke Malaysia iaitu 73.4 peratus daripada jumlah keseluruhan kedatangan pelancong negara-negara tersebut ialah Indonesia, Filipina, Vietnam, Myanmar, Laos dan selain itu negara-negara lain yang termasuk dalam peningkatan yang hadir melancong di negara kita ialah Saudi Arabia, China, Jepun, Rusia, Kazakhstan, Denmark dan India.

Jumlah pendapatan yang didapati daripada pelancongan dari bulan Januari hingga bulan Mei 2012 meningkat sebanyak 1.9 peratus iaitu menjana sebanyak RM21.8 bilion. Jadi ini menunjukkan bahawa kita di Kementerian Pelancongan akan di harap dapat menaik taraf beberapa tempat yang disukai oleh pelancong-pelancong dari luar negara dari segi kemudahannya. Selaras dengan pelan transformasi pelancongan Malaysia 2020 iaitu mencapai sebanyak 36 juta orang pelancong dengan jumlah pendapatan sebanyak RM168 bilion menjelang tahun 2020 adalah penting bagi Malaysia untuk menjadi lebih fokus kepada mengekal kadar peningkatan hasil seorang pelancong berbanding hanya lebih mementingkan kepada kadar peningkatan kedatangan pelancong.

Bagi menarik lebih ramai segmen pelancongan berpendapatan tinggi kita mestilah meningkatkan jaringan hubungan kepada pasaran-pasaran utama dan sebagai permulaan *Tourism Malaysia* telah berusaha ke arah meningkatkan frekuensi penerbangan kepada enam buah negara utama iaitu China, India, Jepun, Korea Selatan, Australia dan Taiwan. Selain membangunkan rangka-rangka kerja bagi peruntukan hak penerbangan untuk melicinkan kemudahan laluan-laluan utama dan ini yang amat di titip beratkan oleh kerajaan dan mudah-mudahan kementerian pelancongan bersama dengan kementerian pengangkutan akan mengambil usaha yang murni ini.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu daripada program yang dikenal pasti oleh pihak Kementerian Pelancongan bagi membangunkan pelancongan luar bandar ialah dikenali sebagai Inap Desa dengan izin, *Homestay program* dan program ini di seluruh negara mencatat sebanyak 38.4 peratus bagi kadar penginapan berbanding 24.9 peratus pada masa yang sama tahun lepas. Jumlah pendapatan daripada program *Homestay* ini bagi lima bulan pertama tahun 2012 ialah RM7,376,46.50 peningkatan kepada 53.1 peratus berbanding pada bulan Januari hingga Mei tahun 2011 iaitu sebanyak RM4,817,158.30.

Program pelancongan *Homestay* ini telah menggalakkan komuniti tempatan kita di seluruh negara menjadi sebahagian daripada pelancongan luar bandar dan pada masa yang sama mengekalkan tradisi dan identiti mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai salah satu bidang ekonomi negara industri pelancongan telah menjadi satu penyumbang utama kepada pendapatan negara kasar, kadar tukaran wang asing dan peluang pekerjaan. Pada tahun 2011 misalnya, sektor pelancongan menjadi penyumbang terbesar dengan berada di tangga ketujuh dengan nilai JNI sebanyak USD12.3 bilion dan berada di tingkat ketiga dalam kadar tukaran wang asing selepas perkilangan dan minyak sawit.

Pada tahun 2010 industri pelancongan Malaysia turut menyediakan sebanyak 1.8 juta peluang pekerjaan iaitu bersamaan dengan 15.9 peratus. perkongsian antara peluang pekerjaan dalam industri pelancongan dengan jumlah pekerjaan keseluruhannya. Dalam 12 projek permulaan di bawah NKEA, pelancongan barangan beli-belah bebas cukai, pelancongan mewah menjadikan KLCC, Bukit Bintang sebagai kawasan membeli belah yang dinamik menambah baik pelancongan perniagaan serta peningkatan penawaran bilik hotel bertaraf empat dan lima bintang dan sebagainya.

Peratusan belah-belah oleh pelancong dari bulan Januari hingga Mei 2012 ialah sebanyak 32.3 peratus bersamaan RM7.4 bilion daripada jumlah pendapatan keseluruhan. Ini menunjukkan peningkatan berbanding sebanyak 30 peratus tahun lepas, laluan pejalan kaki tertutup yang menghubungkan Bukit Bintang dan KLCC yang siap sepenuhnya pada tahun ini telah memperlihatkan impak positif dalam hal ini. Bagi menarik minat pelancong pendapatan tinggi, kita memerlukan hotel bertaraf empat dan lima bintang yang berkualiti. Kini terdapat sebanyak 59,804 buah bilik di hotel dan empat dan lima bintang yang ada di Malaysia menjelang 2020 sebanyak 37 ribu buah bilik tambahan hotel empat dan lima bintang diperlukan.

Kementerian Pelancongan menyasarkan meningkatkan sebanyak tiga ribu buah bilik di hotel bertaraf empat dan lima bintang di Malaysia menjelang akhir tahun 2012. Kini sebanyak 71 ribu daripada sasaran tersebut telah dicapai dengan 2123 bilik telah siap sepenuhnya. Dasar-dasar liberalisasi kerajaan dan juga cukai insentif yang lumayan telah menyebabkan pelaburan domestik dan asing ke atas aset hospitaliti di seluruh Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia telah menjadi destinasi bertaraf dunia bagi mesyuarat *insentive convention* dan pameran, *Biro Convention* dan Pameran Malaysia turut berjaya menganjurkan 33 acara-acara utama sepanjang bulan Januari hingga Mei 2012 dan menarik seramai 57,77 orang delegasi yang telah memberi impak ekonomi berjumlah RM499.9 juta dengan izin, *The International Congress and Convention Association Ranking 2011* telah mengenal pasti Kuala Lumpur berada di kedudukan ke-21 di dunia dan di tangga kelima di Asia Pasifik...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, panjang lagikah?

**Dr. Lucas bin Umbul:** Ada sedikit lagi Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, untuk meningkatkan industri pelancongan sebagai pelbagai usaha dijalankan bagi meningkatkan taraf produk pelancongan sedia ada dan membangunkan produk baru kreativiti serta berinovasi. Ini termasuklah dengan izin, *1Malaysia International Shoes Festival 2012*, *1Malaysia International Tourism Exchange 2012*, *1Malaysia Contemporary Art Tourism 2012* dan yang terbaru *1Malaysia International Tourism Night Floral Parade 2012*.

Penjenamaan *Malaysia Truly Asia* oleh Kementerian Pelancongan Malaysia telah dikenali seluruh dunia dengan izin, *United Nations World Tourism Organization* melaporkan bahawa Malaysia berada di tangga kesembilan sebagai destinasi paling ramai dikunjungi di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam memajukan sektor pelancongan di negara kita Malaysia, kita mohon kepada kementerian pelancongan Malaysia membantu pengusaha-pengusaha pelancongan di seluruh negara dalam bentuk subsidi atau pun pinjaman kewangan bank dengan kadar faedah yang rendah bagi menyediakan kemudahan yang lebih selesa kepada para pelancong. Sehubungan dengan itu saya juga mohon kepada kementerian pelancongan agar mengambil kira keperluan meningkatkan kemudahan-kemudahan di pusat kebudayaan Murut-Tenom dalam Parlimen P.181 Tenom dalam negeri Sabah agar menjadikan pusat ini satu tarikan pusat pelancong di negara Malaysia.

■1500

Kawasan pusat kebudayaan Murut ini ialah lokasinya tidak jelas dan tidak dapat dilihat oleh pelancong yang datang dari luar negara disebabkan oleh tanaman sawit yang menutupi kawasan di hadapan rumah pusat kebudayaan ini.

Oleh itu, saya ingin mencadangkan agar Kementerian Pelancongan membantu dalam *land acquisition* berjumlah 25 ekar daripada milik Sime Darby diberi percuma kepada Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah sebagai salah satu tanggungjawab *corporate social responsibility* syarikat gergasi besar ini bagi membantu sektor pelancongan di daerah-daerah pedalaman di negeri Sabah. Kawasan pusat kebudayaan ini diperlukan untuk *clearance* bagi menambah kemudahan pusat kebudayaan Murut-Tenom, Sabah dan penyediaan tapak meletak kereta kepada para pengunjung pusat kebudayaan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong juga bertitah bahawa dasar komoditi negara telah digubal bagi mentransformasikan dan memperkukuhkan sektor perladangan dan komoditi sebagai salah satu tunjang utama ekonomi negara. Sebagai makluman Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, krisis ekonomi Amerika yang merudum menyebabkan ekonomi China terpaksa mengalami tekanan dan memperlahankan pengeluaran mereka. Kesannya akan mengakibatkan negara-negara jiran di Asia. Meskipun di negara kita Malaysia ini pada dasarnya tidak membimbangkan daripada segi ekonomi...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada lima minit ya?

**Dr. Lucas bin Umbul:** Ya. Namun, kesannya dapat dirasai dengan merudum harga komoditi sawit dan getah. Justeru, saya memohon mencadangkan kepada Kementerian Perladangan dan Komoditi menubuhkan dana perlindungan atau *shading fund* bagi mengatasi masalah pekebun-pekebun kecil ini. Seperti yang kita maklum, kerajaan mengutip berbilion ringgit cukai. Ketika pekebun-pekebun kecil kita ini berhadapan dengan masalah komoditi ini, maka adalah wajar sebagai kerajaan yang prihatin dan mendahulukan rakyatnya, memberikan bantuan kepada mereka dalam meringankan beban kepada golongan-golongan yang terlibat ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya teruja dengan Titah Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong yang telah mendampingi semua topik dan isu yang penting kepada segenap masyarakat Malaysia. Titah Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong juga adalah sangat menyeluruh, padat, mampat dan menarik. Saya yakin Titah Baginda ini akan menjadi inspirasi untuk semua dalam Dewan yang mulia ini bertungkus-lumus menjayakan program transformasi kerajaan dan menjadi batu loncatan ke arah anjakan paradigma ke sebuah negara berpendapatan dan berpengetahuan tinggi menjelang tahun 2020.

Akhir kata, saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat menunaikan ibadah puasa kepada rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat yang beragama Islam. Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih di atas saranan. Inilah menunjukkan bahawa Yang Berhormat bukan beragama Islam tetapi mengamalkan satu pemahaman yang menghormati agama Islam. Terima kasih [*Tepuk*] Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali.

**Dr. Syed Husin Ali:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Tunggu sekejap Yang Berhormat.

**Dr. Syed Husin Ali:** Yang Berhormat...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tunggu sekejap Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, duduk sekejap Yang Berhormat. Masalah di hadapan Majlis ialah satu usul yang berbunyi,

"Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatunya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Pertama, Parlimen Yang Ketiga Belas dikemukakan kepada Majlis sekarang dan terbuka untuk dibahaskan”.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang saya silakan Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali.

**3.04 ptg.**

**Dr. Syed Husin Ali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk menyertai perbahasan Titah Ucapan Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Agong. Sebagai sebuah negara yang sedang membangun, kita selalu menyebut tentang perlunya pembangunan dan pembangunan ini biasanya dikaitkan dengan soal ekonomi. Akan tetapi sebenarnya bukan ekonomi sahaja bidang yang melibatkan pembangunan, bahkan secara keseluruhan, secara holistik, ia melibatkan pelbagai bidang termasuklah politik, sosial, pelajaran dan sebagainya. Apa yang hendak dicapai ialah pembangunan negara dan kemajuan rakyat tetapi soal yang selalu timbul tentang pembangunan dan kemajuan ini ialah pembangunan dan kemajuan untuk apa dan untuk siapa.

Kalau misalnya, dikatakan pembangunan itu untuk hanya menaikkan pendapatan dan ini disentuh oleh Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Agong, maka ada dua aspek yang penting. Satu ialah sekiranya pendapatan meningkat, adakah ia lebih cepat daripada kenaikan harga barang? Bererti secara perbandingan, bagaimanakah *purchasing power* ataupun kuasa membeli bagi pendapatan yang meningkat itu? Keduanya, kalau pendapatan naik dikira daripada per kapita bagi seluruh negara, bagaimanakah pula dengan aspek pembahagian kekayaan daripada jumlah pendapatan keseluruhan negara itu. Kedua-dua soalan ini perlukan jawapan.

Tentang untuk siapa pula, memang sudah jelaslah bahawa pembangunan dan kemajuan seharusnya ditumpukan terutama sekali bagi golongan yang berpendapatan rendah, yang miskin dan yang terpinggir. Bukan hanya untuk lebih banyak memberikan keuntungan bagi golongan yang sudah mempunyai keistimewaan daripada segi ekonomi. Dalam negara ini, daripada angka yang dikemukakan oleh pemerintah, kita dapati bahawa kira-kira 53 peratus warganegara ini mempunyai pendapatan kurang daripada RM3,000. Kebanyakan mereka ini pula, lebih daripada 2/3 adalah terdiri daripada orang Melayu.

Jadi dengan sendirinya, apabila kita menumpukan sasaran kepada golongan yang berpendapatan rendah, kita ia akan membela juga golongan Melayu dan Bumiputera. Makin rendah pendapatannya, makin ramai bilangan Melayu dan Bumiputera itu.

■1510

Berhubung dengan soal ini, iaitu soal jurang pendapatan dikaitkan juga dengan soal kemiskinan. Kita dapati bahawa memang benar kadar kemiskinan telah berkurangan sejak merdeka dan sekarang ini dikatakan kadar kemiskinannya ialah dalam kira-kira 2 peratus hingga 3 peratus pada seluruh negara. Akan tetapi sebenarnya, kita jangan tersilap dengan angka ini sebab angka biasanya tidak memberikan gambaran yang sebenar. Angka 2 peratus hingga 3 peratus yang miskin itu adalah didasarkan kepada garis kemiskinan keseluruhan misalnya bagi Semenanjung sebanyak RM763. Pendapatan yang merupakan garis kemiskinan sebanyak RM763 ini bagi saya adalah terlalu rendah kerana ia tidak mencukupi bagi satu-satu keluarga, empat atau lima orang; bahkan kadang-kadang RM1,000 atau RM1,500 pun tidak mencukupi untuk menanggung satu-satu keluarga itu. Kita lihat bahawa angka ini tidak realistik bila kita ambil misalnya keadaan di Selangor.

Di Selangor kalau diambil garis kemiskinan RM763 itu, kita dapati hanya 0.7 peratus penduduk yang terletak di bawah garis kemiskinan. Akan tetapi kalau dinaikkan garis itu kepada RM1,500, maka didapati 30 peratus adalah di bawah garis kemiskinan. Saya kira perlu dikaji tentang asas-asas bagi menentukan garis kemiskinan ini. Saya percaya ia harus ditingkatkan. Akan tetapi kepercayaan itu sahaja tidak cukup, bahkan kajian harus dilakukan. Saya ingin melihat kajian itu akan memberikan hasil garis kemiskinan yang lebih tinggi daripada sekarang dan dengan demikian, lebih ramai anggota masyarakat yang di bawah garis kemiskinan atau dikatakan miskin itu. Ini bukan semata-mata untuk menunjukkan sebenarnya dalam negara ini banyak orang miskin, tidak. Bukan kerana itu.

Tujuannya ialah untuk melebarkan *base*, untuk meramaikan lagi mereka yang dianggap di bawah garis kemiskinan yang harus menjadi sasaran bantuan pemerintah. Seperti yang selalu saya ulang, dan saya ulang lagi sekali di sini, kebanyakan mereka yang miskin itu adalah orang Melayu dan Bumiputera. Jadi, tidak ada ruginya kalau dinaikkan garis kemiskinan itu untuk menunjukkan ramai orang yang miskin.

Sekarang saya ingin berpindah dari bidang ekonomi ini kepada soal tanah. Di Sarawak dan Sabah misalnya, satu masalah besar tentang tanah ialah tanah adat ataupun tanah NCR. Tanah adat ini dianggap oleh orang-orang peribumi sebagai milik mereka turun-temurun. Akan tetapi sebaliknya, pemerintah pula menganggap ini adalah tanah kerajaan. Tanah adat ini kadang-kadang dicerobohi oleh syarikat-syarikat untuk pembalakan, perladangan ataupun membina jana kuasa.

Selain daripada itu, kerajaan pula, yang menganggap tanah itu milik mereka, memberikan milik tanah kepada syarikat-syarikat tertentu untuk membangunkannya. Apa yang berlaku ialah bahawa terdapat persengketaan atau pertikaian di antara kerajaan dengan rakyat atau rakyat dengan syarikat berkaitan dengan milik tanah ini. Oleh kerana itu, kita dapati bahawa bila masuk syarikat-syarikat, orang asal yang menganggap tanah itu tanah mereka mempertahankannya sehingga bermati-matian. Pihak syarikat pula mengatakan itu hak dia kerana telah diberikan oleh kerajaan. Pertikaian berlaku oleh kerana tidak adanya dokumen yang jelas tentang hak milik ataupun *title* tanah.

Nampaknya masalah ini telah disedari oleh perintah kerana pada tahun 2010, Perdana Menteri sendiri telah mengumumkan bahawa akan dijalankan usaha menyukat tanah dan akhirnya menggazet pemilikan tanah di Sarawak terutama sekali. Sebanyak RM60 juta tahun ini dan RM30 juta tahun depan telah diperuntukkan. Akan tetapi, penyukatan tanah ini melibatkan bukan sahaja untuk mengasingkan di antara tanah kepunyaan orang asal dengan yang dipunyai oleh yang lain, tetapi juga menentukan milik tanah bagi tiap-tiap individu. Proses ini mengambil masa yang lama. Sementara menunggu proses itu berlaku, pertikaian terus berlaku. Pertikaian bukan sahaja dengan mempertahankan dengan darah tetapi juga melalui undang-undang melalui mahkamah. Sekarang ini ada sebanyak 200 kes yang melibatkan pertikaian di mahkamah ini. Kita dapati juga bahawa dalam pertikaian itu, kemenangan telah dicapai oleh kedua-dua pihak.

Terdapat banyak juga kemenangan yang telah dicapai oleh orang asal. Baru-baru ini misalnya dalam kes mahkamah, sebuah syarikat kalah dalam kes tuntutan oleh orang asal. Oleh kerana itu, ladang kelapa sawit yang telah dibuka syarikat itu seluas 5,500 hektar terpaksa dipulangkan kerana ia diakui sebagai tanah kepunyaan atau hak adat orang-orang asal itu. Saya menyatakan ini untuk menegaskan betapa pentingnya soal adanya hak milik dan penentuan hak milik itu bukan sahaja melalui sukatan bahkan harus juga, oleh kerana ia melibatkan adat dan pemerintahan, dirundingkan supaya disetujui oleh kedua-dua pihak.

Masalah pemilikan tanah ini juga kita dapati di kalangan Orang Asli di Semenanjung. Orang Asli di Semenanjung ini adalah yang paling mundur dan paling tertinggal dari segi ekonomi dan sosial. Kadar kemiskinan mereka tinggi, kadar kematian tinggi dan kesihatan kurang baik. Penyakit malaria dan penyakit kulit sangat meluas.

Selain daripada masalah-masalah itu, mereka juga menghadapi masalah milik tanah. Tanah mereka yang mereka katakan tanah adat nenggirik adalah dianggap oleh mereka hak mereka. Tanah mereka juga ada yang diceroboh oleh pihak-pihak pemaju, syarikat-syarikat dan sebagainya. Ada tawaran misalnya orang-orang asal ini harus diberikan hak milik persendirian iaitu seluas dua hingga enam ekar. Akan tetapi, mereka mengatakan ini akan menimbulkan kerugian bukan sahaja bagi diri mereka kerana tanah itu agak kecil bidangnya.

Selain itu akan mengakibatkan banyaknya dan luasnya kawasan tanah milik adat yang akan pergi kepada pihak-pihak lain. Salah satu daripada pihaknya ialah misalnya kepada FELDA dan FELCRA.

Di sini kita dapati bahawa pengalaman mereka ialah apabila tanah itu dijadikan sebagai tanah pembangunan, mereka sendiri yang kononnya diberi milik kecil itu mendapati tanah itu diswastakan dan akhirnya mereka kompelin dan mendakwa bahawa mereka hanya menerima antara RM200 hingga RM300 sahaja bayaran pada tiap-tiap bulan. Ini tidak membantu untuk membangunkan mereka.

#### ■1520

Mereka lebih suka bukannya milik persendirian seperti itu bahkan mereka katakan adalah lebih baik jikalau misalnya diberikan *title* berdasarkan *community title*, bukannya *individual title*. *Community title* bagi mereka dengan izin adalah lebih sesuai dengan cara hidup mereka dengan sistem pengeluaran mereka dan sebagainya. Jadi dalam soal penyukatan tanah dan pemberian hak milik ini, sekali lagi saya kira harus ada rundingan dan persefahaman di antara rakyat yang terlibat itu dengan kerajaan ataupun syarikat supaya ia tidak mengakibatkan kerugian yang besar.

Sekarang izinkan saya Tuan Yang di-Pertua untuk menyatakan sedikit apa yang berlaku di Malaysia ini, bukan di kawasan tanah asal iaitu di Petaling Jaya. Soal tanah di Petaling Jaya ini asalnya adalah soal *federal* dan bukan soal *state* sahaja. Bahkan oleh kerana banyak tanah bagi Petaling Jaya ini...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada seseorang bangun Yang Berhormat.

**Dato' Muhammad Olian bin Abdullah:** Yang Berhormat mohon mencelah.

**Dr. Syed Husin Ali:** Ya.

**Dato' Muhammad Olian bin Abdullah:** Boleh?

**Dr. Syed Husin Ali:** Ya, sila, sila.

**Dato' Muhammad Olian bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ini dilantik selaku mewakili masyarakat Orang Asli di dalam Dewan yang mulia ini. Saya berterima kasih banyak kepada Yang Berhormat kerana dikatakan bahawa banyak tanah Orang Asli yang telah diambil oleh kerajaan.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, bagaimanakah keadaan yang berlaku di negeri Selangor dan juga di negeri Kelantan? Saya tahu bahawa di negeri Kelantan tidak ada satu ekar pun tanah yang diwartakan oleh Kerajaan Negeri Kelantan untuk dimiliki oleh Orang Asli. Terima kasih... [Tepuk]

**Dr. Syed Husin Ali:** Terima kasih. Sebenarnya ada dua perkara. Pertama saya akan bercakap tentang Selangor dan Kelantan. Barangkali orang Kelantan nanti boleh - warga-warga Kelantan boleh menjelaskan.

Di Selangor misalnya yang pertama ialah bahawa banyak tanah telah diambil sebelum ini, sebelum pemerintahan sekarang untuk pembangunan seperti misalnya buat *Airport* KLIA dan sebagainya dan mereka tidak mendapat pampasan yang memuaskan. Keduaanya, ada kes-kes melibatkan pertikaian milik tanah di Selangor, yang sekarang ini telah ditarik balik walaupun kes itu bermula dalam pemerintahan dulu, sekarang ini ditarik balik oleh kerana kalau diteruskan ia dipandang akan merugikan orang-orang asal.

Jadi kalau boleh saya teruskan. Saya bercakap tadi tentang Petaling jaya. Tentang Petaling Jaya ini, tanah di Petaling Jaya itu mulanya dimiliki oleh *Petaling Estate*. Pada tahun 1931 ada usaha dan cadangan untuk membuka tanah itu sebagai bandar yang baru. Maka ramai orang yang membeli tanah.

Sesetengah mereka membeli tanah dan membuat rumah. Paling banyak rumah didirikan antara tahun 1952 hingga tahun 1953. Pada tahun 1955, Petaling Jaya telah diisytiharkan sebagai sebuah bandar. Akan tetapi, malangnya apabila diisytiharkan sebagai bandar itu, apa yang diberi kepada pemilik-pemilik yang membeli tanah ialah nombor rumah, bukannya nombor lot tanah. Oleh kerana kalau hendak diberi milik lot tanah mesti disukat dahulu sebagaimana yang saya katakan di Sarawak tadi disukat dahulu, gazet, baru beri milik.

Kanun Tanah telah dimulakan pada tahun 1965. Sepatutnya sebelum tahun 1965 soal penyukatan dan penyerahan milik tanah dilakukan di bawah CAP 138 iaitu sebahagian daripada peraturan waktu itu. Akan tetapi pada tahun 1965 sampai, kerajaan Selangor pada waktu itu membuat keputusan tidak misalnya memberikan kelulusan tanah dan memberi milik mengikut CAP 65 tetapi mengikut Kanun Tanah pada tahun 1965.

Akibatnya ialah bila diberi tanah itu di bawah Kanun Tanah, ia tidak diberi dengan hak tetap atau milik tetap tetapi hanya diberi milik sementara. Diberi milik sementara bagi kawasan satu hingga kawasan empat dan kawasan lima hingga kawasan 16. Sehingga sekarang kita mewarisi keadaan di mana kawasan Petaling Jaya ramai sekali yang tidak mempunyai milik tanah yang tetap, bahkan milik tanah sementara sahaja. Apa yang mereka ada adalah nombor rumah bukan nombor lot tanah.

Hal ini menimbulkan satu masalah yang besar. Oleh kerana perkara ini agak sulit sikit, saya hendak minta kebenaran membacanya, *“Ada beberapa masalah yang timbul oleh kerana milik tanah yang tidak jelas di Petaling Jaya. Satu kes kompleks adalah berkaitan dengan pertikaian milik tanah di Seksyen 22. Kawasan ini berkaitan dengan sebuah kawasan lapang. Kawasan lapang ini sebenarnya telah ditentukan pada tahun 1931 bila Petaling Estet dijual.”*

Pada tahun 1993, sebahagian daripada tanah lapang ini yang dimiliki oleh kerajaan federal iaitu Lot PT9, PT10 dan PT11 telah diserahkan kepada sebuah syarikat bernama Tanda Baik Sdn. Bhd. Tanda Baik ini tutup dan kemudian disambung oleh syarikat Sri Aman Development Sdn. Bhd.

Saya hendak tekankan bahawa Lot 9, Lot 10, Lot 11 tadi adalah sebahagian daripada tanah lapang. Tanah lapang tidak boleh diberikan kepada syarikat ataupun orang perseorangan melainkan dibatalkan ataupun diadakan gazette yang membatalkan tanah itu sebagai tanah lapang. Akan tetapi tanah itu telah diberi sebelum adanya pun pembatalan tersebut.

Yang lebih jelas ialah pada tahun 1995 tanah lapang Lot 9, Lot 10, Lot 11 itu sebahagian daripadanya telah diserahkan kepada LRT. Jadi ini untuk kepentingan ramai, tidak jadi masalah. Ada juga bahagian dijadikan tempat pencawang transmisi elektrik. Ada sungai yang kecil, kolam, dan ada taman. Semuanya merupakan tanah lapang yang harus dipertahankan. Akan tetapi entah macam mana ia telah diberi kepada syarikat pemaju yang tertentu.

Ini menimbulkan pertikaian kerana pihak syarikat menyatakan mereka ada *title*, ada hak milik yang menunjukkan mereka memiliki Lot 9, Lot 10, Lot 11 itu. Akan tetapi sebenarnya milik ini tidak mungkin ada kerana tanah yang asal itu adalah tanah lapang dan sudah dibatalkan pemberian tanah itu kepada syarikat tersebut dan ini adalah dokumen-dokumennya dan juga sudah ada pula LRT dan sebagainya.

Lagi pula mengikut peraturan tidak ada rumah yang harus didirikan 50 meter berdekatan dengan sungai, kolam dan sebagainya. Akan tetapi di Lot 9 telah didirikan satu *flat* murah yang berdekatan dengan sungai, kolam dan pencawang elektrik itu. Di Lot 10 pula di sebelahnya didirikan sebuah kondominium yang terletak di atas *water catchment area*, dengan izin.

#### ■1530

Wujud pertentangan kerana itu dalam kawasan lapang tetapi kerana berdekatan dengan *water catchment*, sungai dan sebagainya. Itulah sebabnya sampai sekarang penduduk-penduduk di situ, di kedua-dua tempat itu tidak mendapat lagi CF mereka bagi rumahnya. Mungkin tidak akan dapat kerana memang ini didirikan atas dasar hak milik palsu yang telah digunakan oleh syarikat. Sekarang di Lot 11 pula hendak didirikan *townhouse*, meneruskan apa yang telah dilakukan kepada Lot 9 dan Lot 10. Pertikaian timbul antara syarikat dengan penduduk-penduduk yang berdekatan. Syarikat kata dia punya tanah, milik mereka walaupun dia tidak ada dokumennya sekarang dan syarikat pula tidak ada milik tanah yang tetap. Syarikat mengatakan penduduk di situ sudah mencero bohi tanah mereka. Penduduk pula mengatakan, *“Kami tidak mencero bohi kerana ini adalah kawasan yang tidak dimiliki oleh kamu sebagai syarikat.”*

Jadi, apa yang berlaku di Petaling Jaya ini kerana lamanya proses tidak mendaftar milik dan tidak mendapat pemilikan tetap telah menimbulkan konflik yang banyak.



Ini seharusnya menjadi pelajaran kepada tanah-tanah NCR di Sabah, Sarawak dan juga tanah Orang Asli di Semenanjung. Saya hanya mengemukakan isu ini untuk dijadikan teladan seperti itu.

Sekarang Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya berpindah kepada isu lain iaitu isu pendidikan. Dari segi pendidikan ada dua kerunsingan. Kerunsingan pertama ialah dianggap bahawa banyak sangat kecelaruan dalam sistem pendidikan sekarang ini. Keduanya ialah menurunnya mutu pendidikan bukan sahaja di sekolah tetapi di universiti. Saya akan menumpukan hanya beberapa aspek daripada pendidikan ini iaitu soal pendemokrasian pendidikan, pembaikan mutu bahasa, kedudukan Matematik dan Sains di kalangan murid-murid, pendidikan vokasional dan pengisian pendidikan melalui komputer.

Tentang pendemokrasian pendidikan, jikalau ada jurang sosioekonomi yang terlalu luas di antara yang kaya dengan yang miskin, yang di bandar dengan yang di luar bandar dan kawasan-kawasan pedalaman, maka selagi itu peluang atau akses untuk pergi ke sekolah yang baik kepada tingkat yang tinggi adalah susah bagi golongan yang miskin dan golongan di pedalaman. Ini sudah lama kita ketahui.

Apa yang saya hendak tekankan bahawa kalau kita ketahui ini maka satu cara yang harus dilakukan. Pertama, untuk merapatkan lagi jurang sosioekonomi itu. Keduanya ialah dengan lebih banyak mendirikan pusat-pusat pendidikan yang bermutu di kawasan-kawasan orang miskin dan pedalaman. Sekiranya ini tidak dapat dilakukan kerana misalnya keadaan kedudukan geografi maka haruslah dibanyakkan asrama-asrama. Terutama sekali berdekatan dengan sekolah yang baik, yang boleh mengambil dan menempatkan pelajar-pelajar yang baik, murid-murid yang baik daripada kawasan-kawasan pedalaman dan daripada golongan miskin itu. Hanya dengan itu akan berlaku akses pendidikan bagi golongan yang jauh dan yang miskin ini.

Tentang kedudukan bahasa...

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Boleh?

**Dr. Syed Husin Ali:** Silakan.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Terima kasih kerana beri peluang sebelum Yang Berhormat pindah kepada topik lain, mengenai pendidikan tadi. Saya tertarik juga pandangan Yang Berhormat tentang pendidikan pelbagai aliran di negara ini. Tidakkah perkara ini Yang Berhormat rasa patut juga mendapat perhatian. Tadi Yang Berhormat hanya menyebut tentang jurang pendidikan antara bandar dengan luar bandar, antara kawasan yang tinggi sosioekonominya dengan tidak. Bagaimana pula dengan jurang pendidikan yang bersumber daripada satu polisi lain? Terima kasih.

**Dr. Syed Husin Ali:** Terima kasih yang bertanya dan Tuan Yang di-Pertua. Perkara ini akan saya sentuh apabila saya bincangkan nanti tentang soal perpaduan kaum sebab ia lebih dekat dengan soal itu. Apa yang saya hendak sambungkan tadi ialah bahawa bila misalnya tidak diadakan sekolah-sekolah yang baik di kawasan pedalaman dan tidak banyak diadakan asrama. Maka kita dapati macam di Sarawak banyak orang-orang asal yang tidak pergi ke sekolah kebangsaan tetapi pergi kepada Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Ini banyak sekali dan meluas sekali berlaku. Perkara ini adalah kerana misalnya kecuaiannya barangkali dalam melaksanakan dasar-dasar membaiki peluang pendidikan itu.

Tentang soal bahasa pula saya berpendapat bahawa bahasa Melayu harus diperkukuhkan, dikuatkan supaya memberikan kepercayaan kepada rakyat seluruhnya. Kalau dia nampak lemah dan tidak lengkap, dia tidak memberikan kepercayaan. Jadi, selain daripada soal melengkapkannya perlu juga diadakan motivasi terutama sekali bagi kanak-kanak untuk memberikan perhatian yang penting kepada Bahasa Melayu. Sekarang ini kita dapati bahawa setengah-setengah anak Melayu dia mengambil sikap sambil lewa. "*Aku orang Melayu, aku boleh cakap Melayu. Jadi apa perlunya aku memperkukuhkan Bahasa Melayu aku?*" Itu satu sikap.

Keduanya ialah kurangnya motivasi. Motivasi ini timbul oleh kerana dua perkara. Pertamanya ialah mereka melihat bahawa pembesar-pembesar lebih banyak menggunakan bahasa Inggeris dan kadang-kadang menghantar anak mereka ke luar negara, belajar dalam bahasa Inggeris atau di sekolah internasional tempatan.

Bila mereka berucap di majlis-majlis, mereka berucap dalam bahasa Inggeris. Jadi, tidak ada dorongan untuk mereka memperbaiki ataupun bercakap dalam Bahasa Melayu kerana dianggap ada status bila bercakap dalam bahasa Inggeris. Satu lagi ialah kita dapati bahawa nilai ekonomi Bahasa Melayu itu tidak tinggi dalam perniagaan, dalam pentadbiran, dalam bidang internasional, misalnya bahasa-bahasa lain digunakan. Jadi ada orang yang mengatakan, "*Oh! Kita mesti tekankan tentang pelajaran bahasa Inggeris.*" Saya bersetuju bahawa kita harus belajar bahasa Inggeris tetapi bukannya *at the cost*, dengan izin, *at the cost of Malay Language*. Ertinya diperkukuhkan Bahasa Melayu dalam berbagai-bagai bidang, di sekolah dan sebagainya dan diperbaiki bahasa Inggeris mereka.

Saya tidak percaya bahasa Inggeris boleh diperbaiki melalui mengajar Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris. Ini kadang-kadang tidak bertanggungjawab. Kalau kita dari segi akademik mahu mengajar bahasa yang terbaiknya ialah mengajar bahasa itu terus. Kalau bahasa Inggeris bukan sahaja ajar nahu dan mantiknya tetapi juga membuat mereka belajar membaca teks-teks dalam bahasa Inggeris, berlatih bercakap dan berlatih menulis. Itu sahaja caranya untuk mereka perbaiki bahasa Inggeris. Seterusnya murid-murid di sekolah harus diberikan peluang untuk belajar bahasa Inggeris dengan mengadakan guru-guru yang baik dan peluang-peluang yang baik. Selain itu patut juga khusus sekali anak-anak Melayu diberi peluang untuk belajar satu bahasa lagi terutama sekali bahasa Mandarin ataupun bahasa Tamil. Ini ialah kerana saya lihat anak Melayu di sekolah ada *disadvantage*.

#### ■1540

Kalau anak Melayu Cina, dia ada bahasa Cina, dia ada Bahasa Melayu dan dia boleh bertutur bahasa Inggeris sesetengahnya. India pula dia boleh berbahasa Tamil, bahasa Inggeris dan juga Bahasa Melayu. Akan tetapi yang Melayu biasanya hanya ada Bahasa Melayu dan bahasa Inggeris yang kurang baik dan tidak ada bahasa yang penting dalam negara ini. Bukan sahaja komunikasi di antara murid-murid dan rakyat dapat diperbaiki dengan pengetahuan bahasa itu, tetapi saya rasa ia memudahkan juga untuk anak Melayu diterima masuk dalam bidang-bidang yang dikuasai oleh golongan-golongan atau elit-elit yang tertentu.

Sekarang ini kita dapati dalam satu kajian yang dibuat oleh Universiti Malaya biasanya syarikat bukan Melayu, Cina terutama sekali, apabila menerima permohonan dia tengok dahulu dari kaum apa. Kalau bukan kaum Cina, pandai atau tidak dia berbahasa Cina. Jadi, saya rasa kita harus memberikan peluang pekerjaan yang lebih baik kepada pelajar-pelajar kita dengan memberikan peluang belajar bahasa tadi.

Sekarang tentang mata pelajaran Matematik dan Sains. Kita dapati Korea, China, Singapura misalnya mencapai peringkat yang teratas dari segi mutu pengajaran dan pelajaran Sains dan Matematik. Kedudukan Malaysia pada suatu ketika dahulu adalah baik tetapi sekarang ini semakin menurun. Negara-negara ini mempunyai kaedah-kaedah untuk membaiki pelajaran mereka. Dalam negara pula kita dapati bahawa sekolah-sekolah Cina terutama sekali, taraf pencapaian Matematik dan Sains adalah lebih baik daripada sekolah kebangsaan. Oleh sebab itulah semakin ramai sekarang ini orang bukan Tionghoa yang pergi sekolah Cina dan murid-murid Cina jarang mahu pergi ke sekolah kebangsaan kerana mereka melihat nilai Matematik dan Sainsnya tidak sebaik sekolah mereka.

Oleh kerana adanya keadaan sesetengah negara yang mencapai kecemerlangan ini dan adanya sekolah Cina yang mencapai kecemerlangan yang serupa, saya ingin mencadangkan supaya diadakan satu jawatankuasa untuk mengkaji kaedah-kaedah mengajar dan mempelajari sains dan matematik di sekolah-sekolah. Jawatankuasa hendaklah terdiri daripada pakar-pakar tempatan, dan saya tekankan tempatan, hendaklah membuat laporan dan memberikan *recommendation* tentang apa yang harus dilakukan untuk mempertingkatkan Sains dan Matematik di sekolah kebangsaan dan dalam kalangan murid-murid Melayu terutama sekali. Kalau misalnya subjek Sains dan Matematik baik di sekolah kebangsaan, itu pun boleh menjadi daya penarik bagi golongan bukan Melayu untuk pergi ke sekolah tersebut.

Satu lagi perkara ialah tentang pendidikan vokasional. Sekarang ini kita terlalu akademik. Sekolah vokasional memang ada, tetapi harus diperbanyakkan dan diperbaiki sekolah vokasional, bukan sahaja untuk mereka yang gagal tetapi mereka yang betul-betul berminat. Ertinya sekolah vokasional itu bukannya seperti tong sampah untuk membuang yang tidak baik sahaja.

Akan tetapi harus juga yang berminat dan ingin mendapat kepakaran atau kemahiran yang boleh membuat mereka dapat peluang bekerja di tempat lain. Saya percaya pendidikan vokasional ini harus didasarkan bukan sahaja kepada sekolah-sekolah tertentu tetapi ia juga harus di lakukan in-situ iaitu setempat, dengan izin. Bila *in-situ* bererti mereka harus berlatih di bengkel-bengkel, kilang-kilang dan industri-industri. Kebanyakan bengkel dan industri ini adalah bukan milik Melayu.

Oleh kerana yang demikian mesti ada kerjasama dan mesti ada peraturan yang dicapai di antara Kementerian Pendidikan dengan kilang serta bengkel supaya dapat dihantar pelajar-pelajar vokasional ini berlatih in-situ tadi. Ini nanti saya akan sentuh balik kerana ada kaitan juga dengan soal perpaduan nasional.

Akhir sekali ialah tentang pendidikan melalui komputer. Baru-baru ini heboh dalam Dewan Rakyat dan di luar bahawa kira-kira RM9 bilion telah diberikan kepada syarikat YTL. Syarikat YTL ini bukan sahaja mendapat subsidi yang banyak bagi pengeluaran kuasa elektrik tetapi mendapat RM9 bilion ini. Daripada RM9 bilion ini kebanyakannya ialah untuk membeli komputer dan memberikannya ke sekolah-sekolah dan pelajar-pelajar. Saya tidak mahu menyebut tentang soal ini sebab sudah banyak disebutkan tetapi ada satu aspek yang tidak disebutkan.

Baru-baru ini saya berjumpa dengan seorang profesor di universiti. Dia seorang pakar pendidikan. Dia dengan kawan-kawannya telah menulis buku, satu siri buku yang diharapkan akan membantu pelajar-pelajar di sekolah. Dia terperanjat pada suatu hari melihat bahawa buku itu telah dipinda sedikit-sedikit oleh sebuah syarikat komputer dan melalui komputer dijual kepada umum dan sekolah-sekolah. Beliau tidak boleh mengambil tindakan undang-undang kerana katanya buku itu bukan diambil sepenuhnya tetapi sudah diubah. Apa yang menjadi masalahnya ialah soal pengisian ini, soal buku dan bahan yang disalurkan melalui komputer itu, siapakah yang membekalnya, siapakah yang menulisnya? Dan siapakah yang menyaringnya supaya ditentukan bahan-bahan itu betul-betul boleh memberikan faedah kepada pelajar dan sesuai dengan hasrat pembinaan bangsa di negara ini.

Syarikat itu bukannya YTL tetapi dengan kebolehan YTL yang ada, wang yang ada, mereka sebenarnya boleh mengisikan bahan-bahan pendidikan melalui komputer itu dengan meminda banyak buku. Bukan sahaja buku tempatan bahkan juga buku-buku dari luar negara. Dengan demikian kita akan dapati bahawa masalah akan banyak timbul dalam soal ini. Kita akhir-akhir ini tidak mempunyai kawalan sebenarnya apakah yang sebenarnya diupload dan didownloadkan oleh murid-murid dari komputer yang mereka miliki itu, dari segi buku-buku tersebut.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Mengikuti keprihatinan Yang Berhormat tadi mengenai masalah "cetak rompak" itu, dan saya percaya tentu Yang Berhormat merasakan perkara ini adalah perkara yang serius. Akan tetapi sekadar melemparkan masalah tanpa mengemukakan penyelesaian pun tidak akan ke mana juga. Barangkali dengan kelebihan intelektual yang ada pada Yang Berhormat mungkin dapat dikemukakan penyelesaian terhadap masalah yang dikemukakan. Kalau kita boleh berkongsilah.

**Dr. Syed Husin Ali:** Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, beliau lebih awal daripada apa yang hendak saya katakan. Saya ingin mencadangkan bahawa harus dibentuk badan yang tertentu, yang mengawal dan memeriksa serta memantau segala bahan yang hendak disalurkan kepada murid-murid melalui komputer ini. Saya tidak lagi melihat badan seumpama ini wujud dan saya harap badan ini akan diwujudkan. Mereka harus mempunyai kekuatan yang di dokong oleh undang-undang untuk melaksanakan pengawasan tersebut.

Kalau tidak ada misalnya undang-undang yang sesuai habis begitu sahaja. Hukuman yang berat harus dikenakan kepada sesiapa sahaja yang tidak mengikut peraturan dan tidak memberikan keuntungan kepada pelajar-pelajar dan rakyat dan kadang-kadang menyeleweng daripada hasrat bangsa oleh kerana bahan itu mungkin tidak seia dan serasi dengan kepercayaan-kepercayaan ataupun nilai-nilai yang kita agungkan.

■1550

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya ingin pergi kepada perpaduan nasional. Dalam soal perpaduan nasional ini, saya lihat bahawa selepas merdeka kira-kira 60 tahun, agenda untuk mencapai perpaduan nasional belum lagi berjaya.

Hal ini telah diterangkan terutama sekali oleh pembicara yang pertama tadi dalam soal perpaduan. Akan tetapi yang menakutkan saya lagi ialah bukan sahaja agenda perpaduan belum berjaya bahkan ada tanda-tanda yang menunjukkan bahawa masalah perhubungan kaum, ketegangan kaum semakin rumit dan semakin meruncing di dalam negara ini.

Akhir-akhir ini begitu banyak sekali masalah agama, masalah kaum yang timbul. Saya tidak mahu menyalahkan mana-mana pihak yang tertentu tetapi saya hanya hendak menyatakan bahawa seolah-olah masalah ini tidak dikawal, tidak ditangani oleh pihak berkuasa, bahkan kadang-kadang macam digalakkan melalui suara-suara sumbang golongan-golongan ekstremis dalam badan-badan tertentu dan akhbar-akhbar tertentu. Tadi disebut tentang soal surat khabar Cina. Ia berlaku juga di kalangan surat khabar Melayu. Saya tak tahu apa yang berlaku dalam surat khabar Tamil. Jadi mesti ada kawalan dan pengawasan untuk membataskan keliaran mereka. Apabila rasa terancam dan ancaman kepada perpaduan dan sebagainya, tak kira siapa, tak kira dari mana, tindakan yang tegas hendaklah diambil secara adil...

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** *[Bangun]*

**Dr. Syed Husin Ali:** Saya rasa cukuplah setakat ini, nanti. saudara sudah bertanya apa yang hendak saya cakap... *[Ketawa]*

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Yang Berhormat, Yang Berhormat pendek sahaja. Saya hendak mengenai kawalan itu tadi..

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, jawab, ya sebab ada kawan. Okey. Silakan.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Boleh? Mengenai kawalan itu tadi, adakah..., tetapi yang saya agak sedih, Yang Berhormat Tuan Syed tidak menyebutkan kawalan terhadap keliaran berdemostrasi di jalan raya. Itu tak sebut.

**Seorang Ahli:** Siapa Parlimen?

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Siapa belakang dia, siapa dalang dia?

**Dr. Syed Husin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, dia memang suka bercerita mengenai demonstrasi. Ini kerana semasa di universiti, dia pun berdemostrasi juga... *[Ketawa]* Sebenarnya kebanyakan dan hampir semua demonstrasi yang diadakan di jalanan adalah aman. Ia menjadi ribut, menjadi kacau bilau apabila ada tindakan polis yang liar.

Sekarang ini misalnya, bila tidak ada tindakan-tindakan liar seumpama itu kita dapati bahawa berpuluh-puluh ribu orang berkumpul tetapi tidak ada apa-apa pun yang berlaku. Tak macam semasa kawan saya itu di universiti dululah. Jadi dalam keadaan ini apakah yang boleh dilakukan oleh kerajaan, media dan rakyat? Ini bukan tugas hanya kerajaan tetapi tugas-tugas institusi-institusi lain. Tadi pembicara pertama telah bercakap tentang enam institusi dan bagi saya kerajaan, rakyat dan media memainkan peranan yang penting.

Kerjasama dan perhubungan yang rapat yang boleh mengurangkan keruncingan hubungan kaum boleh dicapai dengan melaksanakan berbagai-bagai program. Dari segi ekonomi misalnya, harus digalakkan lebih lagi *joint venture* ataupun usaha sama di antara pengusaha-pengusaha, pengindustri-pengindustri dan sebagainya. Ada sekarang ini kerjasama, tetapi lebih memuaskan jika diperluaskan lagi di antara pihak yang betul-betul menguasai bidang ekonomi dan bukan dengan pihak yang hanya pada nama sahaja. Jadi kita tidak hendak kerjasama *joint venture* secara ali baba.

Sekarang ini banyak orang Melayu dalam perusahaan, dalam industri dan perniagaan dan harus digalakkan kerjasama di antara mereka dengan kaum-kaum lain. Kerjasama ini saya sebutkan tadi dengan vokasional, sekolah vokasional. Kita dapati salah satu daripada sebab kemarahan orang bukan Melayu ialah kalau mereka mengatakan, "*Oh, dalam jabatan-jabatan kurang orang bukan Melayu. Scholarship tak banyak orang bukan Melayu dapat. Lesen tak banyak orang bukan Melayu dapat.*" Mereka seharusnya tidak boleh mempersoalkan semangat perlembagaan di belakang dasar-dasar ini. Akan tetapi kerajaan boleh menentukan supaya dibuka sedikit luas jawatan-jawatan, dibuka sedikit luas, diberi lebih banyak *scholarship* kepada mereka yang berkelayakan untuk mendapatnya.

Saya ingin menyatakan di sini secara ikhlas bahawa perlu kita buka ruang peluang ini untuk mengurangkan kemarahan itu tetapi ada syaratnya. Satu syaratnya, kalau engkau hendak aku membuka peluang aku, engkau harus membuka ruang engkau. Berertinya, bidang swasta dalam perniagaan, perdagangan, perindustrian yang dikuasai oleh syarikat-syarikat asing dari luar negara dan syarikat-syarikat tempatan mestilah membuka peluang kepada golongan Melayu dan Bumiputera. Barulah seimbang *give and take* nya. Aku bagi peluang untuk engkau dalam bidang aku, engkau bagi ruang kepada aku untuk bidang engkau. Saya percaya ini boleh mengurangkan ketegangan. Akan tetapi sama ada ia akan menyelesaikan konflik kaum tidak tahulah. Ia boleh mengurangkan saya percaya masalah tersebut.

Perkara ketiga ialah peranan pendidikan. Kita dapati bahawa sekarang ini boleh dikatakan tidak ada integrasi dalam pendidikan, sebabnya ialah kerana ada aliran-aliran yang berasingan. Sekolah-sekolah...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, lamakah lagi?

**Dr. Syed Husin Ali:** Ya, saya rasa lima minit ke sepuluh minit agaknya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, lima puluh?

**Dr. Syed Husin Ali:** Tak, tak, lima minit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Lima minit.

**Dr. Syed Husin Ali:** Lima minit, lebih sedikitlah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Lima minit boleh Yang Berhormat, tak boleh lebih daripada itu.

**Dr. Syed Husin Ali:** Saya cuba, saya cuba. Jadi sekarang ini saya akui bahawa percubaan-percubaan untuk mengintegrasikan sekolah-sekolah sudah dilakukan, tetapi dia menimbulkan masalah pula. Bahasa dan pendidikan bagi negara ini nampaknya bukan sebagai alat untuk perpaduan. Akan tetapi ia merupakan satu faktor yang menimbulkan perpecahan dan pergaduhan. Ini yang malangnya. Sehingga masa kita dapat misalnya mencapai satu persefahaman yang boleh menimbulkan kerjasama, integrasi dan sebagainya, maka ada langkah-langkah yang harus dan perlu dilakukan.

Antaranya ialah dengan mengadakan, dan ini telah disebutkan tadi oleh orang lain, pelbagai kemudahan. *Library* yang baik, padang bola yang banyak, interaksi dengan mengadakan sukan bersama, menganjurkan perbahasan bersama dan sebagainya supaya kelihatan dan berlaku interaksi dan kerjasama bukan sahaja di kalangan sekolah, tetapi juga di antara murid dengan murid, guru dengan guru.

Dari segi itu saya rasa, misalnya, di sekolah kebangsaan, seboleh-bolehnya kita harus cuba dapatkan guru daripada pelbagai kaum di sekolah itu. Guru besar pula harus berdasarkan kelayakan mereka. Mungkin ada kuotanya tetapi kita tidak boleh menafikan seseorang itu menjadi guru besar semata-mata atas asas-asas keturunan ataupun kaum sahaja. Ini kerana kadang-kadang ada sesetengah mereka yang lebih *dedicated* dari sesetengah guru yang kita anggap adalah daripada golongan kita sendiri.

#### ■1600

Dalam pendidikan juga kita lihat bahawa falsafah dan pendekatan yang menggalakkan integrasi kaum dan perpaduan nasional kurang ditekankan. Saya percaya harus diadakan- mungkin ini ada peluang dapat lima minit lagi tidak?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak tahu Yang Berhormat ya.

**Dr. Syed Husin Ali:** [*Ketawa*] Sebagai mana yang disebutkan tadi Tuan Yang di-Pertua, kita dapati sekolah-sekolah pelbagai aliran yang kebanyakan daripada kaum yang tertentu mengikut angka kerajaan sendiri, kira-kira 93 peratus sekolah Cina adalah pelajarnya kebanyakan bukan Melayu. Begitu juga sekolah kebangsaan Melayu, kebanyakannya 90 peratus juga orang Melayu dan Cina tidak hendak sangat pergi ke sekolah tersebut. Jadi, apa yang harus berlaku ialah mesti dirumuskan, diformulasikan falsafah dan pendekatan yang serupa bagi sekolah pelbagai aliran dan pelbagai bahasa itu supaya falsafah dan pendekatan itu dapat diterjemahkan kepada program-program, aktiviti-aktiviti yang boleh merapatkan hubungan mereka.

Bukan itu sahaja, *syllabus* haruslah diperbaiki supaya dalam *syllabus* itu terutama sekali melalui sejarah dan melalui kajian sivik, melalui pengajaran tentang kebudayaan dan sebagainya, digalakkan supaya murid-murid kenal mengenal di antara satu sama lain dan mengenali kepercayaan dan kebudayaan masing-masing. Hanya dengan kenal sahaja baru akan timbul cinta. Dan salah satu daripada masalah yang kita hadapi sekarang ini ialah di antara kaum yang berlainan, di antara sekolah aliran berlainan tidak ada cukup introduksi, interaksi, tidak cukup visi pelajaran yang boleh memberikan *outlook* yang serupa, timbul daripada falsafah dan pendekatan yang sama.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya janji tadi lima minit lagi. Saya akan selesaikan sekarang. Secara kesimpulan, dapat dikatakan bahawa pembangunan ekonomi, reformasi pendidikan dan perpaduan nasional boleh dikatakan tiga bidang penting bagi pembangunan negara dan kemajuan rakyat. Dalam banyak hal, ketiga-tiga bidang ini mempunyai kaitan di antara satu sama lain. Pelaksanaan dalam ketiga-tiga bidang ini dan pembangunan yang dilaksanakan di bawah bidang tersebut harus berpaksikan kepada idea, rancangan dan pelaksanaan bahawa yang paling beruntung daripada pembangunan itu hendaklah golongan terbanyak yang berpendapatan rendah, yang miskin dan yang terpinggir. Sebagaimana yang saya sebut dari awal-awal tadi, sebilangan besar mereka ini adalah golongan Melayu, bumiputera, orang asal dan Orang Asli. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya, saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Dato' Syed Ibrahim bin Kader.

**4.04 ptg.**

**Dato' Syed Ibrahim bin Kader:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabaratuhi.* Salam sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih saya kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang dan ruang untuk saya berucap dalam Perbahasan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada perasmian Parlimen Yang Ketiga Belas ini. Sesungguhnya kita semua perlu akui bahawa Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menyampaikan sebuah Titah yang cukup bernas. Bersifat *inclusive*, penuh dengan pelbagai informasi serta nasihat dan panduan untuk kita semua terus bergerak memacu negara ke arah pembangunan holistik. Dengan mengambil kira semua perkara yang menjadi asas pembangunan sebuah negara dan keperluan rakyat jelata di negara kita Malaysia yang tercinta.

Walau bagaimanapun, amat menyedihkan kita semua apabila wujud segelintir manusia yang tidak tahu erti bersyukur serta sudah terlupa makna terima kasih dan sudah jauh hilang adat resam budaya bangsa dan nilai murni rakyat Malaysia. Mereka dengan terang-terang menghina institusi Diraja yang menjadi lambang kedaulatan negara kita. Mereka mempersoalkan, malah turut mempertikaikan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Manusia-manusia ini yang juga rakyat Malaysia sudah lupa rukun negara dan amat tidak memahami Perlembagaan Malaysia malah erti kesetiaan kepada raja dan negara sudah tidak ada lagi dalam hati sanubari mereka. Yang ada hanyalah gila kuasa serta rasa tidak puas hati terhadap kerajaan yang dibentuk secara sah melalui mandat yang diperoleh dari rakyat dalam Pilihan Raya Umum Ke-13.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Baginda menyeru semua pihak agar menerima dan menghormati keputusan Pilihan Raya Umum Ke-13. Baginda juga telah bertitah bahawa Pilihan Raya Umum Ke-13 yang telah diadakan adalah mengikut lunas-lunas sistem demokrasi dan meminta semua pihak berganding bahu bagi membolehkan negara melangkah ke depan mencapai matlamat negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Baginda juga bertitah bahawa setiap Ahli Dewan yang telah dipilih oleh rakyat, perlu berkhidmat dengan penuh berdedikasi, berintegriti dan sentiasa menunjukkan akhlak yang terpuji demi agama, maruah diri dan institusi Parlimen yang mulia.

Setiap Ahli Dewan sama-sama memikul amanah rakyat yang inginkan kestabilan dan kemakmuran negara berkekalan. Kesejahteraan hidup terus meningkat serta perpaduan kaum dan agama kian utuh.

Namun, perbuatan segelintir pihak yang menghasut rakyat sangat menyedihkan serta langsung tidak mencerminkan hasrat murni Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Keputusan Pilihan Raya Umum Ke-13 sudah pun diperolehi sejak dua bulan yang lalu. Namun, sehingga ke hari ini masih ada pihak yang tidak mahu menerima keputusan tersebut. Malah mereka juga menganjurkan perhimpunan haram untuk menyatakan bantahan terhadap keputusan pilihan raya umum tersebut. Apa yang menghairankan, mereka ini tidak pula menyatakan bantahan terhadap keputusan PRU Ke-13 di negeri-negeri yang dimenangi oleh mereka. Ini ibarat rumah sudah siap tetapi pahat masih lagi berbunyi.

Walaupun ada saluran undang-undang untuk menyatakan rasa tidak puas hati terhadap sesuatu keputusan pilihan raya, mereka ini sengaja memilih jalan menghasut rakyat dengan pelbagai tohmahan dan fitnah. Apa matlamat sebenar pihak-pihak ini yang kononnya memperjuangkan hak demokrasi tapi tidak mahu menerima keputusan rakyat. Apa pula matlamat pihak-pihak ini yang menghina negara dan mencemarkan nama Malaysia sehingga ke London dan Arab Saudi. Semasa saya berada di Chennai, India baru-baru ini, saya dilemparkan dengan sebuah tuduhan bahawa kerajaan Malaysia lebih teruk mengamalkan rasuah berbanding negara lain kerana membeli undi secara terbuka melalui pemberian BR1M sebanyak RM500 seorang.

#### ■1610

Setelah penerangan panjang lebar diberi barulah mereka faham apa sebenarnya BR1M iaitu satu usaha kerajaan untuk meringankan beban rakyat yang berpendapatan rendah. Sepatutnya masalah dalaman negara kita harus diselesaikan secara baik dalam negara kita sendiri. Umpama masalah di dalam rumah kita, kita selesaikan secara baik. Bermuzakarah sesama isi rumah dan mencari jalan penyelesaian. Inilah yang sepatutnya yang dilakukan oleh kita semua, bukannya memberi gambaran buruk tentang negara kita kepada orang lain. Memaki hamun pemimpin negara sendiri, menghina pemerintah negara sendiri dan menjajakan nama buruk negara ke seluruh dunia.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong seharusnya dipandang mulia serta diterima oleh semua pihak. Ini kerana Titah Baginda merupakan amanat dan nasihat untuk semua Ahli Dewan yang mulia ini. Walaupun teks Titah Baginda disediakan oleh sesiapa pun, namun setiap perkataan yang dititahkan oleh Baginda menjadi tanggungjawab kita untuk menerimanya. Ini kerana beliau semestinya sudah meneliti kandungan teks berkenaan dan bersetuju untuk menjadikannya sebagai Titah Baginda. Keengganan untuk berbuat demikian hanya akan mengundang berbagai masalah serta menimbulkan gejala tidak sihat. Sepatutnya kita sebagai pemimpin harus menjadi contoh kepada generasi akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, sejak kebelakangan ini hampir setiap hari kita membaca di akhbar-akhbar tentang kejadian pembunuhan, rompakan dan ragut. Kalau dahulu kita jarang mendengar atau membaca kes pembunuhan, rompakan dan ragut tetapi kini hampir setiap hari kita mendengar dan membaca kes-kes ini. Kalau dahulu mereka menggunakan parang dan pisau, tetapi kini mereka menggunakan senjata api yang canggih. Apa yang menjadi persoalan, bagaimana senjata api ini dibawa masuk dan diperolehi dengan begitu mudah sekali. Apakah langkah penguatkuasaan di sempadan-sempadan negara tidak berkesan?

Pemansuhan Ordinan Darurat pada tahun 2011 menyebabkan hampir 2,600 tahanan dibebaskan. Kebanyakan kes yang melibatkan pembunuhan, ragut dan rompak dilakukan mereka ini. Apakah pemansuhan Ordinan Darurat menjadi sebab bertambahnya kejadian bunuh, ragut dan rompak ini? Adakah satu akta yang berkesan digubal untuk menggantikan Ordinan Darurat ini atau adakah kerajaan bercadang untuk memperkenalkan semula Ordinan Darurat ini?...

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** *[Bangun].*

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang hendak mencelah. Yang Berhormat izinkankah?

**Dato' Syed Ibrahim bin Kader:** Boleh.

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat mencadangkan bahawa pemansuhan Ordinan Darurat ini memberikan gambaran bahawa peruntukan undang-undang jenayah Kanun Keseksaan tidak mencukupi bagi menghukum penjenayah-penjenayah di negara ini?

**Dato' Syed Ibrahim bin Kader:** Memang kita dapat lihat perbezaan sebelum dan selepas ini. Banyak kita dapat lihat yang kejadian-kejadian berlaku. So, saya fikir mestinya adakan satu tindakan yang kena ambil untuk masa depan negara kita ini.

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Maksud saya, adakah peruntukan undang-undang yang sedia ada. Kita ada banyak peruntukan undang-undang, Kanun Keseksaan, Akta Hasutan banyak peruntukan undang-undang. Adakah Yang Berhormat mencadangkan bahawa undang-undang ini tidak mencukupi bagi menangkap dan menghukum penjenayah di negara ini sehingga kita memerlukan satu undang-undang untuk menangkap orang tetapi tidak membicarakan mereka?

**Dato' Syed Ibrahim bin Kader:** Saya ini, benda ini perkara dan kejadian saya sudah utarakan di sini tetapi untuk segi undang-undang ini, orang atasan akan meneliti dan membawa mana yang sesuai untuk masa depan kita. Kejadian pembunuhan, ragut dan rompak semakin hari semakin berleluasa sehingga menimbulkan rasa takut di kalangan rakyat tempatan dan juga pelancong asing. Kita mempunyai ramai pegawai dan anggota keselamatan serta akta-akta yang mencukupi untuk membanteras jenayah seperti ini, tetapi mengapa kegiatan jenayah terutamanya ragut dan rompak serta pembunuhan masih banyak. Rasuah juga turut meningkat di kalangan anggota keselamatan...

**Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah:** *[Bangun]*.

**Dato' Syed Ibrahim bin Kader:** Pemberi dan penerima rasuah harus diberikan hukuman yang lebih ketat.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang hendak mencelah lagi.

**Dato' Syed Ibrahim bin Kader:** Okey.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat.

**Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah:** Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat cakap mengenai peningkatan, peningkatan kadar jenayah tetapi apa yang selalu kita dengar dalam surat khabar dari kerajaan ialah kadar jenayah telah turun. Saya keliru sedikit, ia tambah atau turun?

**Dato' Syed Ibrahim bin Kader:** Saya ini, di sini hendak sebutkan pembunuhan ini semakin hari kita nampak lihat di surat-surat khabar. So, ini yang kita panggilkan untuk diambalikan tindakan. Kurang atau lebih itu saya tidak- fasal apa mungkin Menteri akan jawabkan soalan ini.

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** *[Bangun]*.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Ada lagi yang hendak mencelah.

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Sebab ada pertikaian di sini, sebab kenyataan Ketua Polis Negara...

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Tunggu Yang Berhormat, duduk dahulu Yang Berhormat.

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Kenyataan Ketua Polis Negara secara rasmi mengatakan bahawa kadar jenayah di negara ini semakin berkurangan sedangkan Yang Berhormat mengatakan kadar jenayah negara ini semakin bertambah. Adakah Yang Berhormat mengatakan bahawa kenyataan Ketua Polis Negara itu bersifat pembohongan atau tidak benar?

**Dato' Syed Ibrahim bin Kader:** Ini adalah satu soalan yang saya hendak memajukan kepada mereka. Biar kita tunggu, kita dengar daripada...

**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad:** Minta laluan, laluan. Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan adalah melalui medialah, jenayah berkurang tetapi jenayah berat kes bunuh ini meningkat.



Jenayah yang lain ia berkurang disebabkan kemungkinan besar pembunuh-pembunuh ini adalah orang yang dilepaskan daripada tahanan ISA dua tahun lepas...  
[Ketawa]

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat. Teruskan.

**Dato' Syed Ibrahim bin Kader:** Saya fikirkan biarkan Menteri akan jawabkan soalan ini. Satu cara untuk mengatasi masalah rasuah di kalangan anggota keselamatan ialah dengan mengkaji semula tangga gaji mereka supaya setimpal dengan kerja dan risiko yang anggota keselamatan hadapi.

Tuan Yang di-Pertua, pemansuhan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) telah menyebabkan pihak-pihak yang menentang kerajaan dan suka menimbulkan huru-hara serta ketegangan di kalangan rakyat semakin berani bergerak bebas dengan agenda mereka. Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong jelas mahukan kestabilan, keamanan dan kesejahteraan dalam negara seolah-olah langsung tidak dihiraukan oleh mereka ini. Apakah akta yang menggantikan ISA ini benar-benar berkesan dalam mengekang perbuatan mereka ini?

Baru-baru ini timbul masalah isu pertukaran agama. Semakin hari isu ini menjadi semakin hangat dan sudah mula menjadi elemen yang dilihat boleh memecahbelahkan keharmonian kaum di Malaysia. Harus diingat bahawa masyarakat bukan Islam tidak pernah dipaksa untuk memeluk agama Islam. Perlembagaan Malaysia telah pun menetapkan hal ini seperti yang termaktub dalam perkara ketiga Perlembagaan Persekutuan. Apa yang peliknya, mengapa isu menukar agama ke agama Islam itu begitu diperbesarkan, dihebohkan malah dipolitikkan.

Jika kita teliti, menukar agama ini bukan hanya berlaku di antara orang bukan Islam memeluk agama Islam, terdapat juga orang dari agama lain seperti orang dari agama Hindu atau Buddha memeluk agama Kristian. Tidak pula diheboh-hebohkan ataupun dipolitikkan, malah orang Islam tidak pula menentang mereka ini dan orang Islam tidak pernah memaksa sesiapa pun dari kalangan bukan Islam untuk memeluk dan menganut agama Islam.

Saya amat berharap urusan agama Islam diuruskan oleh orang Islam sendiri dan orang bukan Islam tidak mempunyai hak untuk mencampuri urusan orang Islam dan agama Islam. Pertubuhan Mubaligh agama masing-masing harus memainkan peranan dalam mengawal penganut mereka dan jangan hanya melenting apabila ada penganut agama mereka hendak memeluk Islam.

Tuan Yang di-Pertua, prosedur baru mendapatkan visa untuk menunaikan ibadah umrah di Tanah Suci Mekah menjadi semakin rumit. Ini kerana pemohon visa perlu mendapatkan pengesahan dokumen daripada beberapa jabatan kerajaan yang memakan masa yang panjang, sedangkan prosedur untuk melawat negara-negara lain amat mudah. Malah ada negara yang memberi keistimewaan kepada rakyat Malaysia untuk berkunjung ke negara mereka. Sepatutnya prosedur mendapatkan Visa Umrah harus mudah kerana permohonan visa hanya boleh pergi ke Mekah untuk menunaikan umrah.

#### ■1620

Saya mohon pihak yang berwajib tentang perkara ini membuat perbincangan dengan Kerajaan Arab Saudi untuk memudahkan prosedur menunaikan ibadat umrah ini. Kesejahteraan dan kemakmuran negara harus di kecapi oleh semua lapisan masyarakat.

Perkara yang menjadi keperluan asas rakyat harus diberi keutamaan. Antara keperluan asas rakyat ialah rumah penginapan. Sekarang ini harga rumah naik begitu tinggi sekali dan menjadi amat sukar untuk golongan berpendapatan rendah dan sederhana untuk memiliki rumah.

Agensi-agensi kerajaan yang terlibat membantu seolah-olah tidak memandang serius perkara ini. Sebagai contoh harga rumah di sekitar bandar Shah Alam tidak kurang daripada RM600,000. Ini jelas membebankan golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Memiliki rumah kerana sudah pasti tidak akan mendapat pembiayaan daripada bank memandangkan pendapatan mereka yang kecil.

Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) seolah-olah tidak mpedulikan perkara ini apabila masih terus membina rumah yang harganya tidak mampu dimiliki oleh golongan berpendapatan rendah dan sederhana.

Anehnya semasa pemerintahan Barisan Nasional di Selangor, PKNS telah banyak membina rumah mampu milik yang mengutamakan golongan ini.

Dalam pada itu, syarikat-syarikat perumahan yang membina rumah kediaman terutamanya harus memberi pilihan kepada golongan bumiputera untuk membuat lot pilihan mereka. Bukan seperti sekarang di mana lot bumiputera sudah pun ditentukan dan dilazimkan lot-lot ini adalah lot-lot yang tidak popular atau yang mempunyai kedudukan yang tidak strategik. Terdapat juga kegiatan di mana setelah tempoh yang ditetapkan dan bilamana lot-lot bumiputera tidak terjual, lot-lot bumiputera itu tukar status dan dijual kepada bukan bumiputera. Perbuatan ini tidak seharusnya berlaku kerana ini jelas menunjukkan monopoli satu kaum dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam mengejar pembangunan negara, golongan peniaga kecil dan sederhana tidak harus kita pinggirkan. Harus kita ingat sebelum kemunculan pasar raya-pasar raya besar, kedai-kedai runcit dan pasar mini telah memainkan peranan yang cukup penting dalam memenuhi permintaan pengguna untuk barangan keperluan harian. Apa yang berlaku sekarang ini ialah kemunculan pasar raya-pasar raya besar yang telah menyebabkan kemerosotan dalam perniagaan kepada pengusaha kecai runcit dan pasar mini.

Masalah ini ditambah pula dengan pembukaan pasar-pasar mini oleh pasar raya besar seperti *Giant Mart*. Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, *Giant* telah merancang untuk membuka 500 pasar raya mini dalam lima tahun yang akan datang. Dalam tahun ini saja, 20 pasar mini akan dibuka oleh *Giant*. Ini sudah pasti akan memberi tekanan kepada peruncit-peruncit kecil yang menjalankan perniagaan mereka sejak dulu lagi sehingga mereka terpaksa gulung tikar. Adakah kerajaan telah memberi kelulusan untuk Pasar raya *Giant* untuk membuka 500 pasar mini? Apakah justifikasi kerajaan dalam perkara ini? Adakah kerajaan mengambil kira kedudukan dan masalah yang akan dihadapi oleh pengusaha-pengusaha kedai-kedai runcit ini.

Tuan Yang di-Pertua, pengurup wang adalah satu masalah yang begitu besar sekarang ini dalam arena perniagaan di Malaysia. Daripada 851 pengurup wang yang berlesen telah pun berkurangan kepada 500 sekarang ini. Pasal apa, setiap kesalahan yang kecil, lesen mereka itu digantung dan tidak boleh menjalankan perniagaan. So ini telah pun membawa satu masalah yang akan menjadi masalah besar kepada negara kita apabila pelancong-pelancong datang ke negara kita hendak tukarkan mata wang mereka, memang sukar pasal apa? Bank akan buka ruang perniagaan hanya sampai 4.30 petang saja. So malam memang sukar untuk mereka mendapatkan, dan ini boleh jadi satu.

Kedua, mereka ini sengaja mengambil satu tindakan walaupun satu kesalahan yang kecil akibat untuk itu dia batalkan saja. Tidak ada bagi ruang untuk mereka membetulkan diri mereka. So ini yang saya hendak panjangkan dan satu lagi enakmen baru berkuat kuasa 15 Julai baru-baru ini, di mana seseorang politik itu menukar wang RM3000, dia punya detil semua kena serah kepada Bank Negara. Ini pun saya sendiri pun tidak faham macam mana ia yang berlaku di mana Bank Negara telah pun memberikan amaran kepada semua pengurup wang, yang mana RM3000 kalau dia tukar dengan mata wang asing, dia kena ambil semua data-data mereka dan serah kepada Bank Negara dan juga sebelum ini ada RM20,000 tapi sekarang sudah ini sudah bawah sampai RM3000. Kita tidak boleh tukar USD1000 pun sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah sebuah kerajaan yang menepati janji. Saya mewakili masyarakat India Muslim telah menyerahkan satu usul 18 perkara kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada bulan Oktober tahun lepas. Saya memohon kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri turut memberi perhatian kepada pembangunan masyarakat India Muslim seperti yang diberikan kepada kaum lain di negara ini. Masyarakat India Muslim merupakan satu masyarakat yang amat setia kepada kerajaan dan berdiri teguh menyokong Barisan Nasional. Oleh itu adalah amat wajar masyarakat India Muslim diberi pengiktirafan yang sewajarnya bagi segala usaha yang mereka lakukan selama ini. Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin. Silakan Yang Berhormat berbahas.

**4.27 ptg.**

**To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Salam sejahtera, salam 1Malaysia.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana diberikan kesempatan untuk turut serta berucap Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan inayah-Nya, dapat turut serta memberikan ucapan Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah yang telah sudi berangkat menyampaikan titah ucapan di Istiadat Pembukaan Mesyuarat Pertama, Persidangan Penggal Pertama, Parlimen Ke-13 pada 25 Jun 2013 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, Tuanku dalam Titah Baginda telah menyentuh dengan menyeluruh tentang pelbagai aspek perkara penting negara seperti memartabatkan Islam, pendidikan, sektor pertanian, kesihatan, pembangunan keluarga dan masyarakat, belia dan lain-lainnya.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya di dalam ucapan Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ini menyentuh beberapa perkara penting berhubung dengan menjunjung institusi Raja, aspek perpaduan ummah, pembangunan sektor pertanian, belia dan sukan dan pelaksanaan Program Transformasi Negara.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin menyentuh berhubung institusi Raja negara kita yang sejak akhir-akhir ini menjadi sasaran individu-individu tertentu yang tidak bertanggungjawab. Mereka bukan sahaja menghina Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Permaisuri malah Raja dan institusi Raja sedangkan secara jelas Perlembagaan Persekutuan telah menyatakan bahawa Ketua Utama Negara adalah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Kedangkalan memahami sejarah negara menyebabkan mereka tidak menghormati Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang bukan sahaja sebagai Ketua Utama Negara tetapi juga secara undang-undangnya menganggotai tiga cabang pentadbiran negara yang terdiri dari eksekutif, perundangan dan kehakiman.

**■1630**

Baginda juga adalah pemerintah tertinggi Angkatan Tentera Persekutuan. Baginda juga menjadi ketua agama bagi negeri Baginda di samping sebagai Ketua Agama Islam di negeri-negeri seperti Melaka, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan sebagaimana yang ditetapkan Perkara 3(3), Perlembagaan Persekutuan. Menyentuh berhubung dengan Perlembagaan Persekutuan ini, saya ingin membangkitkan pandangan Dr. Shamrahayu binti Ab Aziz, Profesor Madya di Kuliah Undang-undang Universiti Islam Antarabangsa (UIAM) yang menyatakan sumber rujukan dalam pengisian Perlembagaan Persekutuan adalah Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 yang bersumber kepada Perlembagaan Terengganu 1911 dan Undang-undang Tubuh Negeri Johor 1895.

Oleh itu, Institusi Raja diluhurkan dalam Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri dengan mendaulatkan Raja-Raja Melayu. Tuan Yang di-Pertua, kemerdekaan negara pada tahun 1957 telah memberi peluang kepada rakyat untuk memilih pemimpin di kalangan rakyat sendiri tanpa campur tangan Raja. Namun, kebijaksanaan para pengasas kemerdekaan negara ini dan setelah mendapat petunjuk Ilahi dengan wawasan bijak membentuk kerajaan merdeka di bawah naungan Raja Berperlembagaan, sistem berkerajaan dan bernegara yang menggabungkan Institusi Raja dengan institusi rakyat berasaskan konsep Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen. Maka terperhat sejarah tersirat dan tertera secara tersurat di dalam Perlembagaan Persekutuan, semangat menjunjung tujuh wasiat Raja-Raja Melayu iaitu;

- (i) kedaulatan Raja-Raja Melayu;
- (ii) Islam sebagai Agama Persekutuan;
- (iii) Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan;
- (iv) Tanah Simpanan Melayu;
- (v) kedudukan istimewa orang Melayu; dan

- (vi) kepentingan sah kaum-kaum lain diberikan jaminan untuk dilindungi setiap masa.

Sejarah inilah yang harus difahami semua warganegara ini. Justeru, Raja-Raja Melayu terus wujud, berdaulat di dalam Perlembagaan Persekutuan. Sehubungan dengan itu, tindakan yang tegas dan serta-merta perlu diambil ke atas mana-mana individu yang menghina Raja, Yang di-Pertuan Agong, Permaisuri Agong dan Raja-Raja Melayu. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, apakah langkah yang telah diambil oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dalam memantau perbuatan terkutuk ini di laman sosial dan sebagainya serta apakah tindakan tegas yang telah diambil terhadap individu-individu ini? Tuan Yang di-Pertua, keduanya saya ingin menyentuh berhubung dengan isu perpecahan di kalangan masyarakat khususnya di kalangan orang Melayu dan orang Islam.

Melayu dan Islam adalah satu dan sukar untuk dipisahkan. Artikel 160(2) jelas mentakrifkan orang Melayu sebagai seseorang yang menganut agama Islam, lazimnya bercakap Melayu, menurut adat Melayu. Pada asasnya, orang Melayu Islam mempunyai akidah yang sama, beriman dengan Allah sebagai Tuhan yang sama, Rasul yang sama, kitab al-Quran yang sama, kiblat yang sama, menunaikan ibadat haji bersama ke Mekah malah dalam penerbangan dan hotel penginapan yang sama. Bersolat di Masjid Nabawi bersama tetapi kenapa apabila tiba di Malaysia, akan berlaku semula perpecahan? Sedangkan hakikat dan akhirnya akan dikebumikan di tanah perkuburan yang sama dan akan bertemu di akhirat yang sama malah ke syurga yang sama, *insya-Allah*.

Jadi kenapa harus berlaku perpecahan? Semua perpecahan ini adalah berpunca daripada fahaman atau ideologi politik yang berbeza. Jika dahulu perpecahan Melayu Islam ini hanya antara UMNO dan PAS kini Melayu Islam berpecah lagi dengan adanya PKR. Bukan sahaja tidak bertegur sapa sesama Islam malah tidak mengucapkan atau membalas salam, tidak menghadiri kenduri kendera malah kematian dan sehingga kenduri tahlil pun tidak lagi bersama.

Apakah ini yang dikehendaki dalam Islam? Apakah ini yang diajarkan dan dianjurkan oleh Rasulullah SAW? Apakah hukumnya di dalam Islam untuk memutuskan silaturahim? Permusuhan yang serius bukan sahaja berlaku sebelum dan semasa PRU-13 tetapi juga selepas PRU-13. Kata-kata kesat, nista, cemuhan dan ejekan melampau terutama di laman sosial. Namun yang peliknya, hanya antara sesama orang Melayu Islam sahaja sedangkan orang lain bertepuk tangan dan terus menyalakan api perpecahan atas hak asasi, liberalisasi, kebebasan dan keadilan sejagat. Akan tetapi hakikatnya kuasa Melayu Islam semakin lemah dan mudah diperkotak-katikkan.

Tuan Yang di-Pertua, perpecahan umat Islam juga berpunca daripada perasaan bahawa ada golongan yang merasakan lebih Islam, lebih Islamik daripada golongan tertentu daripada golongan Islam lain malah sehingga ke tahap kafir mengkafirkan. Masalah perpecahan ummah bukanlah baru. Majlis Fatwa Kebangsaan yang bersidang pada November 1984 telah membincangkan isu kafir mengkafirkan sesama orang Islam dan mengambil ketetapan:

- (i) tuduhan dan anggapan sesiapa jua bahawa pemimpin atau pegawai kerajaan yang beragama Islam sebagai kafir atau sebaliknya adalah tidak benar dan sia-sia selagi tetap mengucap dua kalimah syahadah; dan
- (ii) sesiapa yang menuduh atau anggapan orang lain yang beragama Islam adalah kafir, maka perbuatan itu adalah haram,

Mesyuarat Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia yang bersidang pada 2001 telah membincangkan masalah perpecahan orang Melayu Islam dan memutuskan di antara lainnya adalah:

- (i) tiada halangan untuk menggunakan perkataan Islam oleh mana-mana pertubuhan malah digalakkan atas dasar berdisiplin, ilmu, iman dan ihsan tetapi mana-mana pertubuhan menggunakan Islam atau perkataan Islam yang mengelirukan masyarakat atau menyelewengkan, salah dan bercanggah dengan prinsip-prinsip Islam adalah salah;

- (ii) seseorang itu sudah diiktiraf sebagai orang Islam jika menepati Rukun Islam, maka adalah salah bagi mana-mana pihak menambah apa-apa syarat lain seperti pengakuan menyokong kepada pihak tertentu; dan
- (iii) ketentuan syurga dan neraka adalah hak mutlak Allah.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan itu saya ingin mendapat penjelasan kerajaan, langkah yang diambil bagi mengatasi masalah perpecahan Melayu Islam ini sehingga merosakkan akidah. Saya juga mencadangkan agar kerajaan menganjurkan segera muzakarah khas bagi membincangkan masalah perpecahan umat Melayu. Muzakarah ini sepatutnya bukan sahaja dihadiri oleh ahli-ahli agama tetapi juga ahli politik, ahli akademik dan badan bukan kerajaan (NGO) serta awam bagi mencari jalan untuk penyatuan umat Melayu Islam di negara ini bagi membina umat Islam yang kuat.

Tuan Yang di-Pertua, selain berlakunya perpecahan antara umat Melayu Islam, berlaku juga perpecahan antara kaum atau etnik. PRU-13 yang jelas telah berlakunya polarisasi kaum dalam pilihan raya. Pada pendapat saya, keadaan ini berlaku kerana kebanyakan rakyat tidak memahami sejarah pembinaan bangsa dan negara ini. Mata pelajaran Sejarah dan Ketatanegaraan sewajarnya diajar lebih awal di sekolah seperti di peringkat sekolah rendah lagi.

#### ■1640

Bukan sahaja sebagai mata pelajaran yang wajib di semua sekolah kerajaan sahaja, tetapi juga di sekolah-sekolah swasta. Sejarah juga wajar menjadi mata pelajaran wajib lulus. Saya ingin mendapatkan penjelasan, apakah langkah kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan bagi meningkatkan integrasi nasional di kalangan pelajar dan seterusnya meningkatkan kecintaan kepada negara.

Sehubungan dengan itu, saya ingin mencadangkan agar Rukun Negara yang menjadi ideologi kebangsaan negara ini disuburkan semula di kalangan semua pelajar. Pelajar sekolah rendah, menengah, IPT dan belia. Rukun Negara yang dibentuk pada 31 Ogos 1970 oleh Majlis Gerakan Negara iaitu setahun selepas berlakunya tragedi berdarah 13 Mei 1969, telah menghancurkan perpaduan dan ketenteraman negara. Rukun Negara mendukung cita-cita untuk mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakat. Memelihara cara hidup demokratik, mewujudkan masyarakat yang adil dan kemakmuran negara akan dapat dinikmati secara adil dan saksama. Memelihara tradisi-tradisi budaya dan membina masyarakat yang progresif dengan menggunakan sains dan teknologi.

Tuan Yang di-Pertua, pengisytiharan itu masih lagi relevan untuk masa kini dan akan datang. Akan tetapi malangnya generasi masa kini tidak mengetahuinya. Lebih menyedihkan lagi generasi lama yang mengetahui prinsip-prinsip Rukun Negara tidak pula menghayatinya serta mengamalkannya. Rukun Negara sepatutnya dibaca di setiap perhimpunan mingguan pelajar di semua peringkat kerana Rukun Negara adalah ikrar pegangan negara yang dijadikan garis panduan dalam usaha membina negara dan bangsa Malaysia.

Saya percaya dan yakin jika prinsip-prinsip Rukun Negara iaitu kepercayaan kepada Tuhan, kesetiaan kepada Raja dan negara, keluhuran Perlembagaan, kedaulatan undang-undang dan kesopanan dan kesusilaan, jika difahami dan dihayati oleh semua rakyat di negara ini, berbagai-bagai isu dan masalah perpaduan negara ini dapat diselesaikan termasuk perbuatan menghina Yang di-Pertuan Agong dan Institusi Diraja serta demonstrasi jalanan yang tidak menghormati undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, isu perpaduan nasional telah dikenal pasti ekoran peristiwa 13 Mei 1969 itu. Serentak dengan itu, kerajaan telah pun menubuhkan Majlis Muhibah Negara. Apabila Parlimen dipulihkan, Majlis Muhibah Negara (MMN) telah dimansuhkan dan Majlis Perpaduan Negara (MPN) pula ditubuhkan. MPN kemudiannya ditukar kepada Majlis Penasihat Perpaduan Negara yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Tun Haji Abdul Razak bin Hussien, Perdana Menteri ketika itu sehingga tertubuhnya Jabatan Perpaduan Negara dan akhirnya kini lahirkan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.

Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, sejauh manakah pencapaian pelan tindakan perpaduan negara dan integrasi nasional 2006 hingga 2010 serta isu-isu perpaduan lainnya telah diambil tindakan secara berkesan? Apakah perancangan kerajaan bagi menangani isu perpaduan dan integrasi nasional serta apakah langkah kerajaan bagi mewujudkan satu model perpaduan nasional negara ini bagi mengelakkan berlakunya polarisasi kaum?

Tuan Yang di-Pertua, Tuanku dalam Titah Baginda menyentuh tentang kejayaan dasar transformasi nasional yang merangkumi Program Transformasi Kerajaan (GTP), Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan Program Transformasi Politik (PTP). Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang telah memperkenalkan Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) bagi membolehkan Malaysia mencapai status negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020.

Hasrat Malaysia adalah untuk mencapai sasaran pendapatan per kapita USD15,000 atau RM46,000 melalui inisiatif menarik pelabur RM1.3 trilion dan mewujudkan 3.3 juta orang pekerja. Tahniah kepada kerajaan yang telah berjaya mendapat pengiktirafan global berhubung kemajuan memberangsangkan. Bank Dunia umpamanya telah meningkatkan kedudukan Malaysia dalam laporan, menjalankan perniagaan daripada kedudukan ke-18 tahun 2012, kepada kedudukan ke-12 iaitu mendahului Sweden, Taiwan, Jerman, Jepun dan Switzerland.

Indeks keyakinan pelaburan langsung asing (FDI) yang dikeluarkan, A.T. Kearney menunjukkan kedudukan Malaysia meningkat ke-10 pada 2012 daripada ke-21 pada tahun 2010 yang mengatasi Perancis, Korea Selatan, Thailand, Vietnam, Kanada dan Turki. Selain itu, pelaburan swasta telah meningkat tiga kali ganda sejak pelancaran EPT dan tahun lalu sahaja mencatatkan pertumbuhan 22 peratus.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya pencapaian kerajaan ini amat membanggakan dan mengetepikan pandangan pembangkang yang selalu memperlekehkan kemampuan kerajaan. Dalam memaju dan membangunkan ekonomi negara khususnya melalui dasar transformasi nasional. Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan itu, saya ingin memohon penjelasan kerajaan sejauh manakah aliran meningkat ini dalam mendorong sektor pelaburan swasta dan sektor pelaburan awam memaju ekonomi negara dan sejauh manakah agenda transformasi ekonomi dapat digembleng bagi menjamin kerajaan dapat memenuhi janji kepada rakyat dan menaikkan mutu kehidupan rakyat keseluruhannya termasuk di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, Tuanku dalam Titah Baginda ada menyentuh berhubung dengan prestasi perkhidmatan awam yang telah memberikan sumbangan besar kepada pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan rakyat. Baginda juga berharap agar penjawat awam meneruskan usaha penambahbaikan, penyampaian perkhidmatan berdasarkan aspek perkhidmatan yang cepat, tepat dan berintegriti serta berfikiran kreatif, inovatif dan produktif. Sehubungan dengan itu, saya ingin membangkitkan tentang Bangunan Gunasama Persekutuan di bawah Kementerian Kerja Raya.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini, terdapat 64 buah Kompleks Bangunan Gunasama Persekutuan di seluruh negara dan dibahagikan kepada empat zon iaitu Zon Utara dan Sabah, Zon Selatan dan Sarawak, Zon Tengah dan Zon Timur. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan khususnya Kementerian Kerja Raya, apakah justifikasi Zon Utara juga meliputi Sabah begitu juga Zon Selatan yang meliputi Sarawak? Apakah Sabah dan Sarawak tidak dijadikan zon yang berasingan? Saya juga ingin menyentuh Zon Timur yang meliputi negeri Terengganu, Pahang dan Kelantan.

Pada masa kini, Pahang mempunyai empat Bangunan Gunasama Persekutuan iaitu di Temerloh, Raub, Kuantan dan Maran. Manakala di Kelantan pula, terdapat empat Bangunan Gunasama Persekutuan iaitu di Kota Bharu, Gua Musang, Kuala Krai dan Marang manakala di Terengganu hanya terdapat dua Bangunan Gunasama Persekutuan sahaja iaitu di Kemaman dan Besut.

Marang adalah sebuah daerah yang sedang pesat membangun dan keperluan kepada Bangunan Gunasama Persekutuan di Daerah Marang amatlah mendesak dan penting bagi memudahkan penduduk di daerah ini mendapatkan pelbagai perkhidmatan dari jabatan-jabatan kerajaan khususnya Jabatan Persekutuan yang berselerak kedudukannya.

## ■1650

Sehubungan dengan itu, saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan adakah kerajaan mempunyai perancangan untuk membina Bangunan Gunasama Persekutuan di Daerah Marang. Jika belum, saya merayu bagi memasukkan di dalam perancangan terkini di Terengganu.

Tuan Yang di-Pertua, Tuanku dalam Titah Baginda ada menyentuh tentang kepentingan jaminan bekalan makanan yang mencukupi untuk negara. Baginda menyarankan agar pendekatan yang holistik dalam membangunkan industri agro makanan. Berhubung dengan pertanian ini saya ingin menyentuh berhubung dengan aktiviti pertanian dan perikanan di Daerah Marang. Berhubung dengan pertanian, pertamanya saya ingin menyentuh dengan kegiatan pertanian di Daerah Marang antara projek pertaniannya adalah termasuk projek kelapa, padi, lebah, tembikai, sayur-sayuran dan lain-lain.

Pada masa kini projek kelapa pandan bagi mendapatkan airnya sudah pun begitu popular di Terengganu khususnya di Daerah Marang. Saya ingin mendapatkan penjelasan tentang satu lagi jenis kelapa iaitu kelapa matag yang dikatakan bernilai komersial untuk menghasilkan santan. Apakah perancangan kerajaan khususnya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bagi memajukan projek tanaman kelapa matag di Daerah Marang? Maklumlah Tuan Yang di-Pertua, santan pun sekarang ini sangat mahal, berganda meningkat harganya untuk makluman sidang Dewan yang dihormati sekalian.

Saya juga ingin membangkitkan tentang projek tanaman padi di Lembah Marang. Satu di Kampung Kubu. Projek ini berpotensi untuk dimajukan dari 50 hektar kepada 300 hektar dan tanaman dari sekali setahun kepada dua kali setahun dapat dilaksanakan sekiranya masalah infrastruktur khususnya pengairan air dapat diatasi. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, apakah langkah kerajaan bagi mengatasi masalah ini dan langkah bagi memajukan kawasan tanaman padi ini?

Saya juga ingin menyentuh berhubung dengan projek-projek di bawah Dasar Jaminan Makanan iaitu Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) di Kampung Seranting bagi mengeluarkan tembikai dan sayur-sayuran seluas 294 hektar. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan khususnya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bagi memajukan lagi TKPM ini dan melibatkan lebih ramai usahawan dan peserta. Saya ingin menyentuh tentang projek ternakan lebah yang akhir-akhir ini menjadi fokus kerajaan khususnya di Daerah Marang yang mempunyai banyak pokok gelam, akasia, pokok kelapa dan sesuai untuk ternakan lebah. Walau bagaimanapun, saya dapati kementerian tidak begitu serius dalam melahirkan dan membangunkan usahawan dalam bidang ini. Jadi saya berharap Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dapat mengambil langkah yang lebih fokus untuk membangunkan industri ternakan lebah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berhubung dengan perikanan yang menjadi nadi kepada 1,550 orang nelayan berdaftar di Daerah Marang dan 300 hingga 400 orang nelayan yang tidak mendaftar serta 175 penternak. Terdapat juga 54 orang yang terlibat secara pengusaha, pemprosesan hasil perikanan. Nelayan sering dikaitkan dengan golongan miskin dan berpendapatan rendah tetapi hakikatnya nelayan bukan lagi golongan yang miskin tetapi kerajaan telah berjaya mengeluarkan mereka dari golongan miskin tegar kepada golongan yang mampu berdikari melalui pelbagai bantuan seperti bantuan perumahan, membaiki rumah, subsidi diesel, insentif penangkapan ikan, bantuan peralatan seperti sampan *fiber glass* dan enjin sangkut.

Dalam bidang perikanan ini, saya ingin membangkitkan tentang subsidi minyak petrol diesel tetapi masih ramai nelayan yang tidak mendapat kemudahan tersebut kerana tidak memperoleh kad nelayan secara sah umpamanya nelayan sungai. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, adakah kerajaan bercadang untuk mengkaji memberikan lesen kepada nelayan sungai bagi membolehkan nelayan-nelayan ini mendapatkan kemudahan sebagai nelayan yang mempunyai lesen.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perikanan ini saya juga ingin kerajaan mengambil langkah mengawal harga sampan *fiber glass* dan enjin sangkut yang mahal. Saya berharap kerajaan terus memberikan bantuan kepada nelayan. Selain itu bagi menggalakkan penyertaan nelayan dan industri kecil berasaskan hasil perikanan...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Masih banyakkah Yang Berhormat? Masih banyak lagi?

**To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin:** Dua minit, satu minit.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terusakan.

**To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin:** Selain itu bagi menggalakkan penyertaan industri kecil berasaskan hasil perikanan ini saya mohon kerajaan menimbangkan bantuan bagi mesin dan alat membuat seperti keropok dan sebagainya khususnya di Terengganu untuk memberi jaminan kepada mereka terutama ibu tunggal untuk jaminan ekonomi keluarga mereka.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin mendapat penjelasan kerajaan, langkah yang diambil bagi memperbaiki kemudahan infrastruktur tempat pendaratan ikan seperti Jambu Bongkok, Gong Balai dan Merchang serta mendalamkan muara sungai seperti muara Sungai Marang dan Sungai Merchang. Selain itu, saya juga berharap kerajaan menyediakan bantuan subsidi bagi pembinaan kolam ternakan ikan bagi menggalakkan lagi lebih ramai pengusaha dalam bidang ini.

Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Dato' Lim Nget Yoon. Silakan Yang Berhormat.

**4.56 ptg.**

**Dato' Lim Nget Yoon:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya ruang dan peluang untuk membahas mengenai Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuanku Agong menyeru semua pihak menerima dan menghormati keputusan PRU Ke-13 yang diadakan mengikut lunas-lunas sistem demokrasi. Malangnya terdapat berjenis-jenis komen dan perhimpunan haram mengatakan keputusan PRU Ke-13 ini tidak adil. Saya berasa amat kecewa sebab mana-mana pihak jikalau berasa keputusan itu tidak adil memang kita ada saluran yang sah untuk mereka membuat aduan mereka itu iaitu membawa kepada mahkamah. Akan tetapi pihak tertentu ini memilih mengadakan perhimpunan haram untuk menjatuhkan imej SPR dan juga Kerajaan Barisan Nasional.

Saya ingin mengatakan apa yang mereka tuduh itu adalah satu pembohongan yang tidak berasas. Seperti kita sedia maklum di setiap peti undi di mana-mana saluran kita terdapat *polling agent*, dengan izin, dari parti-parti yang bertanding...

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada yang hendak mencelah Yang Berhormat. Yang Berhormat izinkan?

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Saya hendak dapat penjelasan, saya hendak dapat penjelasan sedikit.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Saya takut tidak cukup masa.

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Masa banyak lagi. Saya hendak dapat penjelasan sedikit.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Tidak apa, tidak apa.

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Sebab ada pertuduhan ini.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Tidak apa, tidak apa. Bila saya berakhir...

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Tidak boleh, dia kena sekarang, kena sekarang. Penjelasan sedikit sahaja.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Tidak hendak, tidak hendak.

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Tadi Yang Berhormat ada menyebut tentang menggunakan saluran yang tertentu...

**Dato' Lim Nget Yoon:** Tengok, tengok masa.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sudahlah Yang Berhormat. Dia tidak bagi itu. Tidak apalah.



**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Tidak boleh sedikit pun?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ini ruang dia Yang Berhormat.

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Okey tidak apa, terima kasih [*Tepuk*]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan Yang Berhormat.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Minta maaf sebab masa saya, saya sudah kira...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tidak apa teruskan, teruskan.

**Dato' Lim Nget Yoon:** ...Ucapan saya lebih kuranglah. Jadi patut...

#### ■1700

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan Yang Berhormat.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Okey, seperti yang kita sedia maklum, tiap-tiap peti undi ada *polling agent* di mana-mana dari pihak parti-parti yang bertanding termasuk pegawai SPR, mereka menjalankan tugas. Jadi, bukan pegawai SPR sahaja yang menjalankan tugas, jadi kasihan SPR dituduh tidak adil. Lagi pun kita tidak pasti pegawai SPR itu sokong mana-mana pihak. Jadi, untuk memastikan sistem pengundian berjalan lancar, semua pihak tadi untuk memastikan seorang pengundi tidak boleh undi dua kali, yang itulah *ink* sebenarnya tidak perlu sebab...

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** [*Bangun*]

**Dato' Lim Nget Yoon:** Mana-mana pihak hendak mencelah tidak boleh sebab masa untuk saya akan berakhir setengah jam sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ini ruang dia Yang Berhormat, kalau dia tidak bagi Yang Berhormat mencelah.

**Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah:** Minta mencelah.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Tidak boleh, biar saya habiskan. Kalau hendak tanya, tanya kementerian, Menteri, Yang Berhormat akan dapat jawapan yang lebih.

**Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah:** Ini bukan penjelasan dari Menteri, ini satu *statement* yang *you* buat.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Tidak apa, tidak apa.

**Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah:** Kalau *you* buat *statement* tidak mahu jelas, cakap sendiri cukuplah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan Yang Berhormat.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Okey, okey. Mereka untuk memastikan setiap pengundi hanya boleh undi satu kali dan bukan dituduh orang boleh undi dua kali. Itulah timbul *ink* atas kuku jari kita. Kenapa saya kata begini? Ini sebab setiap pengundi bila mereka masuk ke bilik undi, nama, IC dan nombor sirinya akan dibatalkan oleh *polling agent* daripada pembangkang yang semua parti bertanding termasuk pegawai SPR. Jadi, bila nama, IC dan siri nombor katalah saya sudah dibatalkan, macam mana saya boleh undi dua kali?

Okey, sekarang sampailah masa untuk mengira. Sama juga ada *counting clerk*, dengan izin, dari semua parti yang bertanding, *counting agent*. Jadi, mereka pun menjalankan tugas mereka bersama-sama dengan pegawai SPR. Masa untuk mengira undi ialah pukul 5, apabila masa untuk mengundi sudah tamat iaitu pukul 5 dan di bilik undi masing-masing. Pada masa itu, pukul 5 ya? Hari masih sangat cerah, jadi isu *blackout* itu tidak timbul langsung... [*Tepuk*] Keputusan itu ditandatangani oleh semua pihak dan semua pihak itu akan simpan satu salinan. Jadi, ini bermaksud sebelum keputusan diumumkan secara rasmi, parti masing-masing sudah tahu siapa menang dan siapa yang kalah.

Satu saluran mungkin ada beberapa peti. Jadi, peti dikalikan dengan berapa saluran ikut satu DUN dan berapa peti undi dalam DUN, kali berapa DUN, itulah Parlimen. Nombor undi, jumlah itu dikalikan dengan 122 kawasan ialah seluruh pengundi di Malaysia. Bagaimana ada tuduhan yang memang tidak masuk akal, sesuatu tempat, katalah Bentong yang dituduh *blackout*. Ada dua peti lebih, tidak masuk akal sebab jumlah pengundi sudah jelas berapa. Macam mana boleh tambah pengundi?

Jadi, pihak tertentu yang mengeluarkan tuduhan ini mungkin dia sendiri tidak masuk bilik undi yang bekerja sebagai *polling clerk* atau *counting clerk*, dia langsung tidak tahu. Ada satu tuduhan juga kata saya sudah tandatangan lapan peti undi, ada enam lagi saya tidak tandatangan. Jadi, yang enam peti undi itu bermaksud dialah boleh ada kekacauan tetapi *bear in mind*, satu *counting clerk* hanya boleh menandatangani satu keputusan peti undi. Tengok, ini semua tuduhan tidak masuk akal. Itulah tentang *blackout* dan kiraan undi.

Tentang *phantom* pengundi. Kita memang tahu yang ada *phantom* pengundi iaitu orang yang meninggal dunia. Jadi, namanya belum dibatalkan tetapi si mati tidak boleh mengundi atau keluarga dia dengan sijil kematiannya sebab ICnya sudah ditukar, diganti oleh sijil kematian. Akibat menangkap *phantom* pengundi ialah tentang 40,000 Bangladesh. Jadi, akibatnya pekerja asing dipukul dan pihak tertentu kena meminta maaf daripada warga Malaysia sendiri yang *Indian adopted man*. *No, no*, bukan Bangladesh. Dia *actually* India, *diadopt* oleh *Chinese*, jadi namanya Cina. Akan tetapi wajahnya India, jadi inilah pengundi *phantom* tetapi kena minta maaf.

Dari segi ini, satu kepujian kepada parti PAS sebab mereka akui keputusan PRU Ke-13. Mereka memang jujur.

#### ■1710

Baginda berharap semua Ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat memainkan peranan dan bekerjasama untuk terus mengekalkan kestabilan dan kemakmuran dan perpaduan masyarakat pelbagai kaum dan agama akan dikekalkan, kesejahteraan hidup terus meningkat. Akan tetapi yakni terdapat pihak tertentu yang tidak membantu kerajaan untuk merealisasikan amanat tersebut. Mereka melakukan perkara-perkara yang terbalik. Mereka mengatakan berjenis-jenis melalui berjenis-jenis saluran termasuk laman web. Mereka membuat begitu untuk meracunkan masyarakat, untuk menjatuhkan imej negara. Jadi perbuatan mereka, kelakuan tersebut telah menjejaskan imej negara kita. Jadi kelakuan pihak tertentu itu bolehkah kita sebut sebagai pengkhianatan? Ini sebab semua orang hendak membangunkan negara, kenapa ada kejadian kelakuan yang ingin memburukkan imej negara?

Di sini saya berharap MCMC boleh ambil tindakan yang lebih proaktif, lebih tegas tentang pihak yang salah guna laman web agar laman web jangan diperalatkan oleh mana-mana pihak. Pagi ini mengikut jawapan daripada kementerian, terdapat informasi, kementerian telah mengambil langkah-langkah untuk menjayakan perpaduan masyarakat. Akan tetapi dengan isu Alvi-Vi (Alvin-Vivian), baru-baru ini, tindakan kerajaan belum cukup bagus, harus meningkat lagi. Ini sebab perpaduan masyarakat ialah satu punca yang paling penting dalam membangunkan negara kita.

Baginda berasa suka hati kerajaan telah meletakkan ekonomi negara di landasan yang kukuh walaupun ketidakpastian persekitaran global termasuk krisis hutang di Eropah pada tahun 2012. Pencapaian ini bukan senang, jangan kita memusnahkan. Akan tetapi perhimpunan-perhimpunan sama ada haram atau sah dianjurkan oleh pihak tertentu memang memberi impak yang negatif khususnya kepada industri pelancongan serta menakutkan pelabur-pelabur asing. Ini akan menjejaskan ekonomi negara kita. Saya hendak tanya, inikah cara kita menyayangi negara kita?

Baginda menyeru rakyat untuk memberikan sokongan kepada industri pelancongan dengan memupuk budaya dan amalan positif khususnya bagi program Tahun Melawat Malaysia 2014. Seperti kita telah maklum, perkhidmatan teksi negara kita tidak memuaskan oleh sebab sikap dan tindakan sebahagian pemandu teksi. Kerajaan telah banyak membantu mereka, misalnya memberi mereka baucar tayar, mengeluarkan lebih lesen dan sebagainya. Akan tetapi saya fikir pemandu teksi harus diberikan pendidikan, kesedaran agar mereka faham perkhidmatan mereka memberi impak secara langsung kepada pelancong serta menentukan kedatangan pelancong asing ke negara kita. Saya berharap mereka jangan menyembelih, sembelih, menyembelih angsa yang bertelur emas...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Menyembelih.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Salah satu faktor menjejaskan imej negara kita ialah sampah sarap dibuang merata-rata tempat dan pengemis di tempat pelancongan. Di Bukit Bintang, Jalan Alor penuh dengan pengemis.

Saya percaya itu pengemis bukan warganegara, dia ada sindiket yang bawa pengemis asing untuk cari duit di negara kita. Jadi saya berharap kerajaan akan dapat menyelesaikan kedua-dua masalah itu supaya kita boleh duduk di negara yang bersih, indah dan sihat.

Jenayah yang selalu berlaku di negara kita...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Jenayah.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Jenayah. Jenayah yang berlaku di negara kita akan terjadi halangan kepada industri pelancongan juga. Saya berharap kerajaan mengambil tindakan sewajarnya untuk mencegah jenayah agar rakyat boleh duduk di sebuah negara yang lebih selamat serta menarik lebih pelancong asing ke negara kita. Akan tetapi bila kita cakap dengan jenayah, adakah penjenayah ikut cara pihak tertentu, cara mereka menganjurkan perhimpunan yang haram. Bila perhimpunan-perhimpunan yang tidak dapat kebenaran oleh pihak polis, itu boleh kira cabar pihak polis. Jadi kemungkinan penjenayah pun ikutlah, bila salah tidak dapat apa-apa tindakan. Jadi mungkinlah mereka pun hendak meniru kejadian itu...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang hendak mencelah.

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Penjelasan. Sedikit sahaja penjelasan.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Tidak, tidak, tidak.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ini penjelasan Yang Berhormat.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Sudah 5.29...

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Tidak. Dia kalau kita buat tuduhan rambang, kita perlu bertanggungjawab atas tuduhan. Jadi, saya minta penjelasan.

■1720

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, dia perlukan penjelasan. Jadi Yang Berhormat harus beri dia ruang.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Okey.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Adakah Yang Berhormat tahu bahawa perhimpunan yang dianjurkan selama ini mendapat kebenaran polis daripada Akta Perhimpunan Aman?

**Dato' Lim Nget Yoon:** Ini di surat khabar mungkin ada yang sudah dapat tetapi ada yang tidak dapat dan tempat yang pihak kerajaan atau pihak polis tidak benarkan tetapi *insist*. Yang *insist* itu tidak boleh. Katakanlah cabaran. *You don't let me, I insist*. So yang ini bukan...

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Yang Berhormat, boleh mencelah? Bolehlah.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Boleh. Sudah celah.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** [Ketawa]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, dia hendak mencelah. Yang Berhormat bagi? Ya, silakan Yang Berhormat.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Adakah Yang Berhormat tahu bahawa banyak sekali perhimpunan haram yang dibuat oleh pembangkang Pakatan Rakyat yang tidak mengikut aturan dan langgar sahaja. Apakah sebab-sebabnya pada pendapat Yang Berhormat?

**Dato' Lim Nget Yoon:** Saya fikir mereka buat begitu hanya hendak cabar pihak polis, *what can you do?* Jadi jikalau..

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Bukankah..

**Dato' Lim Nget Yoon:** ...Mereka ditangkap oleh pihak polis. Jadi seluruh negara akan simpati.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Bukankah mereka anak haram?

**Dato' Lim Nget Yoon:** Boleh kata begitu... [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersyukur keyakinan Baginda kepada kaum wanita mampu memberi sumbangan dalam semua sektor demi kecemerlangan masa depan negara. Tanpa taska-taska dan pembantu rumah yang berkualiti ramai wanita terpaksa memilih menjadi suri rumah. Kejadian tersebut adalah salah satu punca kekurangan sumber manusia di negara kita. Untuk mencapai sasaran 30 peratus, pembuat keputusan daripada kalangan wanita di sektor korporat dan sasaran penyertaan 55 peratus wanita dalam tenaga kerja pada tahun 2015, halangan untuk pekerja wanita tersebut haruslah diselesaikan dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, kebimbangan Baginda dengan kadar kemalangan jalan raya yang membawa kehilangan sumber manusia yang produktif dan kerugian harta benda yang melebihi RM9 bilion setiap tahun. Untuk mengatasi masalah tersebut, kerajaan ingin melaksanakan AES untuk mengurangkan kemalangan yang berlaku kerana pemandu memandu kenderaan terlalu pantas. AES ini tidak *involve*, dengan izin, pekerjaan manual. Ini bukan sahaja menjimatkan sumber manusia dan boleh juga mencegah rasuah seperti selalu dituduh oleh pihak tertentu. AES ini terbukti berkesan di banyak negara yang sudah melaksanakan AES...

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Boleh mencelah lagi?

**Dato' Lim Nget Yoon:** Ya. Sudah, sudah.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Kenapa AES di bangkang oleh pembangkang, kenapa?

**Dato' Lim Nget Yoon:** Saya fikir pembangkang saja membangkang *for the sake of* membangkang... [Tepuk]

Jadi, saya berharap pihak yang tertentu macam tadi sudah cakap jangan membangkang sebab ingin membangkang tanpa mengambil berat tentang keselamatan jalan raya kita. Mereka jangan memberikan gambaran yang salah kepada orang awam dan menyalurkan sikap yang negatif seperti menentang tindakan polis, misalnya menyuruh orang awam yang menerima kompaun jangan membayar kompaun. Sebagai parti-parti politik ataupun pemimpin-pemimpin yang bertanggungjawab kita harus memberi sokongan kepada akta yang akan memberikan manfaat kepada orang awam dan bukan membuat sebaliknya untuk agenda mereka sendiri. Seperti seruan Baginda iaitu janganlah membuat sesuatu..

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang hendak mencelah.

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Hendak penjelasan berkenaan dengan AES tadi. Ha, tidak dapat pula!

**Dato' Lim Nget Yoon:** Tidak mengapa. Sedikit lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi mencelah atau pun tidak?

**Dato' Lim Nget Yoon:** Okey, okey. Sudah celah,,, [Ketawa]

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Sedikit sahaja. Saya hendak tanya Yang Berhormat, sama ada Yang Berhormat tahu atau tidak butiran perjanjian AES antara kerajaan dan pembekal boleh sehingga 17 peratus daripada jumlah kompaun yang dikutip selama kalau tidak silap saya, *the next five years* akan dibayar kepada pembekal bukan untuk manfaat rakyat? Saya hendak tanya itu sahaja. Tahu atau pun tidak?

**Dato' Lim Nget Yoon:** Saya tahu. Saya pun tahu kerajaan tidak akan keluarkan satu sen untuk melaksanakan sistem AES. Jadi itu sudah menjawab soalan Yang Berhormat ya.

Seperti seruan Baginda iaitu janganlah berbuat sesuatu perkara yang boleh memusnahkan negara kerana sebuah negara yang musnah akibat *conflicts*, dengan izin, atau mengalami kejatuhan ekonomi belum tentu dapat bangkit semula dalam tempoh yang singkat. Jadi saya memang berharap semua pihak tidak mengira pembangkang atau kerajaan, kita mesti bekerjasama. Kita membangkang akta yang tidak bagus. Bagi AES memang ini *looking for a bone in the egg*...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Telur apa itu Yang Berhormat?

**Dato' Lim Nget Yoon:** *Looking for a bone in the egg, dengan izin. So it is just cari hal.*

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** *Looking apa..., looking for a bone?*

**Dato' Lim Nget Yoon:** Cari hal lah.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Apa dia lah... *[Ketawa]* Apa dia?

**Dato' Lim Nget Yoon:** Cari pasal! Sia-sia!

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, waktu kita sekarang tepat pukul 5.30 petang. Yang Berhormat masih banyak lagi kah yang hendak dibahaskan?

**Dato' Lim Nget Yoon:** *I sudah kata tadi, I sudah timing.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** *So sekarang hendak gulung?*

**Dato' Lim Nget Yoon:** Ya, ya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila gulung terus Yang Berhormat. Masa kita sudah pukul 5.30 petang sekarang.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga pukul 10 pagi, 23 Julai, 2013.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.]***



*Lampiran*

**TITAH SERI PADUKA BAGINDA  
YANG DI-PERTUAN AGONG  
ALMU'TASIMU BILLAHI MUHIBBUDDIN  
TUANKU ALHAJ ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH  
IBNI ALMARHUM SULTAN BADLISHAH**

*Bismillaahir Rahmaanir Rahiim*

*Alhamdulillah Rabbil 'Alamin Wabihi Nasta'in*

*Assalamualaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh*

dan Salam Sejahtera.

Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Ahli-Ahli Dewan Negara dan Ahli-Ahli Dewan Rakyat sekalian.

*Alhamdulillah*, Beta memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan limpah kurnia dan izinNya dapat kita bersama-sama pada hari ini dalam Istiadat Pembukaan Penggal Pertama, Parlimen Ketiga Belas.

2. Beta bersyukur kerana Pilihan Raya Umum Ketiga Belas telah dapat dilaksanakan dalam suasana yang aman. Beta menghargai peranan semua pihak terutama sekali Suruhanjaya Pilihan Raya, pasukan keselamatan serta anggota-anggota Perkhidmatan Awam dalam memastikan pilihan raya umum berkenaan berjalan lancar. Penghargaan juga kepada seluruh rakyat jelata yang telah menggunakan hak dan menunaikan kewajipan untuk memilih kerajaan bagi mentadbir negara.

3. Beta menyeru semua pihak menerima dan menghormati keputusan Pilihan Raya Umum Ketiga Belas yang telah diadakan mengikut luns-lunas sistem demokrasi dan seterusnya bekerjasama serta berganding bahu bagi membolehkan negara melangkah ke depan untuk mencapai matlamat negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Beta percaya komitmen kerajaan dalam merealisasikan agenda transformasi nasional melalui program-program di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dan Bidang Ekonomi Utama Nasional (NKEA) akan memanfaatkan segenap lapisan masyarakat baik dari segi ekonomi, sosial, keselamatan dan politik. Dalam mencapai hasrat tersebut, Kerajaan Beta akan terus memberi penekanan terhadap nilai-nilai akauntabiliti, integriti, pematuhan undang-undang dan tadbir urus yang baik.

4. Beta mengucapkan tahniah kepada semua Ahli Dewan yang telah dipilih oleh rakyat. Harapan Beta kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, berkhidmatlah kepada rakyat dengan penuh dedikasi, berintegriti dan sentiasa menunjukkan akhlak yang terpuji demi agama, maruah diri, institusi Parlimen yang mulia dan negara yang tercinta. Sematkanlah dalam sanubari bahawa kehadiran Ahli-ahli Yang Berhormat ke Dewan yang mulia ini adalah satu tanggung jawab bagi menunaikan janji-janji kepada rakyat. Semua Ahli Yang Berhormat hendaklah bersama-sama memikul amanah rakyat yang inginkan kestabilan dan kemakmuran negara berkekalan, kesejahteraan hidup terus meningkat serta perpaduan masyarakat pelbagai kaum dan agama kian utuh. Rakyat pula perlu turut sama memainkan peranan dan bekerjasama dalam membantu kerajaan merealisasikan amanah tersebut.

5. Beta mengucapkan tahniah kepada Mamanda Perdana Menteri dan barisan Jemaah Menterinya kerana telah berjaya membentuk kerajaan. Beta yakin kerajaan akan terus berusaha dengan gigih untuk membangunkan negara bagi mencapai matlamat menjadi negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

6. Di kesempatan ini, Beta dan Raja Permaisuri Agong merakamkan ucapan takziah kepada keluarga anggota pasukan keselamatan yang telah terkorban semasa mempertahankan negara dalam insiden serangan kumpulan pengganas Sulu di Lahad Datu dan Semporna, Sabah pada bulan Mac tahun ini. Jasa, khidmat bakti dan pengorbanan Angkatan Tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia dan orang awam serta semua pihak yang terlibat dalam memelihara keselamatan di timur Sabah amat dihargai dan disanjung tinggi. Bagi memastikan keselamatan dan kedaulatan negara terus dipelihara, kerajaan Beta telah menubuhkan Kawasan Keselamatan Khas Timur Sabah (ESSCOM) dan Zon Selamat Sabah Timur (ESSZONE).

Ahli-ahli Yang Berhormat,

7. Beta sukacita kerana semasa pemerintahan Beta yang terdahulu dan kali kedua ini, Beta telah menyaksikan kemajuan negara bergerak secara progresif. Malaysia telah berubah menjadi sebuah negara perindustrian moden berpendapatan sederhana tinggi dan kini sedang menuju ke arah menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi dengan mengutamakan kesejahteraan rakyat.

8. Walaupun ketidakpastian persekitaran global termasuk krisis hutang di Eropah pada tahun 2012 secara tidak langsung telah memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi negara, namun melalui pelbagai inisiatif, kerajaan Beta telah berjaya meletakkan ekonomi negara di landasan yang kukuh.

9. Kedudukan daya saing Malaysia di peringkat global juga telah meningkat lebih baik seperti yang dilaporkan oleh Laporan Kajian Bank Dunia Bagi Kemudahan Menjalankan Perniagaan tahun 2013 di mana Malaysia disenaraikan negara ke-12 paling mesra perniagaan di dunia dan menduduki tangga ke-10 sebagai destinasi pilihan pelaburan langsung asing dalam Indeks Keyakinan Pelaburan Asing tahun 2012. Laporan Tahunan Bagi Daya Saing Dunia oleh IMD bagi tahun 2013 telah mengiktiraf Malaysia sebagai negara yang paling berdaya saing di kalangan 30 negara dengan keluaran dalam negara kasar per kapita kurang daripada USD 20,000, manakala di kalangan negara ASEAN, Malaysia berada kedudukan kedua di samping menduduki tangga ketujuh di dunia dari segi pencapaian ekonomi.

10. Tahniat Beta ucapkan di atas pencapaian cemerlang pada tahun 2012. Beta berharap pada tahun ini negara akan berjaya mencapai sasaran pertumbuhan ekonomi yang dianjurkan antara lima peratus hingga enam peratus. Beta juga berbangga dengan prestasi FBM KLCI yang mencatatkan paras tertinggi iaitu seribu tujuh ratus lapan puluh lapan perpuluhan empat tiga mata pada 14 Mei 2013 serta usaha kerajaan yang berjaya menarik pelaburan diluluskan berjumlah empat puluh sembilan perpuluhan tiga bilion ringgit dalam tempoh tiga bulan pertama tahun ini, iaitu peningkatan empat puluh empat peratus berbanding tempoh yang sama tahun lalu.

11. Peranan sektor swasta dalam menjana pertumbuhan ekonomi negara semakin penting. Kerajaan Beta akan terus berperanan sebagai pemudah cara dan menyediakan persekitaran yang kondusif bagi meningkatkan peranan sektor swasta memacu pertumbuhan ekonomi. Dalam pada itu usaha Malaysia ke arah negara maju berpendapatan tinggi juga bergantung kepada kemajuan teknologi dan keupayaan inovasi. Menyedari hakikat ini, Kerajaan Beta akan terus memperhebatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan termasuk meningkatkan usaha pengkomersialan.

12. Kerajaan juga akan terus berusaha untuk menarik lebih banyak pelaburan yang bernilai dan berteknologi tinggi serta mampu melonjakkan Malaysia sebagai sebuah negara pengeluar produk dan perkhidmatan yang inovatif dan kreatif. Sehubungan ini, kerajaan akan terus menyediakan dan membangunkan ekosistem yang lebih kondusif bagi pelabur.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

13. Beta mengucapkan tahniat atas inisiatif kerajaan dalam melakukan transformasi komprehensif ke atas sistem pendidikan negara melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 hingga 2015. Matlamatnya adalah untuk menambah baik sistem pendidikan negara bagi menyediakan modal insan yang antaranya berpengetahuan, berkemahiran dan mampu menyumbang kepada kesejahteraan diri, keluarga, masyarakat dan negara. Beta



berharap semua pihak tanpa mengira latar belakang menghayati dan memainkan peranan masing-masing untuk menjayakan hala tuju yang ditetapkan.

14. Kerajaan Beta akan melipatgandakan usaha bagi memartabatkan Pusat Kecemerlangan Pengajian Tinggi di Institusi Pengajian Tinggi Awan ke tahap antarabangsa, termasuk memperbanyakkan penyelidikan berimpak tinggi dalam bidang-bidang strategik. Agenda Pembangunan Holistik Pelajar pula akan diteruskan dengan fokus kepada Program Keusahawanan dan Program Kesukarelawan Siswa. Pelan Hala Tuju Bakat 2020 turut dilancarkan bagi menangani isu ketersediaan modal insan bagi memacu transformasi ekonomi negara.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

15. Pelbagai pihak telah mengiktiraf Malaysia sebagai antara destinasi pelancongan terbaik dunia. Kuala Lumpur misalnya telah diiktiraf sebagai Destinasi Keempat Membeli Belah Terbaik Dunia berdasarkan kajian CNN Travel 2012. Begitu juga dengan Program Inap Desa yang telah dianugerahkan tempat pertama oleh Pertubuhan Pelancongan Sedunia Ulysses 2012. Beta menyeru rakyat untuk terus memberi sokongan kepada industri pelancongan terutama bagi program Tahun Melawat Malaysia 2014, dengan memupuk budaya dan amalan positif yang dapat memikat hati pelancong.

16. Kerajaan Beta telah menggubal Dasar Komoditi Negara bagi mentransformasikan dan memperkukuh sektor perladangan dan komoditi yang merupakan salah satu tunjang utama ekonomi negara. Antara sasaran dasar ini ialah meningkatkan pendapatan eksport komoditi daripada seratus tiga belas bilion ringgit pada tahun 2010 kepada dua ratus empat puluh dua bilion ringgit menjelang tahun 2020, yang mana faedahnya akan turut dinikmati oleh pekebun-pekebun kecil.

17. Kerajaan Beta memandang serius kepentingan jaminan bekalan makanan memandangkan sektor pertanian terdedah kepada kesan perubahan iklim dunia dan harga bahan makanan yang tidak menentu di pasaran global. Justeru, pendekatan yang holistik dalam membangunkan industri agromakanan akan diteruskan termasuk pembukaan empat jelapang padi baru di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

18. Perkhidmatan Awam telah berjaya memainkan peranan penting dalam merealisasikan Dasar Transformasi Nasional yang merangkumi Program Transformasi Kerajaan, Ekonomi, Politik dan Sosial. Program-program ini telah berjaya memberi sumbangan besar kepada pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan rakyat. Beta berharap penjawat awam meneruskan usaha penambahbaikan penyampaian perkhidmatan berdasarkan tiga aspek iaitu perkhidmatan yang cepat, tepat dan berintegriti, selain berfikiran kreatif, inovatif dan menekankan produktiviti.

19. Beta berbangga atas kejayaan kerajaan mengurangkan kadar kemiskinan kepada satu persepuluh tujuh peratus pada tahun lalu dan seterusnya telah mencapai lebih awal sasaran Rancangan Malaysia Kesepuluh bagi mengurangkan kadar keseluruhan kemiskinan rakyat kepada dua peratus pada tahun 2015. Pelbagai program dan inisiatif akan terus dilaksanakan di luar bandar, antaranya melalui usaha-usaha mempergiatkan pembangunan ekonomi berdaya saing dan maju, dengan disokong oleh penyediaan infrastruktur untuk penduduk. Sehubungan itu Kerajaan Beta akan memperkukuhkan lagi Program Transformasi Luar Bandar dengan menambah bilangan Pusat Transformasi Luar Bandar. Kerajaan juga akan meneruskan program meningkatkan pendapatan dan kualiti hidup golongan isi rumah berpendapatan empat puluh peratus terendah termasuk masyarakat Orang Asli di Semenanjung serta kumpulan-kumpulan etnik peribumi di Sabah dan Sarawak.

20. Program Transformasi FELDA akan diteruskan antaranya dengan memantapkan program pendidikan dan latihan kepada generasi baharu supaya lebih berkemahiran, berinovatif dan berkualiti. Sebagai langkah untuk melibatkan generasi baharu dalam pembangunan ekonomi di rancangan, FELDA akan memperluaskan pembinaan rumah melalui Program Sentuhan Kasih supaya mereka terus menetap di rancangan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

21. Selaras dengan hasrat untuk membolehkan rakyat memiliki rumah sendiri, Kerajaan Beta akan membina sejuta rumah mampu milik termasuk lima ratus ribu unit di bawah Projek Perumahan 1Malaysia yang digerakkan dengan kerjasama sektor swasta. Penjawat awam juga mendapat perhatian kerajaan melalui Skim Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia. Di samping itu, syarat pinjaman perumahan melalui Skim Rumah Pertamaku turut dipermudahkan bagi memberi manfaat kepada lebih ramai rakyat. Beta berharap penduduk bandar dan luar bandar mendapat manfaat daripada skim-skim perumahan ini. Dalam pada itu, program-program menaik taraf kemudahan asas kawasan perumahan turut dilaksanakan bagi meningkatkan keselesaan dan keselamatan penduduk.

22. Sebagai usaha menggalakkan masyarakat mengamalkan gaya hidup sihat dan langkah pencegahan awal penyakit kronik, kerajaan Beta telah menyediakan perkhidmatan saringan kesihatan bagi penyakit tidak berjangkit secara percuma di hospital dan klinik kesihatan kerajaan, termasuk Klinik 1Malaysia. Selain itu, klinik pergigian turut diwujudkan di Pusat Transformasi Bandar dan Pusat Transformasi Luar Bandar bagi memudahkan rakyat mendapat rawatan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

23. Kerajaan menghargai sumbangan setiap lapisan rakyat termasuk golongan belia yang mewakili empat puluh enam peratus daripada penduduk negara. Menyedari potensi, aspirasi dan peri pentingnya golongan ini dalam pembangunan negara, transformasi pembangunan belia akan terus dilaksanakan. Antaranya melalui pewujudan Parlimen Belia Malaysia sebagai platform untuk mendengar pendapat belia. Kerajaan juga akan mengarusperdanakan program kesukarelawan yang diterajui *1Malaysia For Youth*. Selain itu, Yayasan Usahawan Baharu telah ditubuhkan untuk melatih dan membimbing usahawan muda dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi serta pewujudan Dana Usahawan Muda bagi memulakan perniagaan.

24. Kemantapan institusi keluarga adalah penting kepada kestabilan sosial. Oleh yang demikian, Kerajaan Beta telah memperkenalkan program 1Malaysia Utamakan Keluarga dengan hasrat memperkukuhkan institusi keluarga menerusi pembentukan keluarga sejahtera, sihat dan terjalin erat dengan ikatan kasih sayang. Di bawah inisiatif ini sumber-sumber daripada semua agensi kerajaan, swasta dan badan-badan bukan kerajaan akan digembleng dalam meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan berkaitan kekeluargaan.

25. Beta yakin kaum wanita mampu menyahut cabaran dan terus meningkatkan potensi diri untuk memberi sumbangan lebih besar dalam semua sektor demi kecemerlangan masa depan negara. Beta mengalu-alukan pendekatan yang melibatkan perkongsian pintar dengan pihak swasta dan badan bukan kerajaan untuk meningkatkan ekonomi golongan wanita. Selain itu, Kerajaan juga akan turut merancang lagi inisiatif untuk mencapai sasaran tiga puluh peratus pembuat keputusan daripada kalangan wanita di sektor korporat dan menarik lebih ramai profesional wanita kembali ke pasaran pekerjaan bagi mencapai sasaran penyertaan lima puluh lima peratus wanita dalam tenaga kerja pada tahun 2015.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

26. Kerajaan juga amat komited untuk memajukan sistem pengangkutan awam agar lebih efisien untuk keselesaan rakyat dan pada masa yang sama akan terus memberi sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi dengan melaksanakan pelbagai pembaharuan dan inisiatif, antaranya pembinaan Aliran Transit Massa (MRT) dan Terminal KLIA 2, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA). Dalam pada itu, Beta amat bimbang dengan kadar kemalangan jalan raya yang membawa kepada kehilangan sumber manusia yang produktif serta kerugian harta benda yang melebihi sembilan bilion ringgit setiap tahun. Justeru para pengguna jalan raya hendaklah memberi kerjasama sepenuhnya kepada usaha-usaha kerajaan bagi mengurangkan kadar kemalangan di negara ini.

27. Ketenteraman awam dan keselamatan negara tetapi menjadi keutamaan kerajaan. Kerajaan Beta juga akan terus berusaha untuk memperbetulkan jurang antara persepsi dan hakikat tahap keselamatan di negara ini. Di peringkat antarabangsa pula, kerajaan akan meneruskan usaha memerangi jenayah rentas sempadan dengan meningkatkan kerjasama strategik dengan negara-negara lain.

28. Dalam usaha pencegahan rasuah, Beta menghargai peranan yang terus dimainkan oleh kerajaan dalam memacu inisiatif pencegahan rasuah. Kewujudan institusi, undang-undang, dasar dan mekanisme pencegahan rasuah di negara ini kini telah menjadikan Malaysia antara sumber rujukan bagi negara-negara lain. Kerajaan Beta juga telah membangun dan melaksanakan Ikrar Integriti Korporat bagi mewujudkan persekitaran perniagaan yang adil, telus dan bebas daripada rasuah. Di samping itu, usaha juga terus diambil untuk memartabatkan institusi-institusi berkaitan tadbir urus agar dapat meningkatkan kecekapan sistem penyampaian kerajaan.

29. Kerajaan Beta komited untuk memartabatkan Islam berteraskan Maqasid Syariah dan akan terus memelihara kedudukan Islam sebagai agama bagi Persekutuan. Justeru, Beta berharap kedudukan agama Islam tidak dipersoal dan diselewengkan untuk kepentingan mana-mana pihak sehingga boleh memesongkan akidah umat Islam. Beta juga menyeru agar rakyat membuang sifat-sifat yang membawa kepada perpecahan sebaliknya mencari titik persefahaman untuk memupuk dan mengeratkan perpaduan.

30. Beta amat sukacita dengan usaha Malaysia untuk mengeratkan hubungan baik dengan negara-negara lain di seluruh dunia. Beta berharap agar melalui konsep Gerakan Kesederhanaan Global, Malaysia terus memainkan peranan penting dalam mengeratkan kerjasama ASEAN serta membantu mewujudkan keamanan dan kesejahteraan global terutamanya di rantau ini dan di dunia. Beta juga menghargai komitmen kerajaan dan rakyat yang sentiasa memberi bantuan kemanusiaan dan sokongan kepada rakyat Palestin untuk mendapatkan kembali hak mereka sebagai bangsa yang merdeka dan berdaulat.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

31. Beta ingin mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat sebagai Ahli Dewan yang mulia ini agar menumpahkan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada negara serta sentiasa memelihara, melindungi dan mempertahankan Perlembagaan Persekutuan. Janganlah berbuat sesuatu perkara yang boleh memusnahkan negara. Sebuah negara yang musnah akibat persengketaan atau mengalami kejatuhan ekonomi belum tentu dapat bangkit semula dalam tempoh yang singkat. Justeru, Beta menyeru semua Ahli Yang Berhormat supaya merapatkan saf, berganding bahu membangun dan memajukan negara.

32. Beta menghargai kesetiaan, dedikasi, keikhlasan dan sumbangan anggota Perkhidmatan Awam dan semua pihak ke arah pembangunan dan kemakmuran negara. Beta turut menyanjung pengorbanan Angkatan Tentera Malaysia dan Polis Diraja Malaysia serta agensi-agensi penguatkuasaan yang lain dalam menjamin keselamatan, keamanan dan kedaulatan negara.

33. Akhir titah, Beta dan Raja Permaisuri Agong berdoa semoga negara yang tercinta ini akan terus maju dan makmur dengan rakyatnya sejahtera, bersatu padu dan hidup aman sentosa di bawah lindungan Allah Subhanahu Wataala.

*Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah,*

*Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakaatuh.*